



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA

*Senate*

### PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

### PENGGAL KEDUA

*Second Session*

---

Jilid II                      Bil. 8                      Hari Rabu                      6hb April, 1988

---

#### KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

#### USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan  
daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat (Ruangan 35)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia,  
Insuran dan Takaful (Pindaan) (Ruangan 36)  
Rang Undang-undang (Pembahagian) Pusaka Kecil (Pindaan) (Ruangan 61)  
Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara  
(Perbadanan) (Pindaan) (Ruangan 67)  
Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) (Ruangan 73)  
Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Ruangan 143)  
Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan  
Pelesenan) (Pindaan) (Ruangan 148)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 6hb April, 1988**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUDM - PESAWAT PEJUANG DAN HELIKOPTER**

1. **Tuan Koh Im Pin** minta Menteri Pertahanan menyatakan kebanyakan jet untuk perjuangan dan helikopter yang digunakan oleh Angkatan Tentera Udara di negara kita adalah tidak begitu moden terutama yang digunakan untuk menjalani latihan. Ini telah menyebabkan selalu berlaku perkara yang tidak diingini. Ia juga telah menyebabkan negara kita kehilangan juruterbang yang mahir. Bolehkah Menteri Pertahanan menyatakan berapakah kali perkara seperti ini telah berlaku dan berapakah kakitangan Angkatan Tentera Udara telah terkorban.

**Menteri Pertahanan[Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj]:**

Tuan Yang di-Pertua, pesawat pejuang dan helikopter yang digunakan oleh TUDM terutama untuk latihan walaupun bukan jenis yang termoden tetapi masih sempurna dan mempunyai prestasi yang memuaskan. Kemalangan dan kehilangan nyawa yang berlaku adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana ianya berlaku di luar jangkauan manusia.

Kementerian Pertahanan memang sedar bahawa tiap-tiap satu kemalangan adalah merupakan satu kerugian kerana ianya bukan sahaja mengorbankan nyawa malah harta benda. Menyedari hakikat ini pihak TUDM telah menubuhkan satu organisasi yang tertentu untuk mengawal dan mencegah dari terjadinya kemalangan-kemalangan yang mungkin

dapat dielakkan. Kempen-kempen keselamatan penerbangan serta langkah-langkah yang tertentu sentiasa diambil dengan secara aktif setiap masa di samping kawalan dan undang-undang yang berkaitan dengan cara guna pesawat-pesawat terbang diperketatkan setiap masa.

Pesawat pejuang mula berkhidmat dengan TUDM pada tahun 1967. Kemalangan pertama pesawat pejuang TUDM ialah pada 26 Mei, 1970 iaitu 4 tahun perkhidmatan tanpa kemalangan. Jumlah pesawat yang telah dilupuskan (write off), dengau izin, ialah 14. Jumlah juruterbang yang terkorban ialah 11.

Pesawat helikopter pula mula berkhidmat dengan TUDM pada tahun 1963. Kemalangan pertama pesawat jenis ini ialah pada 20 Januari, 1965, hampir dua tahun perkhidmatan tanpa kemalangan. Jumlah pesawat yang telah dilupuskan (write off) ialah 19. Jumlah anggota yang terkorban ialah 32, jumlah ini termasuk penumpang pesawat.

Walau bagaimanapun kita hanya dapat berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan terjadinya kemalangan-kemalangan pesawat yang tidak kita ingini itu tetapi kita tidak dapat mencegah sama sekali kerana sesebuah pesawat itu mempunyai sistem yang begitu kompleks dan sebab-sebab adanya kemungkinan di luar dugaan anggota tentera kita bagi terjadinya satu-satu kemalangan sentiasa ada.

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat jet pejuang dan helikopter Angkatan Tentera Udara kita kerap berlaku kemalangan. Dari segi siasatan apakah perkara-perkara yang terjadi demikian, adakah sama ada masalah cuaca atau jet itu sendiri atau sebagainya?

**Teogku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan kemalangan ini jatuh kepada empat kategori:-

1. Teknikal;
2. Berlakunya perkara-perkara seperti cuaca buruk ;
3. Inspection iaitu dibuat oleh manusia; dan
4. Ada juga oleh sebab di luar dugaan manusia.

Sepertimana saya sebutkan tadi, kita memperkemas di mana yang boleh, kecuali keadaan di luar daripada dugaan manusia - seperti inspection, kita ketatkan lagi supaya dari segi teknikal kita boleh dapat memperbaiki lagi keadaan ini dan juga dari segi latihan juruterbang-juruterbang, kerana kapal terbang ataupun pesawat jet dan sebagainya ini memerlukan, dengan izin, quick decision, kalau kita hendak pusing ke kiri atau ke kanan dan sebagainya dan berlakunya di dalam pesawat berkenaan mungkin satu-satu tindakan yang secepat mungkin perlu diambil. Inilah satu perkara yang kita sentiasa menekankan di segi latihan supaya juruterbang-juruterbang kita ini sentiasa di dalam keadaan alertness, dengan izin.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Menteri yang berkenaan menjelaskan sedikit, tidakkah pernah berlaku dalam sepanjang kemalangan dan penyiasatan yang dibuat ini perbuatan-perbuatan pengkhianatan terhadap negara ini.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah lagi saya dilaporkan sejak beberapa bulan yang saya memegang jawatan ini iaitu berlaku satu-satu pengkhianatan menjadikan atau berlakunya kemalangan ini.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuati Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat; Menteri memberitahu Dewan berapa banyakkah pampasan yang diberi kepada satu-satu keluarga juruterbang yang terkorban itu?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang semacam ini sering saya telah jawab dan juga rakan-rakan saya yang lain. Tuan Yang di-Pertua, mereka ini berhak kepada pencen-pencen yang tertentu, maka keluarga-keluarga iaitu isteri dan anak dan sebagainya akan berhak kepada pencen-pencen yang berkenaan di bawah undang-undang yang tertentu di bawah Peraturan Angkatan Tentera Malaysia kita.

Selain dari pencen yang tertentu maka kita juga ada membuat imbuhan cara *ex-gratia*, dengan izin, kepada waris-waris mereka, kalau tidak salah saya kita beri \$10,000 daripada Tabung Pahlawan dan sebagainya dan juga daripada Tabung-tabung yang lain, saya tidak berapa ingat berapakah amaun ini. Saya sukalah memberikan jawapan ini secara bertulis, kalau berkehendakkan iaitu mengenai imbuhan-imbuhan yang tertentu diberikan kepada pihak simati.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Mulia Menteri, sering kedengaran kemalangan yang berlaku adalah daripada jet pejuang Tebuan. Apakah Kementerian telah menggantikan jet Tebuan ini kepada pesawat pejuang yang lebih moden lagi?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya jet Tebuan kita tidak digunakan lagi dan digantikan dengan Skyhawk A4 dan yang kedua kita telah juga menggunakan F5E. Maka jet Tebuan ini tidak lagi di dalam operasi kita.

**BANTUAN KEPADA GOLONGAN MISKIN**

**2. Tuan Abdul Manap bin Hashim** minta Menteri Kebajikan Masyarakat membentangkan penjelasan mengenai kelewatan memberi wang bantuan bulanan kepada orang-orang miskin. Kelewatan memberi wang bantuan ini kadangkala hampir tiga bulan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat [Tuan Mustaffa bin Mohammad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lazimnya pemberian bantuan kepada golongan miskin adalah bagi tempoh antara 3 - 6 bulan dan pembayaran dibuat mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada amalnya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat bayaran sebulan sekali kepada penerima-penerima bantuan tersebut, tetapi di dalam keadaan-keadaan tertentu, seperti di tempat-tempat yang terpencil, bayaran dibuat dua bulan sekali. Ini adalah untuk menjimatkan kos pentadbiran jabatan bagi urusan tersebut dan pihak penerima-penerima yang berkenaan telah menerima cara pembayaran seperti ini. Sungguhpun sekali sekala terdapat kelewatan di dalam urusan pembayaran ini tetapi kelewatan tersebut tidaklah sampai tiga bulan.

**Dr. Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Wang bantuan ini bukan lewat sahaja tetapi manakala orang-orang cacat, orang tua di rumah orang-orang tua bantuan dahulu dapat \$90 bantuan seorang, tetapi pada masa sekarang dikurangkan sampai \$50, Saya suka minta Menteri yang berkenaan beri keterangan apa sebab bantuan ini dikurangkan.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang ingatan saya pengurangan elaun ini tidak ada dilakukan, barangkali \$90 diterima itu ialah bagi tempoh tiga bulan tetapi elaun yang saya tahu \$30 itu telah pun kini dinaikkan hingga \$50 sebulan. Ertinya itu adalah satu kemajuan.

**Dr. Lau Keng Siong:** Berkenaan dengan orang cacat memang ada dikurangkan \$40, saya sendiri ada pergi ke Pejabat Kebajikan, dia kata oleh sebab kewangan tidak cukup.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, bantuan kepada orang cacat adalah merupakan bantuan galakan dan ianya diberi berdasarkan kepada keupayaan masing-masing dan ia hanya merupakan sebagai galakan sekiranya mempunyai pendapatan yang pada anggapan sudah mencukupi dan bayaran itu dihentikan atau dikurangkan.



**Puan Rokiah binti Zainuddin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah yang Berhormat Menteri memberitahu syarat-syarat yang membolehkan seseorang itu mendapat bantuan kebajikan masyarakat dan soalan kedua, bolehkah diberitahu bantuan maksima yang diberi kepada seseorang yang miskin dan jangka masa yang ia berhak menerimanya.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi pembayaran itu dibuat bagi tempoh antara 3 - 6 bulan, bererti itulah tempoh kajian dan pemberian yang kita luluskan. Di dalam masa itu kita akan kaji bagi membolehkan pihak penerima menerima bantuan itu seterusnya.

Bantuan bagi orang miskin lazimnya dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Sebagaimana Ahli-ahli Dewan ini telahpun maklum bahawa tanggungjawab kebajikan ini adalah ditanggung sama oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan bagi orang-orang miskin bantuan minimanya ialah \$25 dan maksimanya ialah \$50 sebulan.

**Tuan Ng Peng Hay: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir soalan tambahan itu sudah cukuplah, kita hampir 10 minit bagi satu pertanyaan, Kalau begini, kita mungkin hanya menghabiskan 6 pertanyaan, sedangkan soalan di sini ada 61.

#### TERNAKAN - PENGURANGAN IMPORT

**Puan Mazidah Haji Zakaria** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jenis-jenis dan jumlah ternakan yang dihasilkan oleh Malaysia bagi tempoh antara tahun 1982 hingga 1987;
- (b) jenis-jenis dan jumlah hasil ternakan yang diimport dan dari negara-negara mana yang dieksport dan ke negara mana;

- (c) jumlah hasil yang diperolehi oleh Malaysia dari eksport hasil ternakan ini dan jumlah yang dibelanjakan untuk mengimport hasil ternakan dari luar negeri; dan
- (d) apakah langkah-langkah atau rancangan khusus yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian bagi mempertingkatkan hasil dari perusahaan ternakan ini dan bagi mengurangkan pergantungan kepada negara-negara lain bagi keperluan Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini meminta angka-angka yang banyak - jenis-jenis dan jumlah import-eksport serta hasil ternakan antara 1982 hingga 1987 dan sebagainya untuk lima tahun, saya minta izin untuk mengemukakan jawapan ini secara bertulis. Jawapan ini perlukan 15 mukasurat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, cara bertulis lebih baik.

**Tuan Ng Peng Hay:** Soalan tambahan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada soalan tambahan. Sit down!

#### PENAGIH DADAH - MEMBUKA KAWASAN PERTANIAN

**4. Puan Hajjah Salbiah binti Md. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka satu kawasan pertanian yang menggunakan tenaga dari penagih dadah yang penuh sesak di merata penjara dan pusat pemulihan najis dadah di negara ini kerana semasa rawatan pemulihan mereka juga akan dapat memberikan sumbangan tenaga mereka kepada negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri(Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Kerajaan tidak bercadang membuka satu kawasan pertanian yang menggunakan tenaga penagih dadah, tetapi Kerajaan sedang menggunakan tenaga dari penagih-penagih dadah yang mengikuti program pemulihan di pusat-pusat pemulihan dadah untuk membina pusat-pusat dadah baru, serta mengadakan projek-projek pertanian, ternakan dan sebagainya di kawasan pusat pemulihan dadah atau berhampiran dengannya dalam usaha mengurangkan perbelanjaan Kerajaan menanggung pemulihan penagih dadah.

Ada jawatankuasa-jawatankuasa pemulihan dadah yang menjalani projek tanaman dan ternakan masing-masing di kawasan mereka dengan menggunakan bekas penagih-penagih dadah dalam pengawasan dan jagaan lanjutan supaya dapat mereka berdikari dan diintegrasikan semula dalam masyarakat sebagai warganegara yang berfungsi dan produktif.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa ada dua bentuk pusat pemulihan bagi penagih-penagih dadah:

- (i) mereka yang telah didakwa dan dipenjarakan bersabit dengan penagihan dan pengedaran najis dadah;
- (ii) mereka yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan dan rawatan dadah di seluruh negara.

Bagi mereka ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menggunakan mereka bagi membuka ladang secara besar-besaran, kerana dalam pemulihan dan rawatan mereka ada aturcara dan aktiviti-aktiviti yang harus dilakukan untuk memulihkan mereka.

Masalah yang besar bagi Kerajaan ialah apabila mereka ini sudah keluar dari pusat-pusat pemulihan, kerana jika tidak berhati-hati dari pihak keluarga, daripada pihak sahabat handai dan masyarakat, mereka akan kembali untuk menagih semula. Peringkat ini adalah dikenali sebagai rawatan lanjutan. Pada peringkat inilah pihak Kementerian Dalam Negeri dan PEMADAM sedang mengadakan usahasama untuk mengujudkan projek-projek tertentu agar bekas-bekas penagih ini dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling ke arah berdikari.

Projek-projek yang sedang dilaksanakan ialah:

<b>Negeri.</b>	<b>Jenis Projek:</b>	<b>Bilangan Projek:</b>
(1) Kedah	Ternakan itik	1
(2) Pulau Pinang	(i) Ternakan lembu	1
	(ii) Tanaman sayur-sayuran	1
	(iii) Tanaman padi	1
(3) Selangor	(i) Tanaman padi	1
	(ii) Nursery - bunga	2
	(iii) Tanaman tebu, pisang, keladi dan lain-lain	1
	(iv) Ternakan ayam	1
(4) Wilayah Persekutuan	Pemeliharaan lembu daging	1
(5) Negeri Sembilan	Menternak ayam	1
(6) Johor	(i) Ternakan ayam	3
	(ii) Menanam tembikai	1
(7) Pahang	Ternakan ayam	1
Jumlah projek di seluruh negara:		16

Projek-projek seperti ini diharapkan mendapat sokongan dan bantuan dari semua Kerajaan Negeri dan juga oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela di negara ini.

#### DASAR EKONOMI BARU - PENCAPAIAN

**Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru sehingga hari ini dan apakah jaminan-jaminan Kerajaan supaya matlamat dan Dasar Ekonomi Baru itu akan terus tercapai sehingga 1990, Apakah langkah dan strategi yang sedang disusun supaya apa yang dimatlamatkan akan dijamin tercapai.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum begitu puas hati dengan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga kini. Sungguhpun pada suatu peringkat, pencapaian tersebut boleh dianggap memuaskan, tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini hasil yang dicapai nampaknya telah terjejas. Dari bukti-bukti yang ada, dapat-

lah kita katakan bahawa matlamat DEB mungkin tidak dapat dicapai sepenuhnya pada tahun 1990,

Dari segi dasar, walau bagaimanapun, Kerajaan tetap berpendapat bahawa usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat perlu diteruskan, walaupun selepas 1990. Apa yang perlu ditegaskan ialah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil mestilah sesuai dan selaras dengan keadaan dan cabaran semasa demi mempertingkatkan lagi keberkesannya.

Pada peringkat **ini**, Kerajaan sedang giat mengkaji semula langkah-langkah dan strategi DEB dan diharapkan hasilnya akan membantu Kerajaan mengatur semula dan menggubal strategi-strategi untuk pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

#### RUMAH KOS RENDAH - HARGA

**6. Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan rumah kos rendah yang dibina dalam tahun 1987 mengikut kategori harga rumah; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat swasta dalam usaha membina rumah kos rendah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan yang di-Pertua, bagi tahun 1987 rumah awam kos rendah sebanyak 5,912 unit telah siap dibina dan diletakkan di bawah harga:

<u>Kategori Harga:</u>	<u>Unit yang siap dibina:</u>
Ke bawah \$15,000	1,750
Di antara \$15,000 - \$20,000	2,253
Melebihi \$20,000 - \$25,000	<u>1,909</u>
Jumlah;	<u>5,912</u>

Manakala di bawah program khas perumahan kos rendah pula sebanyak 11,519 unit telah siap dalam tahun yang sama. Kategorinya yang telah disusun sebanyak:

<u>Kategori Harga:</u>	<u>Unit yang siap dibina:</u>
Di bawah \$20,000	808
Di antara \$20,000 - \$25,000	<u>10,711</u>
Jumlah:	<u>11,519</u>

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan iklan dan jualan kepada pihak swasta sebanyak 34,867 unit yang mana harga-harga rumah \$25,000 ke bawah untuk tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan swasta melibatkan diri di dalam pelaksanaan rumah-rumah kos rendah ini pihak Kerajaan telah mengurangkan kadar premium tukar syarat tanah, mengecualikan bayaran **ukur**, mengurangkan piawaian perancangan dan piawaian infrastruktur. kerajaan-kerajaan Negeri menyediakan tanah-tanah untuk pembangunan perumahan di bawah program penswastaan, mempercepatkan kelulusan berkaitan dengan pembangunan perumahan seperti proses sukar syarat dan pecah sempadan tanah dan pelan bangunan dan membenarkan pembangunan perumahan secara campuran.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Harga rumah kos rendah di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah jauh berbeza. Bolehkah pihak Kementerian berkenaan mengambil tindakan untuk selaraskan harga kos rumah rendah bagi kedua-dua pihak ini untuk menyenangkan pembeli-pembeli.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, takrif rumah kos rendah itu tidak melebihi \$25,000, sama ada perancangan itu dibuat oleh swasta ataupun oleh pihak Kerajaan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian tidaklah melaksanakan pembinaan, tetapi pembinaan dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Tuan Tan Chai Ho:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada Kerajaan berhasrat membina rumah-rumah dengan kayu kerana ini boleh menurunkan harga rumah?

**Tuan Hussein bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menggalakkan masyarakat mendirikan rumah daripada kayu kerana negara kita sendiri adalah merupakan negara pengeluar kayu. Namun demikian, saya suka menarik perhatian supaya semua pihak dapat memahami di dalam masalah ini bahawa rumah kayu bukan bererti rumah yang lebih murah daripada rumah yang dibina dengan batu atau simen bahkan ada setengah-setengah rumah kayu jauh lebih mahal daripada rumah yang didirikan dengan batu dan simen.

**Tuan Ng Peng Hay:** Soalan tambahan. Apakah kategori dan kelayakan seseorang yang ingia memohon rumah kos rendah. Adakah pendapatan yang tidak melebihi \$500 sebulan ataupun pendapatan yang tidak melebihi \$750?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir itu luar dari pertanyaan asal. Apa fikir Timbalan Menteri, jikalau betul, tidak usah jawab.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Benar, Tuan Yang di-Pertua.

**PELAWAT RUMAH SAKIT**

**7. Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah "Pelawat Rumah Sakit" amat perlu; berapa pratuskah rakyat memberi syor atau cadangan untuk membaiki perkhidmatan di hospital dalam satu-satu tahun.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah menetapkan bahawa tiap-tiap hospital di seluruh negara hendaklah mengadakan Lembaga Pelawat yang mengandungi di antara 9 hingga 18 orang ahli. Ianya berfungsi sebagai penasihat kepada pihak berkuasa iaitu Penguasa Perubatan atau pegawai perubatan yang menjaga hospital yang berkenaan mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang perlu diperbaiki serta cara-cara mengatasinya.

Lembaga Pelawat Hospital juga menggalakkan perhubungan yang lebih rapat di antara pesakit-pesakit, masyarakat, pegawai-pegawai dan kakitangan hospital. Selain daripada itu, Lembaga ini juga boleh memberi perkhidmatan kebajikan kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya dan juga membantu pihak hospital dalam kerja-kerja kebajikan.

Syor atau cadangan untuk membaiki perkhidmatan di hospital boleh juga disampaikan oleh orang awam dan juga pesakit hospital melalui Ahli-ahli Lembaga Pelawat kepada pihak berkuasa hospital atau secara langsung. Dalam satu-satu tahun, sebanyak lebih kurang 20 Lembaga Pelawat Hospital memberikan teguran mengenai kemudahan dan perkhidmatan hospital. Menerusi teguran-teguran yang bertanggungjawab serta membina, segala kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada dapat diperbaiki lagi.



**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md. Salih:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri Kesihatan mengapakah pelawat-pelawat rumah sakit yang dilantik oleh Menteri Kesihatan itu terdiri daripada orang-orang yang sibuk seperti saudagar-saudagar yang selalu ke luar negeri dan Datuk-datuk yang terlalu banyak memegang jawatan sehingga banyak lawatan yang dijadualkaa itu terpaksa dibatalkan kerana pelawat-pelawat tidak hadir.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sengaja mencari orang-orang yang sibuk, kita mencari orang yang baik yang boleh membantu dan memberi nasihat dan khidmat jasa. Jadi, ada kadangkala cadangan daripada peringkat hospital atau Pegawai Daerah termasuklah orang-orang yang masyhur yang sentiasa mendesak mereka mahu menduduki dalam Lembaga seperti Lembaga-lembaga Hospital.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Kerajaan supaya berapa lama atau berapa kerap Ahli-ahli Lembaga ini patut bermesyuarat, satu bulan sekalikah atau tiga bulan sekalikah dan adakah Kerajaan bercadang hendak memberi elaun kepada Ahli-ahli Lembaga ini?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, perkara elaun dahulu - tidak.

Bagi soalan nombor satu mengenai kerap mengadakan mesyuarat, memang dalam garis panduan yang diberi kepada Lembaga-lembaga Pelawat - kekerapan mesyuarat itu ada disebut dan saya rasa sekurang-kurangnya 3 bulan sekali bermesyuarat adalah satu yang memadai.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan perlantikan Lembaga Pelawat Rumahsakit iaitu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Lembaga Pelawat Hospital telah mengambil masa lama untuk melantik, misalnya di negeri Melaka mengambil lebih kurang setahun untuk melantik Lembaga Pelawat Hospital sehingga baru-baru ini kerana tidak ada Lembaga Pelawat Hospital, maka tertimbul beberapa aduan tentang perkhidmatan hospital di Melaka.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sudah berlaku kelewatan dalam setahun yang lalu dalam membaharui atau mengadakan perlantikan baru dan tindakan sedang diambil untuk mempercepatkan lantikan ini.

**SYARIKAT INSURANS KERETA**

**8. Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Kewangan menyatakan jika kereta B silap dan melanggar kereta A yang tidak salah, syarikat insurans kereta B berhak enggan membayar gantirugi kerana tuan kereta B tidak memberitahu tentang kemalangan ini kepada pihak berkuasa syarikat insuransnya. Tuan kereta A yang tidak salah ada memberitahu kepada syarikat insurans sendiri dan juga syarikat insurans kereta B, tetapi tuan kereta A tidak akan dibayar gantirugi walaupun dia langsung tidak bersalah. Apakah boleh dibuat ubahsuaian undang-undang ini untuk memberi jaminan dan perlindungan kepada tuan kereta yang tidak bersalah.

**Timbalan Menteri Kewangan[Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini bercorak hypothetical saya akan cuba menjawab secara am yang boleh walaupun terpaksa saya menyebut beberapa perkataan yang agak teknikal sedikit.

Oleh kerana tidak ada pertalian kontrak ataupun priority of contract dalam bahasa Inggeris, dengan izin, di dalam third party insurance, oleh sebab tidak ada balasan ataupun, dengan izin, for lack of consideration dalam undang-undang kontrak di antara pihak ketiga ataupun third party dengan syarikat insurans, maka pihak ketiga boleh mengambil tindakan untuk mendapat gantirugi ke atas pemegang polisi ataupun policyholder, dengan izin, iaitu pihak yang bersalah di bawah undang-undang tort ataupun the law of tort pada amnya.

Untuk mengatasi masalah pemegang polisi yang tidak melaporkan kemalangan kepada syarikat insurans, Akta Pengangkutan Jalan 1987 telahpun memasukkan satu seksyen baru iaitu seksyen 104 - saya ulangi seksyen 104 - yang mempertanggungjawabkan kepada pemegang polisi insurans motor melaporkan kepada syarikat insurans masing-masing mengenai kemalangan yang mereka terlibat. Saya harap jawapan itu dapat memuaskan Yang Berhormat.

**GETAH ASLI - PASARAN**

**9. Puan Ainon bin Ariffin** minta Perdana Menteri menyatakan adakah ramalan peningkatan pengeluaran dan penggunaan Getah Asli di pasaran dunia akan membantu pertumbuhan sihat Ekonomi Negara bagi jangka panjang; dan adakah Kerajaan bercadang akan memberikan perhatian utama kepada Perusahaan Ladang Getah Malaysia.

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Per-tua, ramalan permintaan yang tinggi di pasaran dunia menunjukkan bahawa getah asli masih mempunyai potensi sebagai satu daripada tanaman yang boleh terus diusahakan di negara ini. Bagi Malaysia, getah asli akan terus merupakan sumber pendapatan yang penting, selain daripada petroleum, minyak kelapa sawit dan barangan elektronik. Se-laras dengan peningkatan sumbangan sektor kebun kecil, Kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah ke arah mengubah sektor kebun kecil getah kepada sektor yang lebih kos efektif, dinamis dan moden. Dari segi pengeluaran, peranan utama akan dimainkan oleh sektor kebun kecil dan juga sektor estet. Kerajaan melalui agensi-agensi seperti RISDA, FELCRA dan FELDA akan menggiatkan program penanaman semula dan penanaman baru bagi meningkatkan pengeluaran getah sektor kebun kecil bagi memenuhi permintaan yang kian bertambah. Di samping itu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak menumpukan kepada satu-satu tanaman sahaja. Dasar kepelbagaian tanaman dengan memberi perhatian kepada pembangunan beberapa tanaman utama akan diteruskan kerana ini akan lebih menjamin kestabilan ekonomi negara dalam jangka panjang.

**MAHASISWA UNIVERSITI - KUOTA DAN SUBSIDI**

**10. Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Pendidikan meuyatakan:

- (a) jumlah pelajar yang menuntut ilmu di Universiti-universiti di negara kita dari 1983 - 1987;

- (b) daripada jumlah ini, bilangan pelajar asing yang menuntut kursus-kursus yang tertentu;
- (c) jumlah subsidi yang diberikan kepada setiap pelajar asing itu; dan
- (d) adakah negara kita menentukan kuota bagi pelajar-pelajar asing ini setiap tahun.

Timbalan Menteri Pendidikan [**Tuan Woon See Chin**]: Tuan Yang di- Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Jumlah pelajar-pelajar yang menuntut di universiti-universiti tempatan pada tahun 1983 hingga 1986 di peringkat sijil hingga ke peringkat doktor falsafah adalah seramai 158,568 orang pelajar. Maklumat bagi enrolment pada tahun 1987 masih di dalam proses.
- (b) Jumlah pelajar asing yang menuntut di universiti tempatan bagi tahun 1985 dan 1986 adalah seramai 570 orang. Kita tidak ada maklumat bagi tahun 1983 dan 1984.
- (c) Jumlah subsidi yang diberi kepada pelajar-pelajar asing di institusi pengajian tinggi tempatan adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan pelajar asing</b>	<b>Jumlah subsidi</b>
1985	54 orang	\$237,000.00
1986	63 "	\$298,000.00
1987	45 "	\$295,000.00

- (d) Tiada kuota ditentukan bagi pelajar-pelajar asing setiap tahun.

**Tuan Haji Abdul Manap bin Hashim**: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian yang berkenaan mengenai pertambahan pelajar-pelajar bagi tahun ini di universiti-universiti tempatan. Seramai manakah pelajar-pelajar yang akan ditambah pada tahun ini dan adakah dalam pertambahan ini pelajar-pelajar asing juga akan mendapat tempat yang ditambahkan itu?

**Tuan Woon See Chin**: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat memastikan berapa tempat tambahan akan diberi untuk pelajar memasuki ke universiti—universiti tempatan tetapi kita berhasrat untuk menambah 20% sekiranya dibanding dengan tahun yang dahulu.

Pada tahun ini juga kita akan mengambil penuntut dari negeri asing, tetapi di universiti-universiti tempatan pengambilannya tidaklah lebih daripada 1%.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal ini berkaitan dengan soalan (b) iaitu daripada jumlah 570 orang penuntut asing yang berada di universiti-universiti kita bagi tempoh 1985 - 1986 ini, dari manakah penuntut-penuntut ini datang-nya, negeri-negeri asalnya, dan yang kedua di universiti-universiti manakah kebanyakan mereka ini belajar?

Ketiganya, kursus-kursus apakah yang selalunya diambil oleh penuntut-penuntut asing yang datang belajar ke negara kita ini?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat di sini berkaitan dengan dari mana negeri mereka datang dan boleh dikatakan negeri-negeri yang ada diplomatic relations, dengan izin, dapatlah diterima oleh universiti-universiti tempatan dan pecahan bilangan pelajar asing yang datang ke universiti bagi tahun 1985 - 1986 adalah seperti berikut:

Nama Universiti	Jumlah
Universiti Malaya (UM)	138 orang
Universiti Kebaangsaan Malaysia (UKH)	48 orang
Universiti Sains Malaysia (USM)	68 orang
Universiti Pertanian Malaysia (UPM)	115 orang
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	41 orang
Universiti Utara Malaysia (UUM)	-
Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	160 orang

Ini bererti di UM, UPM dan UIA adalah lebih sedikit penuntut dari negeri asing.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan saya yang ketiga tidak dijawab tentang kursus-kursus yang diambil.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tidak jawabkan itu sebab saya tidak ada maklumat di sini dengan sebab itu saya tidak jawab. **[Ketawa]**

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan iaitu warganegara kita sendiri tidak mempunyai peluang yang mencukupi untuk memasuki universiti tempatan; mengapa kita masih menawarkan tempat-tempat di universiti-universiti tempatan kepada pelajar-pelajar asing dan tambahan pula kita berikan subsidi kepada mereka.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya simple sahaja, dengan izin, ini adalah satu perkara yang ada two ways traffic, dengan izin.

**SUKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH - GALAKKAN**

**11. Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah keistimewaan khas yang diberikan oleh Kerajaan kepada para ahli sukan di dalam negara ;  
**dan**
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan kemudahan kesukanan di sekolah-sekolah.

**Menteri Belia dan Sukan[Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji**

**Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kalau dibandingkan dengan lima tahun yang lalu banyak keistimewaan telah diperkenalkan oleh Kerajaan, khususnya melalui Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara. Bantuan-bantuan latihan, menyertai pertandingan, pendedahan serta skim rangsangan seperti Skim Perangsang Ahli Sukan, Skim Hadiah Kemenangan, Biasiswa Sukan Persekutuan, Biasiswa Sukan Sekolah-sekolah, kemudahan latihan sepenuh masa adalah merupakan keistimewaan-keistimewaan yang diberi kepada ahli-ahli sukan yang cemerlang.
- (b) Penglibatan Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan negara di sekolah-sekolah adalah melalui program-program yang bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi **atlit** muda. Kerjasama dengan Kementerian Pendidikan telah dipertingkatkan dan beberapa program telah dirancang untuk dilaksanakan. Program-program ini ialah Program Bakat Sekolah, Program Biasiswa Sukan Sekolah, Program Pembangunan Kejurulatihan Sekolah-sekolah Sukan dan Pusat-pusat Bakat Sekolah.



Perlu ditegaskan bahawa Majlis Sukan Negara hanya menyediakan kemudahan-kemudahan latihan yang asas sahaja untuk membolehkan murid-murid yang terpilih menjalani latihan di sekolah-sekolah atau di pusat-pusat luar sekolah. Kemudahan sukan secara fizikal adalah di bawah Kementerian Pendidikan.

**Puan Mazidah Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana kita rasakan skim-skim rangsangan yang diadakan untuk latihan dari sebagainya itu amat rnenggalakkan. Tetapi yang menjadi khuatir kepada saya ialah apa jadi kepada ahli-ahli sukan kita, **ter-**utamanya yang sudah mencapai tahap-tahap kecemerlangan apabila mereka ini bersara, adakah skim-skim khas pula untuk menentukan masa depan mereka itu tidak gelap setelah mereka itu tidak lagi menjadi ahli-ahli sukan terkemuka.

**Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli sukan negara perlu menerima hakikat: bahawa mereka akan menghadapi satu ketika di mana mereka terpaksa bersara menjadi ahli sukan. Ini hakikat tidak dapat kita elakkan. Namun demikian, ahli-ahli sukan boleh membuat persediaan, pertamanya dari segi segala pengetahuan yang ada pada mereka sama ada untuk melibatkan diri dalam bidang sukan yang mereka ada kebolehan itu sebagai juru-latih, sebagai pengurus sukan dan sebagainya. Yang kedua, baru-baru ini kita telah mengumumkan perwujudan 150 jawatan dalam Majlis Sukan Negara dan setengah daripada ahli-ahli sukan negara yang ada kebolehan boleh diberi jawatan untuk terus berkhidmat di bawah skim ini dan mereka akan dapat ganjaran yang difikirkan wajar.

## KEMPEN MINUMLAH AIR KELAPA MUDA

12. Tuan Lim Heng Tee minta Menteri Pertanian menyatakan :

- (a) Adakah kempen "Minumlah Air Kelapa" yang diLancarkan oleh Yang Berhormat Mentnri berjaya atan tidak;
- (b) Apakah rancangan dalam jangka masa pendek dan panjang untuk memulihkan perusahaan kelapa dalam negara kita . Apa prospeknya; dan
- (c) Adakah rancangan-rancangan lain untuk nelancarkan kempen-kempen "promosi buah-buahan tempatan lain .

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexandcr Yu Lung Lee]:** T u a n  
Yang di-Pertua,

- (a) Kempen "Minumlah Air Kelapa " telah dilancarkan dengan jayanya . Menurut kajian FAM,A. setelah setahun dijalankan , hilangan penjual kelapa muda bertambah daripada 754 kepada 1,187 iaitu pertambahrin sebanyak 60% manakala kuantiti jualan buah kelapa muda bertambah daripada 440,000 biji kepada 700,000 biji sebulan , iaitu pertambahan sebanyak 60%. Harga kelapa tua juga telah bertambah kukuh di peringkat ladang .
- (b) Antara rancangan dalam jangka masa pendek untuk memulihkan perusahaan kelapa ialah menjalankan kempen minum air kelapa muda dan operasi penyelamat kelapa . Seperti mana Yang Berhormat; sedia maklum, Dasar Pertanian Negara menggariskan penanaman kelapa di negara kita adalah untuk memenuhi keperluan dalam negara sahaja dan juga sebagai tanaman pelindung kepada pokok-pokok koko. Kempen minum

air kelapa muda yang dilancarkan pada tahun 1986 telah menolong pekehun-pekebun kecil kelapa mempelbagaikan penggunaan kelapa yang sedikit sebanyak meningkatkan pendapatan akibat dari kejatuhan harga kelapa tua. Selain daripada itu, FAMA telah mengadakan Skim membeli kelapa dengan harga sokongan minima yang lebih dikenali sebagai Operasi Penyelamat Kelapa yang telah tamat pada akhir 1986.

Antara rancangan dalam jangka panjang pula, Kerajaan melaksanakan program pemulihan kawasan tanaman kelapa di kawasan kelapa yang sedia ada dengan menanam tanaman selingan seperti koko, kopi, buah-buahan dan lain-lain tanaman dengan lebih intensif serta mengenalpasti sistem pasaran, pemerosesan, menyediakan insentif fiskal dan kewangan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil. Sistem pemasaran kelapa akan diperkukuhkan dan pekebun adalah digalakkan menjual terus kepada peruncit/pemborong untuk mendapat harga yang lebih tinggi. Di samping itu, hasil-hasil berasaskan kelapa akan dimajukan untuk meningkatkan nilai ditambah kepada hasil-hasil kelapa tersebut. Dalam masa yang sama, integrasi penanaman kelapa dengan ternakan seperti biri-biri, kambing dan lembu akan digalakkan.

Prospek mengenai industri kelapa bergantung kepada keadaan pasaran iaitu kegunaan buah kelapa segar, minyak kelapa, hasil-hasil pemerosesan lanjut. Disamping itu, pasaran minyak kelapa bersaing dengan minyak kelapa sawit termasuk 16 jenis minyak makan dan lemak lain.

Oleh kerana industri kelapa merupakan satu sektor yang memberi pendapatan rendah kepada pekebun-pekebun kecil berbanding dengan komoditi-komoditi lain, Dasar Pertanian Negara telah menetapkan supaya perusahaan kelapa ditumpukan kepada kawasan yang sedia ada; dan tidak ada kawasan baru yang akan dimajukan. Pengeluaran kelapa adalah bertujuan untuk memenuhi permintaan dan kegunaan kelapa biji dalam negara .

Walau bagaimanapun, rancangan jangka panjang untuk memperbaiki industri kelapa ialah dengan menggalak pekebun-pekebun kecil supaya menanam jenis-jenis kelapa yang bermutu tinggi. Untuk mempertingkatkan lagi pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa mereka digalakkan menanam tanaman-tanaman selingan yang sesuai khususnya koko, kopi dan buah-buahan.

Prospek pekebun-pekebun kecil kelapa pada masa hadapan adalah baik kerana selain daripada kelapa tua, mereka juga akan memperolehi hasil dari jualan kelapa muda dan tanaman selingan.

(c) Rancangan kempen-kempen promosi buah-buahan tempatan memarig sentiasa diadakan. Di antara rancangan yang diadakan adalah melalui penerbitan kalender buah-buahan oleh FAMA di mana di dalam kalendar berkenaan dinyatakan lokasi dan musim buah-buahan mengikut jenis. Melalui Persatuan Pengeksport Buah-buahan yang ditubuhkan, kempen dan promosi juga dilaksanakan untuk buah-buahan yang berpotensi untuk eksport. Di samping itu, Majlis Industri Buah-buahan Malaysia yang dianggotai oleh pihak swasta dan Kerajaan telah ditubuhkan bagi memesatkan pembangunan industri buah-buahan se-  
laras dengan Dasar Pertanian Negara. Bagi meningkatkan mutu buah-buahan, MARDI sentiasa menjalankan penyelidikan dari semasa ke semasa. Sebagai langkah menjamin mutu buah-buahan tempatan yang akan dipasarkan, FAMA akan melancarkan Skim Menggred Buah-buahan Terpilih tidak lama lagi.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan (c), saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat; Timbalan Menteri, sebelumnya mengucapkan tahniah kepada Menteri dan

sernua kakitangan di Kementerian mengenai Kempen Kelapa Muda yang memang kita kagum sangat berjaya. Ekoran daripada soalan (c), saya ingin bertanya, tidakkah Kementerian bercadang pula untuk meningkatkan pengkhususan kempen mengenai jagung. Saya difahamkan Muzium Negara akan mengadakan Pameran Jagung pada 13hh akan datang, dirasmikan oleh Perdana Menteri yang kita kasihi sendiri. Apakah ada kaitannya dengari Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Alexander Yu Ling Lee:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, jagung manis untuk manusia atau jagung untuk ternakan? **[Ketawal**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, jagung maknanya umum, jagung yang boleh dimakan oleh manusia dan yang boleh diproses buat minyak dan lain-lain makanan, juga jagung yang menjadi makanan utama kepada binatang ternakan kerana ia merupakan sumber hasil negara.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kabinet baru-baru ini sudah menubuhkan satu Majlis Industri Jagung untuk menggalakkan petani-petani tempatan untuk menanam jagung tetapi sehingga sekarang kami tidak ada satu jenis jagung yang boleh bertanding dengan jagung yang kita import dibandingkan harga. Kalau kita menanam jagung di sini pengeluaran sehektar lebihkurang 4 tan sahaja dan kos pengeluaran itu tidak boleh rendah daripada 40 sen sekilo tetapi jagung yang kita import lebih kurang harganya 30 sen sekilo sahaja dan kalau kita sekarang melanggan import maka petani-petani atau penternak-penternak khususnya tidak boleh mengeluarkan hasil~hasil atau harga yang lebih murah.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat **Tuan Mustafa**.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada dua pertanyaan minta Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab. Sama ada benar atau tidak apabila seseorang yang meminum air kelapa dua hingga tiga biji atau empat biji sehari ianya akan menjejaskan tenaga batin sehingga enam hingga lapan jam sama ada lelaki atau wanita?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, pernah atau tidak ataupun masih ada sekarang ini bahawa Malaysia masih import kelapa muda daripada Thailand?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Untuk jawapan pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pengalaman [Ketawa]. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh beri penjelasan, kita boleh siasat dahululah.

Untuk jawapan kedua, kira masih import kelapa muda daripada Thailand.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab Timbalan Menteri. Saya telah dimaklumkan oleh seorang doktor tetapi saya rahsia namanya. Dia meminta saya, kalau boleh kata dia, kalau saya ini masih mahu menjadi satu bapak yang berpotensi untuk menambah rakyat kepada 70 juta maka kurangkan sedikit minum air kelapa [Ketawa]. Jadi sebenarnya ini bukan soalan main-main, saya takut dalam kita berkempen untuk minum air kelapa ini penyakit-penyakit subversif tidak menggalakkan meminum air kelapa ini terdapat dalam negara kita ataupun dalam satu perkara lain, tidakkah boleh ada di antara pakar-pakar kita yang campurkan air kelapa ini dengan bahan-bahan lain seperti serbuk-serbuk jamu dan lain-lain sehingga menambahkan kekuatan tenaga batin? [Ketawa]

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam promosi buah-buahan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa ini?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, ini minta jawapan atau komen sahaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu makluman sahaja. Okay.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam promosi buah-buahan tempatan adakah Kementerian Pertanian dalam menggalakkan peladang-peladang untuk menanam buah-buahan tempatan. Kementerian memberi insentif ataupun subsidi kepada peladang-peladang?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada memberikan apa-apa insentif cuma insentif kepada petani sawah, Tetapi insentif yang ada diberikan mengikut insentif-insentif biasa yang diberi kepada industri-industri lain.

#### SIARAN ORANG ASLI

**13. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Penerangan menyatakan iaitu tidakkah ada Kementerian Penerangan bercadang untuk melanjutkan masa bahagian siaran Orang Asli yang ada sekarang daripada jam 4.00 petang hingga jam 6.00 petang, sebab memandangkan siaran sekarang mulai jam 2.00 petang hingga 4.00 petang itu masanya kurang tepat pada pendengar-pendengar kerana orang-orang kampung sedang sibuk bekerja di ladang dan sebagainya, dan juga mengapa gelombang siaran bagi masyarakat Orang Asli ini tidak begitu berapakah kedengaran di kawasan negeri Selangor Darul Ehsan tetapi didapati di lain-lain negeri terang kedengarannya.

**Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]:** Tuan Yang di-Pertua, siaran Orang Asli dibuat dalam dua bahasa suku kaum itu iaitu Semai dan Temiar yang merupakan di antara bahasa vernacular suku kaum Orang Asli. Oleh itu masa yang diberikan adalah sama seperti siaran bahasa-bahasa vernacular yang lain. Ini adalah mengikut dasar negara yang menetapkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa utama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dengan itu buat masa kini pihak Kementerian tidak bercadang untuk menambah masa siaran berkenaan yang ada sekarang.



Berkenaan dengan waktu siarannya, ia dibuat setelah menimbangkan berbagai-bagai fakta dan sebarang perubahan akan menjejaskan waktu siaran rancangan-rancangan lain. Oleh itu, sebarang pertimbangan semula hanya dapat dibuat apabila pihak RTM menyusun semula jadual siaran-siaran radio jika ini didapati perlu untuk memenuhi kehendak masa dan keadaan.

Masalah penerimaan siaran yang tidak kedengaran dengan baik di Negeri Selangor memang berlaku di kawasan-kawasan tertentu terutamanya yang terletak berhampiran dengan stesen pemancar seperti di Kajang. Ini adalah disebabkan oleh pancaran gelombang pendek yang jelas kedengarannya hanya di jarak jauh. Perkara-perkara itu juga dipengaruhi oleh fakta cuaca dan ianya tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedang mengkaji dan mengambil tindakan untuk memperbaiki siarannya bukan saja di Selangor, tetapi di seluruh negara.

#### **PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA KAWASAN SELATAN**

**14. Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Mohd. Salleh** minta menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, pada ketika ini berapa banyakkah perdagangan dijalankan di antara Malaysia dan Negara-negara kawasan selatan. Adakah perdagangan sudah bertambah baik dan meningkatkan pelaburan semenjak Malaysia menyokong kuat Suruhanjaya Selatan-selatan yang bertujuan menggabungkan negara-negara yang membangun dalam satu usaha memajukan lagi negara masing-masing.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian**

**(Tuan M.G. Pandithan):** Tuan yang dipertua, mengikut perangkaan perdagangan dan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tahun 1987, didapati dari jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia iaitu sebanyak M\$77,158.3 juta, perdagangan dengan negara-negara kawasan selatan

DN.6.4.88

telah menyumbangkan sebanyak M\$32,251.2 juta atau 41,8%, Jumlah tersebut merupakan pertumbuhan sebanyak M\$7,166 juta atau 28.6% berbanding dengan M\$25,085.2 juta yang dicatatkan untuk tahun 1986, Pertumbuhan tersebut juga adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pertumbuhan keseluruhan jumlah perdagangan Malaysia iaitu sebanyak 21.2% bagi tahun 1987.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, arah aliran, perdagangan Malaysia dengan negara-negara kawasan Selatan sebahagian besarnya adalah dengan negara-negara di rantau ASEAN iaitu sebanyak 317,579,1 juta atau 54.5% diikuti dengan negara-negara Asia Tenggara sebanyak \$9,349.5 juta atau 30% dan negara-negara Asia Selatan sebanyak \$2,291.2 juta atau 7.1%.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaburan, negara-negara anggota Suruhanjaya Selatan-Selatan pada umumnya adalah merupakan negara pengimport modal. Oleh itu pelaburan dari negara-negara tersebut ke Malaysia adalah kecil jika dibandingkan dengan pelaburan dari negara-negara maju.

Dari segi kelulusan projek, India adalah merupakan negara anggota utama yang telah melabur di Malaysia. Dari tahun 1983 hingga akhir tahun 1987 sebanyak 28 projek dengan anggaran modal \$52.45 juta telah diluluskan. Indonesia dan Filipina yang juga anggota ASEAN masing-masing telah diberi 6 kelulusan dengan modal pelaburan sebanyak \$6 juta dan 8 kelulusan dengan modal pelaburan sebanyak \$3.29 juta. Secara keseluruhan sebanyak 50 projek dari 8 buah negara anggota telah diberikan kelulusan dengan cadangan modal asing berjumlah \$69,34 juta.

Dari segi pelaburan dalam syarikat-syarikat yang telah beroperasi seperti pada 31hb Disember 1986, Kuwait adalah merupakan pelabur utama dari negara anggota dengan jumlah pelaburan sebanyak \$46.9 juta. Pelaburan dari negara Kuwait biasanya adalah dalam bentuk saham minoriti dengan syarikat-syarikat utama di Malaysia. Indonesia dan Filipina pula mempunyai pelaburan dalam projek ASEAN masing-masing dengan jumlah modal sebanyak \$31.8 juta dan \$28.9

juta. India mempunyai pelaburan dalam industri memproses kelapa sawit dan industri-industri kejuruteraan. Jumlah pelaburan dari India adalah sebanyak \$27.6 juta. Pelaburan boleh ditingkatkan lagi bagi mengeluarkan barangan yang mempunyai pasaran di wilayah ini .

#### CARUMAN KWSP KEPADA TABUNG HAJI

15. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang potongan gaji kakitangan awam dan kakitangan swasta beragama Islam bagi caruman KWSP dicarumkan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan tidak kepada EPF. Jika ada cadangan, bila dan jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang mengadakan peruntukan yang membolehkan potongan gaji pekerja-pekerja yang beragama Islam bagi tujuan caruman KWSP dibayar terus kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji kerana objektif penubuhan kedua-dua institusi tersebut adalah berbeza.

Objektif utama caruman kepada KWSP adalah untuk menjamin bekalan kewangan di masa tua, sementara objektif utama caruman kepada lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah untuk menunaikan fardhu haji.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk soal-jawab sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 61 adalah**

## USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT****Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon rncadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat II, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan iai akan ditangguhkan kepada suata tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua , saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat , masalah di hadapan Majlis ini ialah satu usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan .

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

#### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA, INSURANS DAN TAKAFUL (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

### **3.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah bertujuan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengawal dan mengawasi industri insurans di Malaysia. Industri insurans merupakan salah satu daripada komponen penting dalam sistem kewangan negara. Di samping memberi perlindungan insurans kepada orang ramai, ia juga memainkan peranan penting dalam menggembeling simpanan jangka panjang dan menyediakan sumber pembiayaan untuk tujuan pembangunan negara. Dengan itu industri insurans adalah sama kedudukan dengan institusi-institusi kewangan seperti bank perdagangan dan syarikat kewangan, iaitu dari segi peranan dan aktivitinya dalam pasaran modal tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kegiatan syarikat-syarikat insurans adalah dikawal dan diawasi. oleh Bahagian Insurans, Perbendaharaan Malaysia dengan berpandukan kepada Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 di mana Akta Takaful 1984 adalah dikhaskan kepada syarikat-syarikat insurans yang beroperasi mengikut lunas-lunas Islam. Sungguhpun industri Insurans Malaysia telah mengalami perkembangan pesat dalam beberapa tahun yang lepas dan memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan modal jangka panjang, namun kedudukannya pada masa ini adalah tergugat ekoran daripada beberapa faktor, khususnya kemerosotan ekonomi dunia, pertambahan bilangan tuntutan termasuk tuntutan palsu dari kekurangan kakitangan yang berkemahiran. Faktor-faktor ini telah menjejaskan industri insurans dan menimbulkan keraguan, khususnya bagi sektor insurans am mengenai keupayaan mereka untuk memenuhi tanggungjawab dalam menyelesaikan tuntutan-tuntutan kerana ada sebilangan syarikat insurans didapati mengalami kerugian penanggungan, dengan izin, underwriting losses,

Masalah yang dihadapi oleh industri insurans lebih membimbangkan lagi kerana pemegangan ekuiti secara bersilang, ataupun dengan izin, crossholding di kalangan industri bank dan industri insurans. Jika sekiranya sesebuah syarikat insurans menemui kegagalan, ia akan memberi kesan kaitan ataupun confingouseffect, dengan izin, ke atas bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang terlibat dalam pemegangan bersilang dan seterusnya menjejaskan sistem kewangan negara. Dengan demikian, langkah-langkah pembaikan perlu diwujudkan bagi mendorong industri insurans berkembang dengan lebih kukuh dan sihat demi menjaga kestabilan sistem kewangan negara.

Oleh kerana industri insurans adalah merupakan salah satu daripada komponen penting dalam sistem kewangan negara dan memainkan peranan yang sama dengan institusi bank dalam pasaran modal tempatan, Kerajaan berpendapat bahawa rancangan pembaikan itu perlu dirangka mengikut haluan yang sejajar dengan perkembangan industri bank supaya peranan dan aktiviti mereka dalam pasaran modal tempatan dapat diperkemaskan dan dipertingkatkan lagi.



Dalam hubungan ini Kerajaan juga berpendapat bahawa adalah wajar dan tepat sekiranya industri insurans ini dikawal dan diawasi oleh badan pentadbiran yang mengawal industri bank supaya penyesuaian yang lebih berkesan dapat dirancang dan dilaksanakan ke arah memaju dan mengembangkan pasaran modal tempatan.

Dengan sebab **itu**, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mencadangkan supaya tanggungjawab mengawal dan mengawas industri insurans ini dipindahkan dari Perbendaharaan Malaysia kepada Bank Negara Malaysia. Tambahan pula Bank Negara Malaysia telah sedia mempunyai ramai pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan berpengalaman dalam urusan mengawas dan memeriksa aktiviti-aktiviti kewangan. Dengan itu pegawai-pegawai berkenaan dapat digunakan untuk membantu rancangan memaju dan memperbaiki industri insurans. Bank Negara juga mempunyai keupayaan, pengalaman dan kemahiran untuk menjalankan langkah-langkah penyelamat, sekiranya ada di antara syarikat-syarikat: insurans yang didapati menghadapi masalah yang serius, dengan izin. Bagi melaksanakan pemindahan tugas **ini**, pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984, seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 30, Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 bagi membolehkan Bank Negara Malaysia bertindak sebagai ejen Kerajaan di bawah Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

Fasal 4 bertujuan memasukkan takrif "**Central Bank**" ke dalam Akta Insurans 1963. Takrif yang sama juga akan dimasukkan dalam Akta Takaful 1984 melalui pindaan di bawah Fasal 9.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 18 Akta Insurans 1963 bagi membolehkan Ketua Pengarah memeriksa, secara rahsia, buku-buku, akaun-akaun dan transaksi-transaksi sesuatu penanggung insurans atau mana-mana cawangannya dari semasa ke semasa tanpa dikehendaki memberikan notis terlebih dahulu kepada penanggung insurans yang berkenaan. Pemeriksaan tanpa notis terlebih dahulu ini adalah sebagai langkah-langkah mengurangkan peluang syarikat-syarikat insurans untuk menyembunyi, mengubah atau menghapuskan dokumen-dokumen yang tertakluk kepada pemeriksaan oleh Ketua Pengarah. Seksyen 18 juga disusun semula untuk diberi penekanan yang lebih ke atas kuasa **ini**, di samping itu fasal ini juga bertujuan untuk mengenakan penalti yang lebih berat bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen itu. Peruntukan yang sama akan dimasukkan juga di dalam Seksyen 33 Akta Takaful 1984 melalui pindaan di bawah Fasal 10.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 35 Akta Insurans 1963 untuk melantik Gebenor Bank Negara Malaysia menjadi Ketua Pengarah Insurans di bawah Akta itu dan untuk membolehkan Ketua Pengarah melantik dan memberi kuasa, dengan izin, delegate, ke mana-mana ~~pegawai~~ Bank Negara Malaysia atau mana-mana orang lain untuk membantunya menjalankan kuasanya dan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab dan fungsinya di bawah Akta **itu**, sama ada secara am ataupun dalam sesuatu kes yang tertentu. Peruntukan yang sama juga akan dimasukkan ke dalam Seksyen 54 Akta Takaful 1984 melalui pindaan di bawah Fasal 11.

Fasal 7 bertujuan meminda Seksyen 35A Akta Insurans 1963 dengan menggantikan, dengan izin, "any public officer" dengan "any officer of the Central Bank appointed under section 35(5)". Pindaan ini adalah perlu memandangkan bahawa Akta Insurans 1963 akan ditadbirkan

oleh Gabenor Bank Negara Malaysia dan pegawai-pegawainya nanti. Peruntukan yang sama akan dimasukkan dalam Seksyen 55 Akta Takaful 1984 melalui pindaan di bawah Fasal 12.

Fasal 8 bertujuan memasukkan seksyen baru 35B di dalam Akta Insuran 1963 bagi memberi taraf perkhidmatan awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan kepada Ketua Pengarah, mana-mana pegawai Bank Negara yang dilantik di bawah subseksyen (5) seksyen 35 dan mana-mana orang yang di lantik di bawah subseksyen (3) seksyen 27 atau yang diberi kuasa atau di lantik di bawah subseksyen (6) seksyen 35 Akta ini. Peruntukan yang sama akan diwujudkan juga di dalam Akta Takaful 1984 dengan memasukkan seksyen baru 55A kepada Akta tersebut melalui pindaan di bawah Fasal 13.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemahiran dan keupayaan yang sedia ada kepada Bank Negara Malaysia, Kerajaan yakin bahawa rancangan pembaikan ke atas industri insurans tempatan akan dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Di samping itu adalah diharapkan juga bahawa peraturan-peraturan dan panduan-panduan yang lebih kemas dapat dirangka dan dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia bagi mendorong dan meningkatkan lagi peranan industri insurans dalam pasaran modal tempatan dan seterusnya memberi sumbangan ke arah memaju dan mengukuhkan lagi sistem kewangan negara Malaysia. Bagi mencapai hasrat ini pindaan-pindaan sebagai mana yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang berkenaan adalah wajar dan perlu memberi kuasa kepada pihak Bank Negara Malaysia untuk mentadbir industri insurans.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:**Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1961 dan Akta Takaful 1984 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

**3.47 ptg.**

**Datuk Haji Nasir bin Haji Manap:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk membincangkan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Kementerian yang berkenaan yang telah dapat mewujudkan Rang Undang-undang ini, adalah dirasakan bertujuan untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Dengan ini dipastikan adalah bertujuan membolehkan Bank Negara Malaysia mentadbir Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984. Sebagaimana yang tercatat, tertakluk di dalam Fasal 5, bertujuan meminda Seksyen 18 Akta Insurans 1963. Pindaan ini, saya merasakan adalah sangat wajar dan perlu dilaksanakan kerana dengan adanya demikian membolehkan Ketua Pengarah memeriksa secara rahsia buku-buku, akaun-akaun sesuatu penanggung insurans atau mana-mana cawangannya dari semasa ke semasa tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada penanggung insurans yang berkenaan. Dengan ini saya merasakan pindaan ini yang dibuat memang telah sepatutnya dilaksanakan. Ini adalah bertujuan untuk menjadikan setengah-setengah daripada penanggung insurans berwaspada setiap ketika.

Dengan itu pihak-pihak penanggung insurans mereka mesti mencatatkan ataupun merekodkan semua transaksi-transaksi dengan serta-merta juga agar mereka sukar untuk menyembunyikan atau mengubah atau menghapuskan dokumen-dokumen yang nyata. Dan dalam hal ini juga Ketua Pengarah dapat memastikan penanggung-penanggung insurans yang benar-benar ataupun berhasrat untuk melakukan sesuatu penipuan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya, setelah meneliti serba ringkas Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, hampir keseluruhannya pindaan Akta yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti insurans berjalan dengan sewajarnya dan bertujuan memasukkan peruntukan-peruntukan yang sama ke dalam Akta Takaful 1984 seperti memasukkan seksyen baru 55A ke dalam Akta **itu**, dan begitu juga di dalam Fasal 12 bertujuan memasukkan peruntukan-peruntukan yang sama ke dalam Akta Takaful 1984 dengan meminda seksyen 55 Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah insurans ini agak banyak perkara-perkara yang kita harus mengambil perhatian yang sungguh-sungguh supaya tidak terdapat di antara ahli-ahli yang mengambil insurans tertipu daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Dalam masalah ini ada beberapa perkara yang saya hendak menyampaikan di dalam Dewan yang mulia **ini**, Yang pertama sekali ialah dalam masalah apabila orangramai hendak membayar cukai jalan. Biasanya apabila orangramai yang mempunyai kenderaan yang hendak membiayai-cukai jalan mesti memberi insurans yang tertentu yang dibeli daripada syarikat-syarikat yang berkenaan dan biasanya pihak-pihak yang ada kenderaan membeli insurans daripada wakil-wakil insurans mereka, sama ada di tiap-tiap negeri ataupun di daerah yang tertentu. Yang menjadi

masalah ialah apabila seseorang membeli insurans, biasanya mereka beri, 'cover note', dengan izin, dan ada di antaranya wakil insurans itu apabila kita membeli insurans, mereka tidak menghantar terus bayaran kepada ibupejabat insuran mereka. Dengan tidak secara langsung wang bayaran insurans atas kita hendak membayar cukai jalan itu telah tidak dihantar kepada ibupejabat mereka, dengan tidak secara langsung wang itu tidak sampai kepada ibupejabatnya.

Perkara-perkara yang begini agak kita boleh sedar yang pertama sekali apabila berlaku kemalangan dan kita melaporkan hal ini kepada pihak ejen insurans. Kadang-kadang pihak ejen insurans tidak mengambil tahu dan seolah-olah kita pastikan wang bayaran insurans yang kita bayar kepada wakil itu tidak sampai ke ibupejabat dan apabila kita mengenali ataupun mengikuti ibupejabat yang kita beli insurans tadi tidak ada satu bayaran yang tertentu. Dengan cara begini adalah satu penipuan yang telah dibuat oleh pihak wakil insurans kepada pembeli insurans.

Dalam masalah ini saya mencadangkan sebarang insurans yang dibeli oleh pihak yang empunya kenderaan mestilah pihak insurans atau wakil insurans hendaklah menghantar polisi insuransnya yang pertama kepada tuannya insurans dan satu lagi ke Pejabat JPJ Negeri ataupun Daerah dalam tempoh 2 minggu. Kalau ini dapat diwujudkan satu peraturan, maka pihak segelintir kecil manusia yang tidak bertanggungjawab tidak akan berlaku dan tidak menimbulkan masalah-masalah kepada pembeli insurans sebagaimana yang saya jelaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dalam masalah insurans ini agak berperingkat-peringkat, misalannya, First Party, Third Party, dengan izin. Ini memang kita sedar dalam masalah bayaran First Party dan Third Party ini bayarannya tidak sama antara satu peringkat ke satu peringkat yang lain. Yang saya mengenengahkan masalah ini agak apakah perlunya insurans kenderaan ini kita kelas-kelaskan kepada berperingkat-peringkat seperti yang saya jelaskan tadi. Dengan hal yang demikian, kita juga sedar dalam masalah insurans Third Party, dengan izin, ini agak cuma kalau kita tidak membeli insurans Third Party misalannya, kita tidak dibenarkan membayar cukai jalan. Dengan tidak secara langsung pihak insurans telah mendapat kewangan dalam bentuk yang tertentu atas asas Third Party yang bertujuan untuk kita mendapatkan cukai jalan.

Dalam hal ini dengan nyata kepada kita belian Third Party insurans ini agak memberikan keuntungan yang tertentu kepada pihak insurans tetapi tidak mendatangkan apa-apa keuntungan yang nyata kepada pihak pembeli insurans Third Party yang dijelaskan tadi. Dengan hal yang demikian, maka saya merasakan telah sampai masanya dalam masalah insurans yang berkelas-kelas seperti yang saya jelaskan tadi di dalam hal pembelian insurans kenderaan, maka harus kita mengambil kira kelas-kelas yang saya jelaskan tadi, First Party ataupun Third Party bolehlah kita ubahkan di dalam satu peringkat sahaja, dalam bentuk apa sekalipun. Apabila kita mewujudkan di dalam satu kelas yang tertentu, maka masalah-masalah yang sama yang agak boleh dirasakan atau dinikmati oleh pihak yang empunya kenderaan atau kepada pihak yang mengeluarkan insurans, tidaklah seperti kelas yang ketiga tadi, cuma kita bertujuan untuk membayar cukai jalan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu barangkali sama ada kita sedar atau tidak, dengan kebijaksanaan pihak insurans walaupun kita telah mengambil kenderaan kita di dalam First Party dan berlaku kemalangan, sama ada kemalangan persendirian, misalan melanggar parit, tembok dan sebagainya, apabila kita hendak menuntut gantirugi yang kita telah alami di dalam kemalangan **itu**, agak mereka tidak begitu dengan semudahnya untuk membayar gantirugi kepada yang empunya kenderaan. Biasanya mereka menentukan satu tahap berapa banyak kerosakan yang telah dialami oleh pihak insurans itu. Misalannya, sekiranya kalau pembiayaan belanja untuk membaiki kenderaan itu kurang daripada \$500 misalannya, maka pihak insurans tidak akan membayar gantirugi. Ini seolah-olah mereka telah memikirkan apakah caranya, apakah panduan-panduan yang mereka rasakan supaya mereka mirip di dalam menentukan keuntungan kepada pihak mereka sendiri tetapi tidak mengambil kira kepada pengguna-pengguna kenderaan yang agak selalu berlaku kemalangan yang berasaskan kepada satu tahap bayaran yang tertentu sahaja mereka boleh bayar dan perkara ini agak perlu kita mengambil perhatian dari semasa ke semasa. Mungkin daripada kajian-kajian agak kemalangan yang bayaran \$500 ke bawah bagi kenderaan-kenderaan agak 80% dan selebihnya mungkin 20%. Dengan faedah-faedah yang begini mereka merasakan dari segi bayaran-bayaran tahap di bawah bayaran yang tertentu, maka mereka tidak bertanggungjawab.



Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ada lagi masalah-masalah berhubung dengan insuran nyawa, misalannya ada insuran kemalangan, kematian dan sebagainya. Dalam hal ini barangkali ramai juga di antara orangramai yang masuk insuran seperti yang saya jelaskan tadi dan mungkin ada di antaranya memasuki insuran sampai umur 55 tahun, apabila mereka berhenti daripada membayar insuran dan mendapat bayaran-bayaran yang tertentu ataupun apabila mereka meninggal dunia, dengan kehendak Allah s.w.t., maka bayaran insuran ini diberikan kepada mereka.

Yang menjadi masalah juga, katalah, seseorang yang membayar insuran ataupun mengambil polisi. Insuran itu untuk insuran sehingga umur mereka 55 tahun, barangkali mereka telah mula membayar pada tiap-tiap bulan dengan bayaran bulanan \$100.00 dan mereka telah bayar selama 10 tahun atau sebagainya dan agak lebih \$10,000 caruman mereka diberi kepada pihak insuran. Oleh sebab suatu peraturan yang telah dibuat bayaran mereka sehingga umur 55 tahun dan sampai tahap 10 tahun agak lebih kurang mereka tidak lagi membayar insuran bulanan yang ditentukan, maka dengan tidak secara langsung wang cagaran yang mereka bayar pada tiap-tiap bulan itu hilang dengan begitu sahaja.

Dalam hal ini juga akan merugikan kepada pihak-pihak yang tertentu yang membayar caruman. Tidakkah boleh Kerajaan membuat satu peraturan, sekiranya kalau dalam masalah yang tertentu ataupun beberapa tahun yang telah dicarumkan, tidak sampai kepada tempoh yang akhir sekali maka membolehkan pencarum mengambil balik wang mereka sekurang-kurangnya 50% atau 70%. Ini agak saya tidak begitu merugikan kepada mana-mana pihak. Dalam hal ini, apabila kita meneliti dan mengkaji sepintas lalu dalam kaedah-kaedah insuran ini, agak

lebih membawa kepada keuntungan kepada pihak insuran itu sendiri tetapi tidak membawa kebaikan ataupun keuntungan kepada pembeli-pembeli insuran.

Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam masa kita soal jawab, satu contoh berlaku satu kemalangan diantara kenderaan dengan kenderaan, kenderaan juga telah membayar insuran tetapi boleh jadi penunggang ataupun yang membayar insuran itu terlupa ataupun kurang faham ataupun tidak tahu, selepas dua minggu kemalangan berlaku, mereka mungkin terlewat atau tidak menghantarkan maklumat kepada insuran yang berkenaan kerana kemalangan yang telah berlaku, dengan cara demikian pihak insuran tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang ganti rugi kepada pihak yang berkenaan. Jadi, saya merasa perkara ini perlu diambil perhatian supaya masalah-masalah yang begini yang direkodkan satu kesalahan kepada orang yang mengambil insuran walaupun direkodkan di dalam polisi insurannya, dapat juga diambil kira kalaupun kelemahan-kelemahan ini ataupun kelalaian yang tidak disampaikan kepada pihak insuran seperti dua minggu sesudah kemalangan, maka perlu juga pihak insuran mengambil tanggungjawab mereka dalam masalah kemalangan ini dan memberikan ganjaran-ganjaran yang tertentu kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah yang dapat saya sampaikan di dalam Dewan yang mulia **ini**. Dengan **ini**, saya dengan rasa sukacita dan ikhlasnya menyokong Rang Undang-undang yang bernama satu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful L984. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji

Embun.

**4.06 ptg.**

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana memberi saya peluang untuk bersama-sama menyokong di atas Usul meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insuran 1963 dan Akta Takaful 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya akaa bercakap secara ringkas sahaja. Secara umum, saya sokong sepenuhnya di atas Usul yang dibentangkan pada hari ini, demi kepentingan industri insuran, pengguna-pengguna dan Kerajaan seperti disebut oleh Menteri berkenaan tadi. Saya percaya dengan pindaan yang dicadangkan itu, industri insuran akan lebih profesional dan efficient. Pihak pengguna pula akan mendapat faedah dan perkhidmatan yang wajar dan setimpal dengan premium yang dibayar oleh mereka. Pihak Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, akan lebih berkesan dalam pengawasan dan pengawalan industri insuran. Dan faedah yang lebih dari segi kutipan Cukai Pendapatan, corporate tax, yang mungkin tidak terkutip sehingga kini atas sebab-sebab teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Usul **ini**, ingin juga saya membawa satu dua cadangan dan teguran untuk diambil perhatian oleh pihak Kerajaan. Di negara kita wujud dua jenis insuran iaitu insuran nyawa dan insuran am. Di antara kedua-dua jenis **ini**, yang paling laris mengikut laporan ialah insuran nyawa. Insuran am, terutama untuk coverage motor, dengan izin, selalu menghadapi kerugian seperti yang diakui oleh Menteri berkenaan tadi. Pada keseluruhannya, insuran am mungkin tidak begitu viable secara berasingan dari insuran nyawa.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut makluman, dalam pasaran wujud dua jenis lesen insuran iaitu insuran nyawa dan insuran am dalam satu lesen dan juga lesen untuk insuran am sahaja - jadi, dua jenis.

Dengan keadaan ini, telah pasti prestasi syarikat insuran berlainan dan profitability, dengan izin, pun berlainan. Yang di sebelah pihak banyak menguntungkan dan sebelah lagi tidak menguntungkan. Dalam keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan menghapuskan pelesenan secara ini untuk kepentingan industri insuran dan pengguna. Dengan praktis sekarang, tentu sekali pengguna-pengguna tidak akan mendapat perkhidmatan dari syarikat insuran yang hanya memegang satu lesen iaitu lesen am sahaja. Untuk menyelamatkan keadaan industri insuran am dan kepentingan pengguna-pengguna serta pelabur, saya cadangkan supaya Kerajaan menimbang mengeluarkan lesen untuk insuran nyawa kepada syarikat yang memegang hanya lesen insuran am. Dengan penyelarasan pelesenan **ini**, saya yakin dan percaya bahawa industri insuran tidak akan lagi menjadi lop-sided, dengan izin, dari segi prestasi masing-masing dan dengan ini persaingan pun akan berkurangan. Perkhidmatan kepada pengguna akan lebih berkesan dan Kerajaan akan lebih mendapat faedah dari kutipan cukai sekiranya semua syarikat insuran mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai syarikat insuran yang belum lagi diMalaysianize, dengan izin. Saya cadangkan supaya usaha ke arah mendapat ekuiti tempatan digiatkan supaya rakyat dan Kerajaan Malaysia mendapat nikmat dan faedah dari usaha ini. Setahu saya, the giant, dengan izin, dalam industri insuran nyawa masih lagi foreign own, dengan izin. Saya harap keadaan **ber-**ubah dengan tindakan penyertaan local equity.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan saya **ini**, saya percaya maklumat yang digariskan oleh Kementerian ini akan dicapai, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja cadangan saya dalam menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta di dalam perhabasan ini dan menyokong sepenuhnya Akta yang ada di hadapan kita **ini**. Cuma dua perkara yang penting sahaja yang saya hendak kemukakan dan saya harap mendapat jawapan daripada Kerajaan. Bahawa dengan adanya pindaan undang-undang **ini**, syarikat-syarikat insurans telah memberitahu kepada ejen-ejen mereka yang tidak berdaftar, ejen-ejen yang tidak bekerja sepenuhnya dengan syarikat-syarikat insurans itu tidak akan digunakan lagi perkhidmatan mereka. Biasanya mereka ini mendapatkan pembeli-pembeli insurans ini dan mereka mendapat commission yang kecil tetapi oleh kerana dengan adanya pindaan undang-undang **ini**, mereka tidak akan dibenarkan lagi menjadi ejen kepada syarikat-syarikat yang tersebut. Kemungkinan ini adalah disebabkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Nasir tadi, bahawa ejen-ejen ini tidak menghantar wang kutipan mereka ke ibupejabat-ibupejabat yang berkenaan. Tetapi saya rasa orang seumpamaa ini bilangannya amat kecil sekali tetapi bilangan ejen-ejen yang betul beramanah adalah ramai di negara kita ini dan dengan itu saya harap Kerajaan akan dapat menasihatkan syarikat-syarikat insurans ini supaya agen yang tidak rasmi yang ada di bawah tangan mereka itu diberi peluang menjalankan perkhidmatan mereka seperti yang lalu.

Perkara yang kedua, adalah dokumen-dokumen berkenaan dengan insurans **ini**, polisi-polisi mereka itu dicetak dengan printing yang amat kecil sekali. Maka saya harap undang-undang harus diberitahu kepada syarikat-syarikat insuran ini supaya semua syarat-syarat yang ada di dalam polisi itu hendaklah dicetak dengan cetakan yang

besar yang senang dibaca oleh orang ramai. Sekian sahaja, terima kasih.

#### 4.14 ptg.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang yang bertujuan meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984,

Sebagaimana yang kita ketahui seksyen 35 Akta Insurans 1963 akan dipinda untuk membolehkan Goveruor Bank Negara dilantik sebagai Ketua Pengarah Insurans di samping membolehkannya berkuasa melantik sebarang pegawai bank untuk menolongnya menjalankan tugas atau kewajibannya. Di samping itu seksyen 18 Akta Insurans 1963 juga akan dipinda untuk membolehkan Ketua Pengarah dari masa ke semasa secara rahsia memeriksa buku-buka akaun dan transaksi-transaksi mana-mana pengendalian dan mana-mana pejabat cawangannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pindaan Akta tersebut memang kena pada tempat dan masanya. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bengkel membaiki kereta menghadapi masalah kelambatan pembayaran yang disengajakan oleh syarikat insurans. Kemungkinannya sebahagian besar syarikat insurans itu sedang menghadapi masalah kewangan akibat dari penyelewengan berlaku sehingga ia tidak mampu menjelaskan hutang lapuknya,

Tuan Yang di-Pertua, misalannya 400 ahli-ahli Persatuan Membaiki Kereta Selangor dan Kuala Lumpur telah dihutang sebanyak \$120 juta oleh syarikat insurans, sementara bengkel membaiki kereta di seluruh Malaysia telah dihutang sebanyak \$300 juta. Akibatnya ini telah menyebabkan bengkel membaiki kereta ini berada dalam kesusahan sehingga setengah-setengahnya gulung tikar atau memberhentikan

perniagaan mereka. Oleh itu saya berharap berikutan pindaan Akta Insurans tersebut, kawalan ketat dapat dijalankan oleh Bank Negara ke atas pengurusan syarikat-syarikat insurans di negara kita.

Saya juga mencadangkan supaya arahan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat insurans itu untuk menjelaskan semua hutangnya kepada bengkel membaiki kereta yang terlibat secepat mungkin. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian berat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, insurans merupakan satu bidang perindustrian yang penting di negara kita kerana urusanniaganya melibatkan wang orang ramai dan juga meliputi banyak bidang. Sekiranya timbul krisis kewangan atau kes penyelewengan di kalangan syarikat-syarikat insurans, maka ia membawa kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi negara kita, Justeru **itu**, pindaan Akta tersebut tidak syak lagi akan menjamin pengurusan syarikat-syarikat insurans dijalankan dengan cekap, bersih dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya melahirkan sokongan sepenuhnya terhadap pindaan Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan juga Akta Takaful 1984. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana tiada Yang Berhormat yang lain-lain lagi, saya minta Timbalan Menteri menjawab.

**4.19 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan[Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Datuk Haji Nasir, Yang Berhormat Tuan Dahalan, Yang Berhormat Azumu dan Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho yang telahpun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang pindaan ini.

Saya akan cuba menjawab sebanyak mana yang boleh dan jika sekiranya saya tidak menyentuh satu persatu, saya minta maaf. Walau bagaimanapun, semua butir-butir yang telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat telahpun dicatat dan diambil perhatian.

Pertama, Yang Berhormat Datuk Haji Nasir telah membangkitkan berkenaan dengan bayaran premium insurans motor yang menurut beliau ada di antara ejen-ejen insurans yang tidak membayar ataupun menghantar premium-premium yang dibayar itu kepada syarikat-syarikat insurans atau pun principal mereka.



Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah sistem yang telahpun diperkenalkan baru-baru ini yang dinamakan CBC atau cash before cover setiap pembayaran yang dibuat oleh seorang yang bertujuan mengambil sesuatu policy ataupun cover note untuk membayar kepada ejennya atau kepada principalnya disifatkan sebagai pembayaran yang mempunyai hubungan terus kepada principalnya. Dalam bahasa lain pembayaran kepada ejen itu samalah seperti pembayaran kepada principal. Sebab principal atau syarikat insurans mempunyai dengan izin, vicarious liability terhadap perbuatan ejen-ejen yang dilantik dengan sah. Oleh kerana itu tidak akan timbul lagi masalah yang mungkin disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Tetapi jika sekiranya terdapat sebarang kemalangan selepas pengeluaran cover note ataupun policy yang dimaksudkan itu maka elaklah pihak-pihak yang berkenaan membuat laporan-laporan tertentu di bawah Akta Insuran dan di bawah Road Traffic Ordinance.

Mengenai soal comprehensive cover dan third party cover ataupun yang disebutkan oleh Yang Berhormat first party cover dengan third party cover. Sebenarnya Yang Berhormat, comprehensive cover melindungi segala tuntutan yang dihadapi oleh pemegang polisi tersebut. Maknanya ia meliputi first party dan third party, termasuk sekiranya pemegang polisi itu bersalah dalam satu-satu kemalangan.

Sebaliknya third party cover hanya meliputi tuntutan dari pihak yang ketiga ataupun third parties . Pemegang polisi tidak boleh membuat tuntutan sekiranya mereka didapati bersalah dalam satu-satu kemalangan tetapi pihak third party boleh menuntut daripada pihak pemegang polisi itu ataupun kepada syarikat insurans tersebut. Jika sekiranya mengikut cadangan Yang Berhormat supaya tidak ada perbezaan di antara comprehensive cover dengan third party cover, saya minta maaf kerana kemungkinan ini tidak boleh dilaksanakan oleh kerana ini ada kaitan dengan undang-undang yang boleh menyebabkan satu kesan yang tidak begitu diingini.

Senator Tuan Dahalan membangkitkan berkenaan dengan terdapat 16 buah syarikat komposit life and general insurance companies yang, antara lain, cadangan Yang Berhormat: ialah supaya syarikat-syarikat yang memegang lesen insurans am diberi juga lesen insuran nyawa supaya terdapat satu spread yang lebih memuaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada syarikat yang diberi lesen komposit tetapi menurut Akta Insurans, syarikat diwajibkan mengadakan kumpulanwang yang berasingan untuk perniagaan insurans nyawa dan am. Adalah tidak benar hanya syarikat-syarikat insurans nyawa sahaja yang untung, insurans am juga boleh dapat: keuntungan sekiranya dijalankan dengan cara yang sempurna dan mempunyai taraf profesionalisme yang tinggi. Sebenarnya inilah tujuan kita membawa pindaan Rang Undang-undang ini supaya terdapat satu accountability terhadap pemegang-pemegang polisi insurans dan juga terhadap

industri. itu sendiri daripada pemegang-pemegang lesen syarikat-syarikat insurans am ataupun nyawa. Dan salah satu daripada tujuan kita adalah juga untuk menimbulkan satu service, dengan izin, yang lebih tinggi mutunya daripada yang sudah-sudah. Dengan kita kita mengharapkan supaya selepas daripada Rang Undang-undang ini diluluskan kekurangan daripada komplek-komplek yang didapati hari ini mungkin dapat dilihat.

Walau bagaimanapun, kita mengharapkan supaya dengan adanya kuasa-kuasa yang diberi kepada Gahenor Bank Negara yang mempunyai kuasa-kuasa yang boleh memeriksa buku-buku dan akaun-akaun dan transaksi-transaksi syarikat-syarikat insurans akan menimbulkan kesedaran daripada syarikat-syarikat: insuran supaya menaikkan taraf servicenya, profesionalismenya dan juga accountabilitynya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Azumu telah membangkitkan supaya dokumen-dokumen yang terdapat dalam polisi-polisi insurans itu dicetak lebih besar lagi. Saya ingin bertanya satu soalan adakah sebenarnya pemegang-pemegang polisi itu membaca syarat-syarat yang terdapat dalam polisi insurans itu walaupun ia dicetak halus ataupun besar. Jika sekiranya ia dicetak besar pun dan ia tidak dibaca, maka tidak ada maknanya. Sebab mengikut peraturan yang ada kontrak insurans adalah satu kontrak, dengan izin, *ubireme fide* ataupun contract of utmost honesty ataupun dalam Bahasa Malaysia kontrak yang mempunyai taraf keikhlasan yang begitu tinggi. Jadi kedua-dua pihak ada tanggungannya dan ada juga accountabilitynya.

Pihak yang memegang polisi juga mestilah ikhlas menceritakan semua hal yang ada dengannya termasuk penyakit-penyakit yang mungkin beliau menghidapnya sebelum dia membeli insurans tersebut. Dan jika sekiranya dia menyembunyikan fakta-fakta tersebut maka ia boleh menyebabkan sesuatu polisi itu terbatal dengan sendirinya - "void" dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin.

Maka pada saya yang penting ialah the contract of ubireme\_ fide, itu sendiri. Dan jika sekiranya perkataan-perkataan itu terlalu halus untuk dibaca dan dicadangkan supaya dicetak lebih besar, insya Allah, saya akan membawanya tetapi ia tidak akan memberi makna jika sekiranya kita tidak membacanya.

Saya memahami bahawa kebanyakan daripada kita boleh dikatakan sebahagian besar daripada pemegang-pemegang polisi tidak tahu apakah kandungan-kandungan yang terdapat dalam terma-terma polisi-polisi tersebut. Kemungkinan tersebut ada satu perenggan yang bernama "exemption clauses" yang mungkin tidak disedari oleh pemegang-pemegang polisi tersebut termasuklah yang disebutkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat iaitu kalau tidak salah saya Yang Berhormat Datuk Nasir iaitu excess clauses. Dalam polisi terdapat syarat-syarat yang tertentu dan sekiranya seseorang itu telah menandatangani perjanjian kontrak yang saya sebutkan tadi itu maka disifatkannya kontrak itu telah sah dan dibacanya atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, assumed to be have been understood and read" walaupun ia tidak membacanya.

Oleh kerana itu lebih baiklah sebelum seseorang itu mengambil sesuatu polisi ia perlu membaca syarat-syaratnya dengan teliti walaupun cetakan-cetakan ataupun type pacesnya adalah terlalu kecil dan terpaksa mungkin membaca dengan magnifying glasses .

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho telah membangkit hal berkenaan dengan car repairers, dengan izin, yang tidak dibayar oleh syarikat-syarikat insurans. Sebenarnya ini adalah kontrak di antara car repairers dengan syarikat-syarikat insurans dan tidak termasuk sedikitpun dalam pemindaan Rang Undang-undang berkenaan dengan perhubungan syarikat insurans dengan car repairers. Tetapi ingin saya menyatakan di sini walaupun car repairers telah menyatakan bahawa tuntutan yang mungkin dapat dituntut daripada insurance companies begitu banyak, \$300 juta tetapi mengikut siasatan dan maklumat yang ada pada kita, kita ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa car repairers are not free from false. Bermakna mereka tidak sunyi daripada kesilapan, terdapat kadang-kadang connivance dan collusion, subahat di antara car repairers dengan beberapa ejen-ejen tertentu yang kadang-kadang repair itu hanya berharga \$2,000 dijacknya menjadi sampai \$10,000. Oleh kerana itulah siasatan-siasatan perlu dibuat untuk menentukan bahawa sesuatu tuntutan itu sah dan munasabah. Oleh itu, saya bolehlah mengambil peranan di sini ataupun pihak Kementerian boleh mengambil peranan menemukan Persatuan Car Repairers itu dengan syarikat-syarikat insurans untuk mendapatkan satu penyelesaian yang munasabah bagi kedua-dua pihak tetapi ingin saya tekan sekali lagi pihak car repairers tidak sunyi daripada kesilapan.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada lain perkara-perkara yang hendak saya komen di sini melainkan saya hendak mengucapkan **ber-**banyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan jika sekiranya saya tidak menjawab dengan secara khusus, insya Allah,

Berhormat-Yang Berhormat bolehlah berjumpa dengan saya ataupun pegawai-pegawai insurans untuk kita mendapat satu penyelesaian yang munasabah. Kita berharap supaya dengan pindaan ini insurance industry akan menjadi lebih sempurna lagi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **RANG UNDANG-UNDANG (PEMBAHAGIAN) PUSAKA KECIL (PINDAAN)**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Akta Pembahagian Pesaka Kecil, 1955 (Pindaan)" dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembahagian Pesaka Kecil 1955 telah diwujudkan untuk membahagikan pesaka yang bernilai rendah, terutamanya tanah-tanah milik supaya dapat diselesaikan dengan mudah, murah dan segera. Dengan itu, semua pemilikan hakmilik dan lain-lain

pegangan yang berdaftar di Pejabat-pejabat Tanah dapat dikenaskini-kan dengan nama pemilik-pemilik yang hidup.

Semenjak Akta Pembahagian Pusaka, 1955 ini diluluskan oleh "Legislative Council" Malaya pada 2hb Jun, 1955 tiada pindaan besar dibuat kecuali meningkatkan had bidangkuasa pusaka kecil sahaja dari \$10,000 ke \$25,000 pada tahun 1974, daripada \$25,000 kepada \$50,000 pada tahun 1977 dan daripada \$50,000 kepada \$300,000 pada tahun 1979.

Masanya telahpun sampai agar Akta ini diperkemaskan terutama peruntukan-peruntukan yang menjadi penghalang dan tidak dapat memenuhi perkembangan sosio-ekonomi pada masa sekarang.

Oleh itu, pindaan had bidang kuasa pusaka kecil dari \$300,000 kepada \$600,000 adalah difikirkan wajar dibuat pada masa ini supaya faedah maksima dapat dirasai oleh segolongan besar rakyat keseluruhannya terutama bumiputera, baik di desa mahupun di bandar yang mempunyai harta-harta berjumlah tidak lebih daripada \$600,000. Dengan demikian mereka tidak payah menunggu proses penyelesaian di Mahkamah Tinggi dan melalui dua peringkat penyelesaian mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir dan kemudiau memperolehi Perintah Pembahagian yang perlu diuruskan dengan menggunakan khidmat Peguam yang mana mengakibatkan belanja yang banyak.

Tujuan utama pindaan-pindaan ini dibuat ialah untuk menyegerakan lagi penyelesaian pusaka kecil, mengurangkan dan menghapuskan tunggakan-tunggakan kerja yang ada dan menentukan waris-waris simati menyelesaikan pusaka-pusaka kecil dengan perbelanjaan yang rendah.

Sejumlah 13 seksyen telah diperakukan untuk dipinda di samping menambah peruntukan baru sesuai dengan kehendak-kehendak pindaan



terhadap Kanun Tanah Negara dan juga menghapuskan amalan yang difikirkan tidak sesuai lagi.

Di antara, perkara-perkara yang mustahak yang terlibat dalam pindaan ini adalah seperti berikut :

- (i) Pemakaian Akta ini ke Labuan yang telah disyitiharkan sebagai Wilayah Persekutuan.
- (ii) Menyelaraskan penggunaan perkataan "Land Administrator" bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berikutan pindaan kepada Kanun Tanah Negara di samping mengekalkan perkataan "Collector" bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.
- (iii) Memansuhkan tarikh 1 Oktober 1949 yang dimasukkan dalam takrif "Pembeli" dan dengan itu diperluaskan maksud "Pembeli" supaya sejajar dengan takrif Pembeli dalam Akta-akta yang lain.
- (iv) Memperluas kuasa-kuasa Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan supaya membenarkan pembicaraan diadakan di tempat tinggal waris-waris simati jika hanya harta alih sahaja yang ada di tempat tinggal mereka di samping harta tak alih simati berada di tempat ataupun negeri yang lain.
- (v) Manperluaskan kuasa melapor dan menyiasat kepada Pegawai-pegawai Penempatan selain daripada Penghulu yang sedia ada dalam peruntukan sekarang.
- (vi) Mengadakan satu peruntukan baru memberi kuasa Majistrret kepada Pemungut Hasil Tanah bagi

memanggil saksi, mengemukakan dokumen dan menghendaki supaya waris-waris hadir dalam pembicaraan penyelesaian pusaka kecil. Peruntukan ini diperlukan kerana dari pengalaman yang lampau adalah amat sukar untuk mendapatkan kerjasama pihak-pihak yang terlibat kerana sifat 'tidak apa' mereka dan juga kadangkala menjadi penghalang kepada penyelesaian terutamanya bagi kes-kes di mana waris-waris telah menjualkan tanah-tanah yang melibatkan hak waris yang berhak, yang lain.

- (vii) Mengadakan peruntukan baru bagi menyambung atau membicarakan semula kes-kes yang lama-lama yang ditinggalkan oleh sebab-sebab kematian, pertukaran pegawai supaya selaras dengan Seksyen 35 Kanun Tanah Negara,
- (viii) Menghapuskan peruntukan "Collateral Dispute" yang mengarahkan supaya waris-waris membuat dakwaan di Mahkamah Tinggi dalam tempoh 2 bulan, dan sebaliknya memadai dibicarakan "dispute" itu oleh Pegawai Pembahagian Pusaka atau Pemungut Hasil Tanah. Jika sekiranya mana-mana pihak tidak berpuas hati bolehlah membuat rayuan ke Mahkamah Tiaggi. Ini akan mempercepatkan dan memudahkan lagi penyelesaian bagi kes-kes berkenaan.
- (ix) Mengurangkan pemilikan beramai-ramai ke atas tanah-tanah pesaka, terutamanya tanah-tanah pertanian yang kecil. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah memberi fatwa bahawa pihak berkuasa (Kerajaan) boleh memutuskan pembahagian harta pusaka kepada waris dalam bentuk wang dan lain-lain dan ini akan mengelakkan amalan sekarang meadaftarkan setiap waris sebagai pemilik bahagian yang tidak dipecahkan.
- (x) Mengadakan peruntukan baru agar wang gantian yang enggan diterima atau di mana waris-waris itu berada di luar negeri atau tidak dapat diserahkan boleh disimpan oleh Pemegang Amanah Raya.
- (xi) Menyelaraskan prosedur rayuan dan tempoh membuat rayuan dengan rayuan daripada Mahkamah Sesyen selaras dengan pemakaian Subordinate Courts Act 1948 kepada Sabah dan Sarawak.

Penerangan lanjut mengenai Rang Undang-undang ini boleh didapati dalam Huraian-huraian di muka surat 7 hingga 11.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini apabila diluluskan akan melicinkan lagi pentadbiran Pembahagian Pusaka Kecil. Di atas pertimbangan-pertimbangan itu saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Pembahagian Pesaka Kecil 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, dipersilakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Fasal 1 hingga 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA  
(PERBADANAN) (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan) 1988 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tembakau Negara telah ditubuhkan pada tahun 1973 iaitu melalui Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973. Kewajipan-kewajipan Lembaga seperti yang termaktub di dalam Akta tersebut iatah:

- (1) mengadakan peraturan mengenai mengawal dan menyelaraskan segala aktiviti berkenaan dengan penahaman, pengawitan, penjualan, pembelian, penyimpanan dan pemindahan tembakau;
- (2) menimbang dan mengadakan langkah-langkah untuk memperbaiki aktiviti itu;
- (3) menimbang, menggalak dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah berlaku dan merebaknya penyakit yang menyentuh tembakau; dan
- (4) pada amnya melakukan apa juga perkara untuk memperbaiki dan menjalankan dengan sepatutnya industri pengeluaran tembakau.

Selaras dengan peredaran masa dan perkembangan industri tembakau itu sendiri, Kementerian Perusahaan Utama mendapati perlu untuk membuat sedikit pindaan terhadap Akta sekarang supaya Lembaga dapat menjalankan fungsinya secara lebih luas, licin dan berkesan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang menghuraikan satu persatu mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan, kecuali sekadar menyentuh aspek-aspek pindaan yang penting sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan bolehlah dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu:

- (i) pembangunan;
- (ii) penguatkuasaan; dan
- (iii) pentadbiran.

Pindaan yang berkaitan dengan pembangunan bertujuan meluaskan lagi skop kawalan Akta sekarang yang hanya terhad kepada tembakau yang diawit secara pemanas' sahaja. Dengan adanya pindaan ini lain-lain jenis tembakau seperti tembakau awitan udara dan matahari yang juga terdapat di negara ini boleh turut dimajukan dan diselenggarakan dengan sewajarnya oleh Lembaga Tembakau Negara.

Akta yang ada sekarang juga hanya membenarkan tembakau dibeli oleh pengilang-pengilang berlesen sahaja dan ini didapati menghadkan pasaran tembakau tempatan. Melalui pindaan yang dicadangkan, tembakau boleh dibeli oleh pihak-pihak lain untuk meluaskan pasaran tembakau tempatan. Melalui pindaan peruntukan mengenai eksport; perkara ini dicadangkan sekiranya kemungkinan ini menjadi satu kenyataan di masa hadapan kelak sungguhpun potensi untuk negara ini mengeksport tembakau di masa ini adalah nipis.

Selaras dengan pendekatan di atas adalah dicadangkan supaya fungsi Lembaga ditambah bagi meliputi tanggungjawab pengawasan aktiviti mengeksport tembakau. Sehubungan dengan ini dan demi menjaga kepentingan pihak-pihak yang sedia ada di dalam industri ini adalah dicadangkan supaya ditambah peruntukan-peruntukan yang membolehkan Lembaga mengadakan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan agar aktiviti eksport dapat dijalankan secara terkawal dan teratur. Memandangkan bahawa industri tembakau di negara ini seringkali menghadapi masalah pemasaran, maka pindaan juga dicadangkan untuk membolehkan Lembaga menetapkan garis panduan di dalam urusan jualbeli tembakau. Di samping itu, pindaan juga dicadangkan bagi membolehkan urusan pembelian daun tembakau hijau atau daun tembakau kering dilakukan oleh kakitangan bagi pihak pelesen melalui instrument perakuan kebenaran yang akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah. Cadangan-cadangan ini dapat memperbaiki sistem urusan pembelian tembakau ke tahap yang lebih dan teratur.

Peruntukan mengenai pelesenan juga dirasakan perlu dipinda. Di dalam Akta yang sedia ada Lembaga hanya diberi kuasa sama ada untuk membatalkan atau tidak memperbaharui sesuatu lesen bagi kes-kes pelanggaran Akta dan peraturan-peraturan termasuk syarat-syarat dan terma-terma pelesenan sedangkan di antara kesalahan-kesalahan tersebut ada yang dianggap tidak berat dan tidak wajar dihukum dengan cara demikian. Dalam hubungan inilah maka dirasakan perlu ditambah kuasa Lembaga untuk menggantung lesen bagi satu tempoh tidak melebihi 6 bulan selain daripada kuasa membatalkan atau tidak memperbaharui lesen.

Pindaan juga dicadangkan untuk memperkemas lagi peruntukan mengenai kutipan ses . Dengan pindaan yang dicadangkan ses boleh dikutip di semua peringkat pembelian tembakau jika difikirkan sesuai dan perlu untuk tujuan memajukan industri dan tidaklah terhad kepada peringkat penjualan tembakau sahaja seperti yang diperuntukkan sekarang. Pada masa kebelakangan ini kegiatan penyeludupan tembakau merupakan satu masalah yang seringkali mengancam kestabilan industri tembakau tempatan. Sungguhpun langkah-langkah bagi mengawal dan membanteras kegiatan ini telah diambil oleh Lembaga dengan kerjasama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta unit Pencegahan Penyeludupan, namun langkah-langkah kawalan perlu diperkuatkan untuk meningkatkan keberkesannya. Oleh itu, beberapa peruntukan tambahan yang dicadangkan dan peruntukan ada diperkemas, lagi.

Antara lain pindaan-pindaan yang dimaksudkan meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Memberi kuasa kepada Pegawai Penyiasat untuk mengarah seseorang yang disyaki melakukan kesalahan untuk mengalihkan kenderaannya ke satu tempat yang tertentu.
- (ii) Membenarkan penyitaan tembakau, kenderaan, buku-buku dan surat-suratan ;
- (iii) Membenarkan Ketua Pengarah atau Pegawai Kanan Kastam melepaskan untuk sementara tembakau dan kenderaan yang disita jika jaminan yang cukup diberi ;
- (iv) Membolehkan Pegawai penyiasat memberi salinan atau cabutan daripada buku atau surat ;



- (v) Menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa yang menyerang, menghalang atau mengganggu seseorang Pegawai Penguatkuasa menjalankan tugasnya secara sah.
- (vi) Membolehkan tindakan diambil juga ke atas Pengarah, atau kakitangan yang bertanggungjawab ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh sebuah badan korporat;
- (vii) Menjadikan pemberian maklumat atau kenyataan yang palsu atau enggan memberi kerjasama kepada pegawai-pegawai penguatkuasa sebagai satu kesalahan.
- (viii) Membolehkan kompaun dikenakan bagi kesalahan-kesalahan kecil;

Jenis kesalahan-kesalahan ini akan ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat. Bagi pindaan-pindaan yang berkaitan dengan pentadbiran, pindaan yang utama ialah untuk membolehkan Lembaga menurunkan kuasa-kuasa tertentu kepada sesebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan atau kepada seseorang Pegawai, umpamanya Ketua Pengarah. Peruntukan ini dicadangkan kerana tugas-tugas lembaga ini semakin banyak dan rumit disamping memerlukan tindakan yang segera di dalam beberapa hal. Melalui pindaan ini Lembaga dapat berjalan dengan lebih licin dan ini akan memberi peluang kepada Lembaga untuk menumpukan perhatian kepada soal-soal dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussin bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada diantara Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Silakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Dewan ini selama setengah jam dan Dewan akan bersidang semula pada jam 5.25 petang ini.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.36 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.25 petang.

**RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA  
(PERLUCUTHAKAN HARTA)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkari iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan berhubung dengan harta, dari mengenat penyitaan dan perlucuthakan harta, yang berkaitan dengan aktiviti yang ada hubungan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini, Akta Dadah Berbahaya 1952, atau mana-mana undang-undang asing yang bersamaan dengan Akta-akta ini atau dengan peruntukan-peruntukan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta-akta ini; mengenai bantuan kepada negara-negara asing berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan dadah berbahaya; dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang disebut terdahulu, di-baca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diketahui umum, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah yang berkesan dalam bidang pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan untuk memerangi dan membasmi ancaman serta masalah dadah. Tindakan-tindakan ini termasuklah mewujudkan undang-undang baru berhubung dengan dadah atau meminda undang-undang yang sedia ada bagi tujuan memperkukuhkan mereka, mempergiatkan usaha-usaha penguatkuasaan, menambah dan memperbaiki lagi kemudahan pemulihan penagih-penagih dadah dan meningkatkan kerjasama dari usaha

di bidang antarabangsa untuk mengatasi ancaman dadah.

Tindakan-tindakan ini didapati telah mula mencapai kejayaan. Bilangan penagih dadah baru yang dikesan tiap-tiap tahun yang telah meningkat semenjak tahun 1970 hingga tahun 1983 sekarang mulai beransur turun. Manakala jumlah mereka dalam tahun 1983 ialah 14,624 orang, jumlah berikutnya telah turun kepada 11,915 orang dalam tahun 1984, 9,591 orang dalam tahun 1985, 7,329 orang dalam tahun 1986 dan 7,598 orang dalam tahun 1987. Kerajaan yakin trend yang menurun ini akan berterusan.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat masalah pengedaran dan penagihan dadah tidak dapat dibendung dengan memuaskan dan akan kekal pada tahap yang membimbangkan, selagi peruntukan undang-undang yang ada sekarang bagi bertindak terhadap mereka yang membiayai dan mengatur kemasukan dan pengedaran dadah secara besar-besaran, kurang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tindakan undang-undang yang dapat diambil terhadap golongan ini hanyalah sekadar menahan atau menyekat mereka buat beberapa tahun di bawah Akta Dadah Berbahaya (langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 atau Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Tindakan demikian tidak menjadi "deterrent" kerana setelah tamat tempoh tahanan, mereka dapat menikmati keuntungan yang begitu lumayan yang diperolehi hasil dari kegiatan mereka dalam mengedar dadah. Tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, yang membawa hukuman penjara di antara 5 tahun dan seumur hidup dan sebat tidak kurang dari 10 kali, atau hukuman mati bagi pengedar-pengedar yang disabitkan kesalahan kerana memiliki dadah, tidak dapat diambil terhadap golongan tersebut kerana mereka tidak menyimpan atau memiliki dadah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk bertindak dengan lebih berkesan terhadap pengedar-pengedar secara besar-besaran ini, adalah didapati perlu satu undang-undang baru diwujudkan yang membolehkan pihak berkuasa melucuthak atau menyita harta-harta yang digunakan bagi tujuan membiayai kemasukan dan pengedaran dadah, dan harta-harta yang diperolehi hasil dari aktiviti tersebut. Hasil ini sangatlah lumayan. Keuntungan yang diperolehi dari penyeludupan bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan heroin Nombor 3, iaitu jenis heroin yang digunakan oleh 80% dari penagih-penagih dadah di Malaysia, ialah kira-kira \$2,000 bagi tiap kilogram heroin yang dihasilkan.

Keuntungan yang diperolehi dari pengedaran heroin Nombor 3 di dalam negeri pula adalah jauh lebih tinggi. Jumlah penagih dadah di negara ini adalah dianggarkan kira-kira 82,000 orang iaitu yang betul-betul tengah kuat sangat menghisap dadah. Dari jumlah ini 80% atau lebih kurang 65,000 orang adalah penagih heroin Nombor 3. Jumlah heroin mengikut beratnya yang digunakan oleh penagih-penagih ini ialah 7.8 kilogram setiap hari. (iaitu 65,000 x 2 tiub sehari x 0.06 gram satu tiub). Harga seunit heroin di Kuala Lumpur ialah \$8.00 satu tiub. 1 kilogram heroin boleh dijadikan 16,000 tiub. Maka dengan pendapatan dari jualan 1 kilogram heroin secara runcit ialah \$128,000 dan bagi 7.8 kilogram ialah \$998,400. Kos membeli satu kilogram heroin Nombor 3 di Malaysia adalah kira-kira \$8,000 atau \$62,400 bagi 7.8 kilogram. Berasaskan hitungan ini, keuntungan yang diperolehi dari pengedaran dadah di dalam negeri ini ialah hampir \$1 juta, atau lebih tepat \$935,600 setiap hari ataupun \$341.5 juta setiap tahun atau lebih tepat: ialah \$341,494,000 setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini bertujuan membolehkan pihak berkuasa bertindak melucuthak atau menyita harta mereka yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah secara besar-besaran. Kerajaan berpendapat hanya dengan tindakan demikianlah kegiatan pengedaran dadah secara besar-besaran dapat dibendung dengan berkesan sebab kegiatan tersebut akan tidak beruntung lagi.

Rang Undang-undang ini diperbuat di bawah kuasa Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan kerana Undang-undang ini bermaksud memberhentikan dan mencegah perbuatan-perbuatan yang berhubungan dengan pengedaran dadah, iaitu perbuatan-perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I Rang Undang-undang ini adalah mengenai perkara-perkara permulaan. Fasal 2 mentakrifkan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan tertentu yang digunakan di dalam Rang Undang-undang tersebut. Di antara takrif-takrif yang utama ialah takrif "aktiviti larangan", "harta yang menyalahi undang-undang", "saudara" dan "sekutu". Perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan ini diberi takrif yang agak luas sesuai dengan keadaan dan bentuk masalah yang dihadapi.

Bahagian II adalah mengenai kesalahan-kesalahan herhubungan dengan harta. Aktiviti yang menjadi kesalahan-kesalahan ialah:

- (1) menggunakan harta dengan niat: hendak menjalankan kegiatan yang menjadi kesalahan seperti dijadualkan di Jadual Pertama;

- (2) menggunakan harta dengan niat hendak mempermudah atau membantu tindakan nielakukan kegiatan yang menjadi kesalahan terjadual; dan
- (3) mengurusniagakan, atau menggunakan atau memegang, menerima dan menyembunyikan harta yang menyalahi undang-undang.

Penalti bagi kesalahan-kesalahan ini ialah penjara antara 5 hingga 20 tahun. Harta yang menjadi hal perkara kesalahan-kesalahan itu juga akan dilucuthakan. Perlucuthakan harta sedemikian boleh juga dilakukan sekalipun tidak ada sabitan, jika mahkamah berpuas-hati dengan bukti yang diberi bahawa kesalahan-kesalahan itu telah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi fasal-fasal mengenai perlucuthakan harta orang-orang kenaan atau, dengan izin, "liable persons". Orang-orang yang boleh dilucuthakan harta jika harta itu dibuktikan telah digunakan, atau diperolehi dari kegiatan dadah, tersenarai di Fasal 7. Mereka ini termasuk mereka yang melakukan kesalahan di bawah Fasal 3, 4 dan 24(7) atau kesalahan terjadual; mereka yang sedang menjalani perintah tahanan atau sekatan kerana kegiatan berkaitan dengan pengedaran dadah; pamilik-pemilik harta yang menyalahi undang-undang sebagaimana ditakrifkan dalam Undang-undang ini; dan saudara-mara dan sekutu kesemua orang-orang ini ,

Fasal-fasal berikutnya dalam Bahagian ini memperuntukkan prosedur yang akan dipakai bagi kes-kes perlucuthakan harta . Dengan ringkasnya, perlucuthakan hanya boleh dilakukan apabila Mahkamah Tinggi berpuashati dan meugeluarkan perintah sedemikian .

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV membuat peruntukan mengenai penangkapan, penyiasatan dan penyitaan harta. Semua kesalahan di bawah Undang-undang ini adalah kesalahan boleh ditangkap atau, dengan izin, "seizable offence". Mana-mana pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki olehnya telah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang **ini**; mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki olehnya ialah orang kenaan di bawah Fasal 7(1)(a); atau mana-mana orang yang Pendakwa Raya **ber-**cadang untuk mengambil tindakan di bawah Fasal 8. Tahanan seseorang itu yang melebihi 24 jam hendaklah dengan perintah Majistret, dan tidak boleh melebihi 14 hari. Had tempoh tahanan ini tidak diperlukan bagi undang-undang yang diperbuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan, tetapi adalah dimasukkan untuk mencegah penyalahgunaan kuasa.

Fasal 16 memberi kuasa kepada pihak Polis untuk memasuki dan menggelidah mana-mana premis yang disyaki mempunyai harta yang boleh dilucuthak atau yang disyaki mempunyai buku-buku atau dokumen yang herhubungan dengan harta tersebut, dan menyita harta atau dokumen itu kecuali buku-buku jurubank di sesuatu bank.

Fasal 20 memberi kuasa kepada Pendakwa Raya untuk memberi kebenaran kepada pihak Polis untuk memintas atau, dengan izin, "intercept" perhubungan menerusi artikel **pos**, perutusan melalui telekomunikasi atau perbualan menerusi telekomunikasi, Walau bagaimanapun, kuasa yang **diberi ini** adalah terhad kepada mendapatkan maklumat yang relevan kepada penyiasatan ke atas kesalahan di bawah



Fasal 3, 4 atau 24(7) snhaja, dan maklumat yang diperolehi. melalui cara ini hendaklah diterima oleh mahkamah sebagai keterangan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 21 membolehkan pihak Polis, atas kebenaran Pendakwa Raya, memeriksa buku-buku jurubank atau akaun bank dan peti-peti simpanan selamat di institusi-institusi Kerajaan, syarikat-syarikat dan sebagainya, demi membantu penyiasatan dan pendakwaan di bawah undang-undang ini. Peruntukan ini adalah sama seperti peruntukan di bawah Akta Pencegah Rasuah 1961.

Fasal 22 membolehkan Pendakwa Raya mendapatkan maklumat: mengenai harta dari orang yang hendak diambil tindakan berkaitan dengan kesalahan di bawah Fasal 1, 4 atau 24(7), atau bagi maksud tindakan di bawah Bahagian **III**. Maklumat boleh juga diperolehi dari saudara dan sekutu mereka, mana-mana pegawai awam, dan mana-mana pegawai atau pekerja bank atau institusi kewangan. Penalti bagi kegagalan atau keengganan memberi maklumat ini ialah denda tidak lebih daripada \$2,000 atau penjara tidak lebih dari satu tahun, atau kedua-duanya.

Fasal 24 memberi kuasa kepada Pendakwa Raya untuk mengeluarkan perintah yang disiarkan dalam Warta terhadap mana-mana orang yang dia bercadang hendak memulakan apa-apa prosiding melucuthakan atau pendakwaan kerana kesalahan-kesalahan tertentu. Kuasa ini adalah sama seperti kuasa yang diberi kepada Bank Negara bagi kes-kes pengambilan deposit yang menyalahi undang-undang.

Perintah ini boleh menghendaki orang-orang yang berkenaan memberi apa-apa maklumat yang diminta mengenai hartanya, dan

menghendakinya mematuhi apa-apa syarat yang dieatatkan dalam perintah tersebut termasuk larangan keluar negeri . Mana-mana orang yang melanggar syarat ini boleh dihukum denda tidak lebih daripada \$500,000.

Fasal 25 dan 26 memhuat peruntukan mengenai penyitaan harta-alih, manakala Fasal 27 membuat peruntukan khas mengenai penyitaan sesuatu perniagaan. Fasal 28 pula membuat peruntukan mengenai harta tak-alih.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian V memperuntukkan bahawa mana-mana harta yang dilucuthak di bawah Rang Undang-undang ini adalah diletakkan pada Kerajaan bebas daripada apa-apa hak atau bebanan mana-mana orang, kecuali hak atau bebanan yang diperolehi oleh seseorang pembeli yang membelinya dengan niat suci dan yang tidak terbatal atau tidak sah di bawah mana-mana peruntukan Rang Undang-undang ini

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI :nembuat peruntukan mengenai keterangan dan prosedur berhubungan dengan prosiding di bawah Rang Undang-undang ini. Fasal 35 memperuntukkan bahawa sesiapa yang diambil prosiding perlucuthakan adalah menanggung beban membuktikan bahawa dia bukanlah seorang yang keaaan atau bahawa harta itu bukanlah harta yang menyalahi undang-undang.

Fasal 39 memperuntukkan supaya keterangan seseorang 'agent provocateur' hendaklah diterima oleh Mahkamah dan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI[ membolehkan pihak berkuasa Malaysia memberi bantuan kepada negara asing berhubungan dengan perkara-perkara berkaitan dengan dadah merbahaya, apabila permintaan dibuat oleh negara itu. Bahagian ini juga mengandungi peruntukan

yang menentukan setakat mana dan dengan cara apa pihak Malaysia boleh memberi bantuan. Bantuan dari Malaysia termasuk memberi maklumat dan dokumen yang dipinda mengenai mau-mana orang atau pertubuhan di Malaysia, setakat yang tersedia dan boleh diperolehi mengikut undang-undang atau yang diberikan dengan sukarela; menyampaikan apa-apa proses dan dokumen yang dikeluarkan oleh negara asing ke atas orang-orang di Malaysia; menyampaikan hasil penyiasatan saksi oleh Majistret bagi pihak negara asing; memeriksa, menggeledah dan merampas apa-apa barang yang dijumpai berada di mana-mana tempat yang ditunjukkan oleh pihak negara asing dan menyerahkan barang-barang itu kepada negara tersebut: bagi tujuan perbicaraan atau siasatan; menyita harta yang dipohon oleh negara asing kerana kesalahan berkaitan dengan dadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara am. Mana-mana percubaan, perubahatan atau persiapan yang dibuat untuk melakukan kesalahan di bawah undang-undang ini, adalah menjadi kesalahan. Fasal 57 melarang jaminan diberikan kepada seseorang yang dipertuduh melakukan kesalahan di bawah Fasal 3, 4 atau 24(7). Fasal 60 memperuntukkan, penalti am, iaitu denda tidak lebih dari 510,000 atau penjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya. Kesalahan-kesalahan di bawah Fasal 3 atau 4 Rang Undang-undang ini adalah menjadi kesalahan-kesalahan ekstradisi di bawah Ordinan Ekstradisi 1958 atau Akta Penjenayah Buruan Komanwel 1967.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan dasar terbuka Kerajaan, draf awal Rang undang-undang ini telah dikemukakan kepada Majlis

Badan Peguam bagi ulasannya. Majlis Badan Peguam telah menyokong pada prinsipnya Rang Undang-undang tersebut, yang akan meningkatkan keupayaan perundangan Kerajaan dalam usahanya memerangi ancaman dadah. Di samping itu, Majlis Badan Peguam telah membuat beberapa ulasan dan cadangan mengenai peruntukan-peruntukan tertentu. Sebilangan dari ulasan dan cadangan itu telah diterima oleh Kerajaan dan sedia termaktub dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, tetapi cadangan-cadangan yang lain tidak dapat diterima kerana didapati akan mengurangkan keberkesanan Rang Undang-undang tersebut ataupun menyulitkan pemakaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, suatu Akta yang akan membolehkan pihak berkuasa bertindak secara berkesan terhadap sindiket menyeludup dan pengedar dadah dengan melucuthakan atau menyita harta mereka yang digunakan bagi tujuan mengedar dadah, atau harta yang diperolehi dari kegiatan tersebut, sangat-sangat diperlukan. Tahanan pencegahan atau sekatan yang dikenakan ke atas mereka ini tidak begitu berkesan sebagai dengan izin "deterrent" kerana mereka yang ditahan atau disekat masih dapat menikmati kekayaan yang mereka memperolehi dari penglibatan mereka dalam pengedaran dadah. Dengan itu, saya mohon Rang Undang-undang ini disokong dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin::** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan berhubungan dengan harta, dan mengenai penyitaan dan perlucuthakan harta, yang berkaitan dengan aktiviti

yang ada hubungan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini, Akta Dadah Merbahaya 1952, atau mana-mana undang-undang asing yang bersamaan dengan Akta-Akta ini atau dengan peruntukan-peruntukan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta-Akta ini, mengenai bantuan kepada negara-negara asing berhubungan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan dadah berbahaya; dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang disebut terdahulu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Persila Yang Berhormat Puan Ainon untuk memulakan perbahasan - kaum wanita .

**5.45 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya kesempatan sehagai pembahas atau pengambil bahagian yang pertama di dalam satu Akta baru, Rang Undang-undang Dadah Merbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua sesungguhnya pengwujudan dan rangka undang-undang yang dibacakan tadi dihuraikan dengan terperinci oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi, adalah satu undang-undang yang sesungguhnya dinanti-nanti oleh seluruh rakyat di Malaysia dan juga dialu-alukan oleh seluruh negara-negara yang telah mengalami akibat-akibat buruk dan juga kesan-kesan yang tidak terhingga dari segi derita, kucar-kacir juga beberapa permasalahan-permasalahan, perekonomian, pembangunan dan sosial kerana Akta ini mungkin atau diharap dapat mereda, melegakan dan juga memberikan pengawasan, naungan kepada kegelisahan rakyat jelata, khasnya di negara kita juga negara-negara jiran dan negara-negara di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar tadi Timbalan Menteri menghuraikan satu-persatu undang-undang yang hendak diluluskan di Dewan ini setelah ianya dibahaskan dengan hebat di Dewan Negara. Saya bangun adalah untuk menyokong penuh dengan rasa syukur yang tak terhingga, tahniah kepada Kerajaan kerana ini adalah mimpi saya sebagai seorang ibu dari beberapa orang anak-anak yang saya rasa di-mimpi juga oleh semua ibu-ibu, khususnya dan bapa-bapa amnya di negara kita ini yang benci, yang rasa tidak senang, yang rasa marah, yang rasa kecewa dengan akibat-akibat penagihan najis dadah yang dilakukan sewenang-wenangnya oleh pengedar-pengedar dadah.

Apabila kita bercakap mengenai najis dadah, apabila kita mempertikaikan mengenai penagihan dadah, akibat-akibat daripada penagihan itu sendiri maka kita jarang mengingatkan di belakang segala gejala buruk ini adalah sejenis manusia yang tidak berhati perut, yang kejam dari yang terlalu mementingkan kehidupan dan kemewahan walaupun dengan mendagangkan nyawa manusia dan mengakibatkan beberapa kucar-kacir, permasalahan besar dalam kehidupan setiap golongan kumpulan masyarakat: negeri, negara yang mereka dapat menyeludup dan berniaga dengan darah daging manusia dan juga keruntuhan moral disebabkan oleh pengedaran najis dadah yang dilakukan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini seperti dikatakan oleh Timbalan Menteri termaktub 8 bahagian atau fasal yang merangkumi semua aspek yang boleh mencerut, yang boleh dengan senang dan dengan mudahnya dapat kita menjerat atau menangkap atau untuk kita mereda - saya kata reda kerana saya rasa mustahil untuk menghapuskan pengedar-pengedar dadah kerana di dalamnya termaktub bukan sahaja pengedar-pengedar yang telah kaya-raya

menikmati daripada hasil perbuatan jahatnya tetapi mereka yang subahat, saudara-mara yang melindungi sama ada harta itu sudah dilaburkan, dinamakan dengan nama-nama penama lainnya atau disembunyikan atau telah dijadikan sebagai harta-harta yang sukar hendak diselidiki, umpamanya diletakkan sebagai harta karun, diletakkan di bawah-bawah rumah, di bawah-bawah tempayan atau lain-lain, umpamanya pasti juga terlindung oleh undang-undang **ini**.



Malahan mereka yang bersubahat secara tidak langsung dengan negeri-negeri luar juga akan termaktub dan akan dilindungi oleh undang-undang ini.

Sesungguhnya Kerajaan kita sangat bergiat, sangat bersungguh-sungguh dalam perkara ini. Kita maklum bahawa Akta demi Akta mengenai dadah berbahaya ini dipinda di Dewan ini, kemudian kita maklum Kerajaan kita yang diketuai oleh Perdana Menteri kita yang begitu dedikasi dalam hal memerangi dadah ini telah menjelajah ke seluruh dunia membawa beberapa usul-usul, formula-formula bagi memerangi najis dadah ini bukan sahaja dalam bidang pengedaran, penyeludupan, juga dalam bidang penguatkuasaan, rawatan pemulihan dan jagaan lanjutan, tetapi punca segala-galanya ialah pengedaran. Tiada dadah, tiadalah penagih.

Kita di Malaysia oleh kerana undang-undang sebelumnya tidak begitu ketat, maka kita terpaksa mengambil pucuk daripada mengendalikan pangkal. Ertinya kita lebih banyak menitikberatkan kepada masalah rawatan pemulihan kepada penguatkuasa secara kadar yang terdaya oleh undang-undang dan kemudian kepada masalah jagaan lanjutan, tetapi kita sukar untuk hendak mendekati masalah pokok akar tunjang, iaitu pengedar-pengedar atau bapa-bapa pengedar.

Tuan Yang di-Pertua, semua kita tahu pengedar ini ada tiga tingkatannya:

- (i) pengedar besar;
- (ii) pengedar pertengahan; dan
- (iii) pengedar kecil.

Yang besar tidak ada dalam Malaysia, berada di negara-negara lain, sedekat-dekatnya di negara-negara ASEAN, sejauh-jauhnya Tenggara Asia dan lebih jauh lagi di negara-negara Eropah, Asia Barat dan di

Timur Tengah. Mereka ini berhubung dengan pengedar-pengedar pertengahan dan pertengahan akan berhubung pula dengan rekrut-rekrut atau dengan pegawai-pegawai kecilnya ataupun dengan hamba-hambanya. Dikatakan "hamba" kerana biasanya pengedar kecil ini sudah menagih dahulu, bila dia sudah menagih, dia buat apa sahaja walaupun membunuh.

Di negara kita ini yang banyaknya yang tengah dan yang kecil dan yang malangnya yang kecil inilah yang selalu tertangkap, selalu terseksa, yang menjual dadah hanya lebih kurang dalam 100 kartus kalau ganjanya, kalau heroinnya dengan 10-20 tiub atau lebih-lebih tinggi sebanyak 200 gram yang kita dengar telah digantung walaupun masih muda belia dan masih lagi mentah dalam hal-hal kehidupan, tetapi inilah yang telah dapat kita buat dahulu kerana kita tidak ada undang-undang yang lebih keras daripada itu. Syukur undang-undang yang keras telah menjelma. Kita yakin dengan undang-undang ini nanti pak pengedar-pengedar yang ingin menjadikan negara kita sebagai negara tempat pasaran utamanya di Tenggara Asia ini akan berfikir 10 kali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai perkara-perkara yang disarankan di dalam Akta ini. Akta ini dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988, kemudian di sini telah dipaparkan beberapa perkara-perkara yang termaktub dan tertakluk di bawahnya. Satu daripadanya yang ingin saya sentuh sedikit di sini ialah mengenai kesalahan-kesalahan berhubung dengan harta. Telah dipaparkan di sini berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengannya dan antaranya saya petik: "dengan niat hendak menggalakkan, menguruskan, mengasaskan atau menjalankan apa-apa perbuatan aktiviti atau kelakuan yang menjadi sesuatu kesalahan terjadual atau dengan niat hendak mempermudah atau membantu dalam

penggalakan, pengurusan, pengasasan atau perjalanan perbuatan aktiviti atau kelakuan yang disebutkan dalam perenggan (a)".

Saya memuji kepada pereka atau pencipta undang-undang ini yang disebut tadi telahpun dibawa kepada Majlis Badan Peguam negara kita. Sesungguhnya kita tidak boleh menghapuskan pengedar-pengedar ini kalau kita tidak cari akar-akar rambutnya, ranting-rantingnya dan dahan-dahannya kerana biasanya akar tunjang tidak akan berkembang tanpa tumbuh batangnya, daunnya, rantingnya dan kemudian baru menghasilkan buahnya. Maka di sini kita harap kita tidak akan terjadi seperti negara-negara yang kita dengar dalam Berita Jam 10 di television di mana di negeri luar Perdana Menteri, *nauzubilla*, sama terlibat menjadi pak pengedar dadah.

Ada setengah tempat seorang hakim menjadi pengedar dadah. Ada satu negeri lain Pegawai Tinggi dalam tentera menjadi pengedar dadah dan yang paling kita terkejut ada sebuah negara itu, Presiden negara itu sendiri terlibat di dalam masalah perdagangan atau pengedaran dadah. Baik benarlah undang-undang ini ada supaya kalau adalah mimpi-mimpi ini di kalangan para pemimpin kita, barang dijauhkan Allah; di kalangan pentadbir-pentadbir negara kita, di kalangan orang-orang kenamaan kita, mereka akan berfikir banyak kali kerana setelah undang-undang ini dikuatkuasakan tentu mereka merasa takut - deterrent kata Timbalan Menteri tadi, yang menakutkan, yang boleh mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara yang demikian itu kerana bukan mustahil di negara kita juga ada mereka yang berkedudukan bersubahat atau ada kait-mengait secara tidak langsung dengan pengedaran-pengedaran dadah. Saya percaya Timbalan Menteri kita yang arif dan yang memang dedikasi dalam hal-hal penyiasatan ini maklum ada fail-failnya, saya percaya begitu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh sedikit mengenai Fasal , iaitu mengenai seksyen 3 dan 4, perlucuthakan harta apabila disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 3 atau 4. Saya suka menarik perhatian di dalam undang-undang ini mukasurat 21, iaitu mengenai Fasal 7, iaitu yang menyebut di sini: "Orang-orang yang berikut boleh dikenakan tindakan di bawah bahagian ini, Maksudnya bahagian III yang berkaitan dengan seksyen 3, 4 atau 24(7) yang berbunyi: "yang telah disabitkan dengan muktamadnya atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 3, 4 atau 24(7) atau di bawah suatu undang-undang asing yang bersamaan dengan seksyen-seksyen ini atau atas satu kesalahan Terjadual yang dilakukan pada bila-bila masa selepas mula berkuatkuasanya Akta **ini**.

kemudian di bawah Bahagian II juga, para (ii) menyebut: dengan syarat bahawa aktiviti yang menjadi alasan penahanan itu berlaku selepas mula berkuatkuasanya Akta **ini**. Ini membimbangkan saya. Bagaimana kalau pengedar-pengedar yang sudahpun kita dapat cium baunya sedang menikmati kekayaannya, katalah dengan izin, di Hongkong atau di negara-negara lain dan mempunyai juga harta-harta yang bermillion-million di negara kita ini di sebalik perniagaan atas nama Syarikat A Sendirian Berhad umpamanya, atau telah dialihkan kepada nama **girl** friendnya ataupun kepada gundek-gundeknya atau kepada penyokong-penyokong kuatnya, pengedar pertengahannya, pengedar kecilannya dan mereka ini sekarang ini sudah memberhentikan kegiatan mengedar sedang menikmati kekayaan dan sedang bersuka-suka, berseronok-seronok hasil jualan darah daging manusia dan nyawa manusia ini, bagaimana dengan mereka, tak terlibatkah dengan Akta **ini**?

Sekarang mereka sudah tak buat lagilah, dia buat 5-6 tahun

yang lalu, fail ada tetapi bukti-bukti susah, nama-nama sudah tidak ada lagi, terikat atau tidak dengan undang-undang ini? Kalau dibaca daripada Fasal 2 didapati ini terikat, tetapi dalam Fasal 3 ada pula begini. Saya bimbang lawyer-lawyer kita di Malaysia ini bijak-bijak. Kadang-kadang lawyer kita ini kita rasa tak gigit, tiba-tiba dia gigit, tambah pula bila boleh menggunakan "natural justice". Baiklah kita sudah luluskan satu undang-undang baru-baru ini, tak ada lagi 'no way', dengan izin, perkara-perkara itu boleh dilakukan, tetapi takut celah-celah **ini**. Kadang-kadang dalam mahkamah perkara likuan-likuan dalam undang-undang itu, celah-celahan dalam undang-undang itu akan dapat menaungi yang bersalah, lalu melepaskannya dan teraniayalah kepada yang mendakwa atau kita seperti masuk angin keluar asap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan perkara itu kerana saya ini bukan seorang lawyer, tetapi seorang warganegara, seorang wanita yang menengok sendiri betapa deritanya anak-anak kita yang telah dijebak oleh pedagang-pedagang maut ini dan berapa seksanya mereka yang telah menjadi mangsa najis dadah hasil perbuatan ganas, liar dan juga zalim pengedar-pengedar **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu banyak lagi perkara-perkara, yang saya rasa kawan-kawan saya mungkin akan menyentuhnya dan saya hanya ingin membuat beberapa sentuhan mengenai perkara dalaman ataupun mengenai Akta ini nanti yang akan dilaksanakan di negara kita sendiri. Kita dengar tadi bahawa mereka ini berbuat apa sahaja, kalau barangkali kita punya Akta ini 'smart'. Kita punya Menteri, kita punyai Pegawai-pegawai Kerajaan, pihak penguatkuasaan kita bekerja siang malam untuk mencari ikhtiar atau jalan menghapus dan juga menyekat perkara-perkara **ini**. Mereka juga mempunyai satu kumpulan yang hebat dan besar, yang mungkin berpusat di Bangkok atau berpusat di mana-mana. Siang malam juga ada konfransinya, ada dia punya 'meeting' dan ada struktur serta strateginya. Kalau ini kita buat, ini cara mereka akan buat, Jadi, saya ingin bertanya, bagaimana dengan pelaksanaan undang-undang ini nanti kalau sekiranya perkara-perkara ini kita dapat tahu, katalah kita sudah dapat jelas berada di Thailand, kemudian di Thailand ini dekat-dekat dengan "Golden Triangle" sana, mereka ini pula nanti dapat naungan politik dari negara-negara besar, negara-negara yang maju kerana itu kepunyaan mereka. Apakah kita boleh kaitkan dengan undang-undang ini? Adakah penyelarasan, penguatkuasaan di bidang antarabangsa yang baru-baru ini kita telah sama-sama menganggotainya menyedari perkara ini? Oleh kerana ada juga berlaku, pernah satu

peristiwa pada tahun 80an seorang yang telah dikenal pasti pengedar dadah jenis besar-besaran, yang terbesar atau kalau ikut struktur Jabatan, Ketua Pengarahnya yang telah lari dengan helikopter, ke negara jiran, kemudian telah diberikan naungan politik. Kita tidak dapat buat apa-apa. Macam mana dengan undang-undang ini, bolehkah atau tidak?

Adakah politik boleh campurtangan menaungi mereka ini kalau mereka itu bukan warganegara daripada kita di sini atau mereka itu adalah orang-orang kanan dari negara-negara maju yang kerjanya "Lempar Batu Sembunyi Tangan". Timbalan Menteri saya ini arif benar dengan perkara ini, di luar semasa persidangan semua kata: "Ha, kita sama-sama ingin mententeramkan dunia dari dadah", tetapi di belakang; dialah yang telah memberikan segala kemudahan untuk penanaman dan pengedaran dadah. Sama juga cerita Amerika dengan Kerajaan kita, di luar bukan main baik, Perdana Menteri kita pergi disambut dengan senyum lebar, dengan hamparan permaidani merah, bila kita hendak pinjam duit di Bank Dunia, mereka sabotaj. Tidakkah ini juga akan berlaku? Kata pepatah, "Pepat di luar, rencong di dalam" atau "Seperti menggunting kain dalam lipatan", kerana kalau tidak ada kerjasama penguatkuasaan antarabangsa, pada fikiran saya sukar bagi kita untuk melaksanakan undang-undang ini.

Datuk Yang di-Pertua, saya harap Datuk akan jadi Tan Sri [Ketawa]. Saya ingin bertanya bagaimanakah mengenai dengan dadah yang diimport secara halal untuk tujuan perubatan. Sebab dadah mempunyai dua kegunaan, dahulu kita kata salah guna, bila salah guna sekarang maka dia akan jadi merbahaya, kalau betul guna, ia jadi ubat, pembantu. Semua orang tahu **ini**. Dalam semua jenis ubat ada

drug (dadah), tetapi kita sudah kenalpasti, kalau dadah yang tidak baik, kalau drug adalah baiknya. Sekarang kita telah cop "najis". Jadi, kena sangat dengan perkataan itu, tepat sangat.

Bagaimana dengan farmasi atau dengan pengimportan dadah untuk tujuan pengubatan negara kita. Tidak adakah bocor, tidak adakah lepas, tidak adakah berlaku penyelewengan, pengedaran secara tidak langsung, pakat-pakat di belakang atau bagaimana diimport barangkali berjuta-juta kilogram tetapi yang digunakan beribu-ribu kilogram, yang lebih tidak ada siapa tahu. Ke mana perginya? Mungkinkah ini pernah dicium baunya atau diambil perhatian?

Keduanya mengenai dadah-dadah rampasan, saya sebenarnya yakin pihak Polis kita sangat jujur dan ikhlas, sangat teliti dalam perkara ini, tetapi ada juga risik-risik, desas-desus, rumours, dengan izin, kadang-kadang ada pula asasnya bahawa dadah rampasan itu juga kadang-kadang yang dibakar atau yang ditenggelamkan di laut dalam, setahu saya negara kita ini rampasan dadah yang dibuat oleh pihak penguatkuasaan kita dibakar dengan satu kawalan yang rapi, tetapi ada cerita, katanya yang bakar itu tidak semua, ada juga yang tidak terbakar, bersembunyi di belakang-belakang kemudahan diedarkan dengan cara-cara tertentu. Betulkah atau tidak?

Yang Berhormat Timbalan Menteri saya taham dan tahu ini saya bertanya bagi pihak orang ramai, bagi pihak yang menyakini kami bercakap di dalam Dewan ini, jangan sekadar bercakap sahaja, tetapi biarlah cakap-cakap itu membawa makna dan mempunyai kesan, biarlah isi-isi percakapan itu ada lunas, ada fakta dan memberi makna, bukanlah kata orang menceceh sahaja, Saya dengar di luar-luar banyak kawan-kawan kita dari mass media mengatakan kami-kami ini suka menceceh, menceceh untuk negara, kalau tidak menceceh pun barangkali banyak yang akan tercicir.



Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai cerita penjara. Seorang bekas tawanan telah menceritakan kepada satu kumpulan kaunselor bagaimana dia boleh mendapat dadah di penjara iaitu caranya, dia kata dan kebanyakan mereka ini adalah mereka yang bekas pengedar atau mereka itu memang pengedar kecil, ada taukeh di luar. Jadi, nanti dia akan upah pengawal-pengawal atau seseorang yang ada kuasa keluar masuk ke penjara pergi jumpa dengan pak pengedar dia, kemudian pergi jumpa pak pengedar **itu**, pak pengedar itu nanti akan berikan duit, duit itu akan dibelikan bekalan dan bekalan itu masuk ke penjara. Cerita ini pernah merosakkan imej kita. Tetapi saya sendiri dekat dengan Timbalan Menteri, dekat dengan penjara, setahu kami tidak berlaku, tetapi ada juga cerita-cerita **ini**. Orang yang bercerita ini bekas penagih dadah, biasanya bekas penagih dadah pandai mereka cerita dan pandai main drama, berdrama dan mereka ini bialaanya (bukan semua) adalah menjadi seorang pakar di dalam ilmu berbohong, takut kalau-kalau ini juga satu cerita rekaan, tetapi baiklah diberikan perhatian sementara kita menjaga yang besar atau perkara-perkara yang lebih bermakna macam undang-undang **ini**, maka kita jaga perlu menengok perkara-kecil-kecilan yang kemungkinan kalau-kalau ada juga kebenaran kepada cerita yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir saya ingin menyentuh ialah kita mengharapkan sangat apabila Akta ini diluluskan sebentar lagi, saya tahu kawan-kawan saya pun semuanya menunggu untuk bercakap hendak menyokong, maka ianya akan dapat dilaksanakan, biarlah negara luar segan silu dengan kita tentang undang-undang kita seperti mereka segan silu dengan undang-undang mengenai langkah-langkah pencegahan, undang-undang keras kita, Akta Dadah Berbahaya kita yang mengenakan hukuman gantung mandatory yang mana sekarang ini negara-negara lain nampaknya sudah jealous, dengan izin, sudah cemburu dengan kita,

ingin meniru kita untuk mententeramkan, meredakan masalah dadah di-negaranya. Biar kita pecah rekod dunia bahawa perkara ini kita yang buat dulu dan kemudian kita akan terkenal sebagai negara yang benar-benar, sungguh-sungguh hendak menyelesaikan masalah dadah. Tidaklah sekadar manis di bibir sahaja.

Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat **Puan Hajjah Azizah.**

6.10 ptg.

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya dalam sejarah saya di Dewan ini telah dua kali pindaan Undang-undang ini dibuat, pertama kita kenakan rotan - saya juga yang membuat usul - dan kali ini pindaan merampas harta, jadi saya suka untuk mengambil bahagian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pokok yang terpenting dalam penyelesaian masalah penagihan najis dadah ini di negara Malaysia ialah pemimpin kerana dalam hal ini Kerajaan Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat dan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dapat meyakinkan rakyat di Malaysia dan kini di seluruh dunia bahawa hanya undang-undang yang tegas sahaja akan dapat memerangi najis dadah **ini**. Hari **ini**, Dewan yang mulia ini akan mendengar hujah-hujah mengapa Kerajaan kita perlu mewujudkan peruntukan undang-undang untuk merampas harta-benda dan aset daripada yang tertuduh dalam kes mengedar dadah. Jika mahkamah berpuas hati dengan bukti dan keterangan yang dibentangkan oleh pihak Pendakwa ataupun hujah-hujah yang bertentangan dengan tujuan peruntukan undang-undang tersebut.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam negara yang telah maju dan sedang membangun termasuk negara kita, setiap insan telah dan sedang bergerak aktif mengejar kemewahan untuk hidup dan kita

tidak menafikan bahawa kemajuan dalam aspek pengangkutan dan perhubungan di seluruh dunia telah memberi banyak faedah kepada manusia di dunia **ini**. Sebagai contoh, rakyat Malaysia pada bila-bila masa sahaja boleh terbang ke Eropah, ke Australia atau ke mana sahaja di pelusuk dunia ini untuk urusanniaga, berehat dan sebagainya. Pada masa yang sama ada manusia yang mungkin berlagak sebagai pelancong-pelancong berada di dalam pesawat-pesawat udara yang kita naiki itu tanpa disedari bahawa orang-orang ini adalah kakitangan sindiket pengedar najis dadah antarabangsa. Mereka ini dengan mudah boleh membeli najis dadah di kawasan "Tiga Segi Emas" yang terkenal di rantau Asia Tenggara dan singgah di merata lapanganterbang di dunia ini untuk mengelakkan dari pengesanan Polis dan Kastam. Tidak ketiggalan Lapanganterbang Subang dan Bayan Lepas menjadi tempat laluan mereka sebelum sampai ke tempat yang ditujuinya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka senantiasa bergerak aktif, sama ada dengan kapal laut, udara atau kenderaan di darat, kakitangan pengedar najis dadah ini telah mahir dan pakar dengan tempat-tempat laluan mereka dan boleh pula membaca gerak-geri pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang. Kepada mereka najis dadah terutamanya candu dengan nama samarannya "emas hitam" adalah dagangan yang sangat berharga kerana ia boleh mendatangkan keuntungan yang besar dalam masa yang singkat dengan tidak bersusah payah berhutang dengan bank dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu bahawa najis dadah ini mempunyai sejarah yang tersendiri kerana dadah ini boleh menjadi penawar dan ubat kepada pesakit-pesakit yang terlantar di hospital dan di rumah-rumah dan di merata bandar dan desa. Sebelum Perang Dunia Kedua, apa yang kita tahu ialah dadah narkotin iaitu dadah

yang berasal dari candu seperti candu yang telah diproses untuk dihisap oleh penagih, morphine dan heroin untuk menghilangkan sakit tetapi dadah ini semua diharamkan oleh satu Konvensyen Dadah Antarabangsa kerana kesan-kesan buruk yang boleh menyebabkan ketagihan dan pergantungan kepada dadah seumur hidup. Mungkin kita masih ingat lagi cerita-cerita lama di Malaysia sebelum Malaysia ditubuhkan bagaimana Kerajaan pada masa itu menjual candu masak kepada penagih-penagih yang berdaftar lebih dari 175,000 orang, kalau tidak silap saya, sementara yang tidak berdaftar melebihi 250,000 orang. Apabila Konvensyen Dadah Sedunia mengharamkan penggunaan candu, maka penagih-penagih dadah candu itu yang masih hidup terus mendapatkan bekalan dadah mereka daripada pengedar-pengedar dadah dalam pasaran-pasaran gelap.

Tuan Yang di-Pertua, kini kejayaan dalam sains dan teknologi juga telah dapat mengeluarkan dadah tiruan yang diproses di makmal-makmal sebagai ganti ubat-ubat yang mempunyai bahan candu. Semua ini adalah untuk menolong manusia-manusia yang sakit yang memerlukan perubatan dan rawatan. Sebenarnya sebelum negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dahulu, masalah penagih dadah ini telah ada dan mungkin pada masa itu penagih-penagih menyalahgunakan dadah candu dan ganja sahaja.

Dari apa yang kita tahu mereka yang bekerja di lombong-lombong juga menghisap candu selepas penat bekerja sebagai satu cara hiburan mereka sementara mereka yang bekerja di pelabuhan-pelabuhan pula menghisap ganja. Pada masa itu juga Kerajaan mempunyai peruntukan undang-undang dalam Ordinan Dadah Merbahaya, 1952 dan hukuman-hukuman terhadap orang-orang yang didapati bersalah tidaklah begitu berat seperti sekarang ini.

Dadah candu atau ganja diseludup dengan kapal-kapal yang belyar dari satu pelabuhan ke satu pelabuhan yang lain dan mungkin juga kaedah pengangkutan yang lebih cepat dan selamat bagi penyeludupan di masa itu hanyalah melalui kapal-kapal laut. Ini semua berlaku sebelum tahun 1970, kerana apa yang berlaku selepas tahun 1970 itu adalah amat berbeza sekali dalam zaman penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu penagih dadah bergantung kepada candu dan ganja sahaja, tetapi pada hari ini penagih dadah di Malaysia telah menyalahgunakan segala jenis dadah termasuk candu dan ganja. Apakah corak hidup generasi muda Malaysia akan datang apabila muda-mudi ini menyalahgunakan dadah LSD yang boleh mengkhayalkan selama 2 jam? Ubat ini digunakan oleh doktor untuk merawat orang-orang sakit jiwa atau sakit otak, dadah cocaine misalannya ialah ubat kebas untuk pembedahan kerongkong atau hidung atau dadah tiruan yang lain untuk mententeramkan fikiran atau melemahkan sistem saraf atau menghilangkan kesakitan, semuanya disalahgunakan oleh penagih-penagih zaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, kian ramai penagih-penagih dadah di bandar-bandar dan di desa-desa, semakin seronoklah sipengedar-pengedar dadah kerana mereka mempunyai pengguna-pengguna yang ramai dan bekalan-bekalan dadah berjalan lancar setiap hari. Ini bermakna semakin hari semakin ramai penagih dadah akan lumpuh, merana dan mati, Semakin banyak wang yang akan dipungut oleh pengedar-pengedar dadah itu menjadi kaya-raja dan harta-benda mereka akan diwarisi oleh waris-waris mereka yang akan terus-menerus menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dalam bidang pengedaran dadah itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat dan Kerajaan Malaysia mempunyai jentera-jentera yang cukup untuk mengikuti perkembangan aktiviti haram ini dan dari masa ke semasa telah dan akan meminda undang-undang ataupun mewujudkan peruntukan undang-undang yang baru dan sesuai mengikut keadaan dan kejadian dalam masyarakat pada hari ini. Ini bererti peruntukan dalam Akta Dadah Berbahaya tidak lagi sesuai dengan keadaan penyalahgunaan dadah sekarang. Hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya sekali tidak lagi menimbulkan kesedaran atau takut kepada orang-orang yang berhati tamak dan berusaha mencari wang dengan cepat melalui pengedaran dadah. Hukuman gantung sampai mati dan sebat dengan rotan juga tidak menggerunkan mereka, Ini semua kerana manusia-manusia di masa kini telah banyak terdedah kepada kebendaan dan oleh itu nafsu mereka akan berkobar-kobar untuk kegiatan aktif dalam urusanniaga mereka itu mengedar dadah sampai ke akhir hayatnya kerana mengedar dadah adalah satu perniagaan yang amat menguntungkan dengan cepat.

Tuan Yang di-Perctua adakah benar tindakan negara kita mempunyai undang-undang menggantungkan sampai mati pengedar najis dadah. itu zalim atau adakah pengedar dadah yang sebenarnya zalim kerana mengedar dadah kepada insan-insan yang bersih, kuat sihat dan tidak berdosa dan mengautkan keuntungan. tanpa mempunyai perasaan belas kasihan sesama manusia itu?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, telahpun mengisytiharkan perang habis-habisan terhadap najis dadah dan Kerajaan kita akan terus melaksanakan program-program termasuk pemulihan penagih dadah dan sebagainya, kerana kita tidak hanya bercakap sahaja, akan tetapi kita akan terus mengambil tindakan-tindakan yang berupa segeramenerusi proses-proses undang-undang negara terhadap masalah najis dadah.

Setiap hari ramai penagih diberkas oleh Polis, ramai juga dilancar ke pusat pemulihan dan Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan makan minum mereka. Kita juga merasa hairan, kerana kebanyakan pengedar yang ditangkap dan dihukum gantung sampai mati dalam kes pengedaran dadah terdiri daripada pengedar-pengedar yang licin dan kelicinan atau ikan-ikan bilis sahaja. Ini bermakna pengedar-pengedar yang besar-besar atau ikan-ikan jerung masih bebas. Ini adalah satu kemungkinan sahaja. Ini semua kerana ikan jerung itu adalah lebih pintar dalam semua hal seperti tupai melompat ke sana ke mari dengan bebasnya. Mereka menggunakan khidmat orang-orang profesional yang pakar dalam hal undang-undang, memproses bahan kimia dalam makmal-makmal dan sebagainya. Pendek kata, mereka mempunyai organisasi yang cukup lengkap dan cekap dalam operasi mereka mengedar dadah



pelanggan-pelanggan mereka dan yang bergerak pantas ke sana kemari ialah kakitangan mereka dan kakitangan inilah biasa ditangkap oleh Polis dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, anggapan setengah-setengah orang iaitu masalah ketagihan dadah ini ialah masalah politik semata-mata, kerana setengah-setengah negara di dunia ini enggan meluluskan undang-undang yang mereka tahu atau jangka tidak menyenangkan penyokong-penyokong mereka. Sebaliknya adalah jelas bahawa Kerajaan sesebuah negara ataupun rumahtangga, sekolah, pejabat, kilang dan masyarakat mestilah menunjukkan kesanggupan untuk membanteras penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita sedang membahaskan suatu undang-undang yang bertujuan untuk merampas hartabenda kepunyaan seseorang yang telah memperolehinya melalui pengedaran najis dadah. Kita faham bukanlah mudah untuk membuktikan di mahkamah yang mana satu hartabenda yang diperolehi melalui jualan dadah, yang mana satu yang halal dan yang tidak halal. Persoalan yang terpenting ialah sama ada negara kita perlu mewujudkan peruntukan undang-undang merampas hartabenda tersebut. Saya yakin setiap rakyat Malaysia akan berdiri teguh di belakang Kerajaan untuk bertindak dengan tegas terhadap manusia yang mencari kekayaan hasil dari pengedaran najis dadah ini. Kerana kekayaan seperti ini jika dibiarkan, negara dan generasi akan datang akan dilanda dengan wabak dan tindakan mestilah diambil kerana ia akan meaghancurkan anak-anak cucu akan datang, akan menjadi manusia yang sakit jiwa dan zuriat yang tidak lagi berguna kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, masih ada lagi sebilangan orang di negara ini meragukan kesenangan undang-undang untuk merampas hartabenda tersebut kerana kkuatir akan berlaku salahguna kuasa dan sebagainya. Buah fikiran mereka yang membina itu sebenarnya menjadi satu rahmat kepada Kerajaan supaya lebih berhati-hati lagi menggubal sesuatu undang-undang khususnya akta yang ada kaitan dengan peruntukan undang-undang merampas hartabenda itu. Walau apapun peruntukan undang-undang yang telah dan akan diwujudkan oleh Kerajaan, yang tertuduh diberi kebebasan dan haknya untuk membela dirinya termasuklah rayuan-rayuan kepada Mahkamah-mahkamah Tinggi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah buku yang ditulis oleh James Mill, bertajuk "Empire Bawah Tanah" menceritakan bahawa manusia sebenarnya telah membelanjakan wang yang banyak untuk dadah lebih daripada membeli pakaian, makanan dan pelajaran, perumahan dan kesihatan. Di negara kita sahaja anak-anak muda yang telah menjadi penagih dadah terpaksa mencari wang yang banyak untuk membeli dadah, mungkin antara \$50.00 hingga \$60.00 sehari atau satu kartun ganja Atau satu tube morphine atau heroin berharga \$10.00 - bukan \$8.00 apa yang dikata oleh Dato' Megat tadi. Dan mungkin lebih mahal apabila bekalan dadah itu tidak sampai kepada pembekal atau pengedar kecil. Jadi, lebih ramai penagih dadah, maka lebih banyaklah keuntungan yang akan dipungut oleh pengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi. Semua orang tahu, selagi ada ladang-ladang bunga poppy di kawasan Tiga Segi Emas di Asia, Timur Tengah atau Eropah, selagi itulah dadah-dadah akan terus diedar oleh sindiket-sindiket dadah di seluruh dunia. Berjuta-juta ringgit telah dibelanja oleh badan-badan antarabangsa

untuk menggantikan tananam-tanaman lain yang menggantikan poppy tetapi tidak berhasil kerana ladang-ladang Popy yang lebih mendapat hasilnya. Setelah candu mentah dipungut daripada bunga Popy, ianya dijual kepada orang-orang tengah yang pakar dalam hal-hal memprosesnya. Di makmal-makmal di bandar-bandar besar, dari candu mentah ini dikeluarkan dadah, morphine, heroin dan sebagainya. Jadi, kalau negara kita Malaysia sahaja untuk memerangi dadah, tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya, negara kita hendaklah bersatupadu dengan negara-negara pengeluar candu seperti di Burma, Thailand dan di Tiga Segi Emas, di Asia Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu soal selidik yang dibuat oleh badan-badan tertentu di sebuah negara Barat dalam tahun 1975 hingga 1977, didapati 56% daripada penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi menghisap dadah dan ganja, 23% menyalahgunakan dadah yang mengkhayalkan dan 17% menyalahgunakan dadah yang melemahkan sistem saraf sebagai tabiat dan amalan hidup mereka setelah keluar dari pusat-pusat pengajian tinggi. Ini menunjukkan bahawa bekalan dadah melalui pasar-pasar gelap kepada penuntut-penuntut sekolah tersebut akan berterusan sepanjang masa. Apa akan jadi kepada penuntut-penuntut di negara kita pula? Ini juga bererti pengedar dadah akan mendapat pendapatan dan keuntuangan yang besar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Persidangan 138 buah negara di Vienna, Austria baru-baru ini membuktikan lagi dunia telah sedar betapa bahayanya wabak dadah ini sedang mengancam seluruh manusia di dunia ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden di Persidangan Dadah Antarabangsa itu, lebih memperkuatkan lagi kepercayaan masyarakat dunia kepada Malaysia yang berani menentang masalah salah guna dadah ini dengan undang-undang yang lebih tegas lagi.

Dari itu, saya berharap kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang membawa Rang Undang-undang ini dipinda menjadi pelupur iaitu membawa Rang Undang-undang ini keseluruh dunia supaya mengawal najis dadah ini. Kalau negeri kita sahaja mengawal, sedangkan negara lain membuka pintu, maka negara kita akan hancur lebur rakyatnya termasuk wanita-wanita. Kalau wanita-wanita makan dadah, rupa pun tidak cantik lagi, Dato' pun tidak hendak [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, sebelum tahun 80an dahulu, masyarakat keturunan India di Malaysia ini diancam oleh samsu gelap dan boleh dikatakan ramai telah mati setelah meminum samsu gelap itu. Peruntukan Undang-undang Akta Eksais pada masa itu hanyalah dikenakan denda 10 kali ganda cukai yang tidak dibayar ke atas samsu-samsu yang dirampas, akan tetapi kegiatan samsu gelap ini telah lumpuh sama sekali apabila Kerajaan mewujudkan Akta Mencegah Samsu Gelap 1976 di mana hukuman yang lebih berat dikenakan seperti denda sehingga \$10,000 dan rotan tidak lebih 6 kali dan penjara mandatori tidak lebih dari 10 tahun. Dengan hukuman yang berat ini orang-orang yang mencari keuntungan memasak samsu gelap itu telah kurang, gulung tikar dan terselamat keluarga-keluarga yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia hari ini sedang membahaskan peruntukan undang-undang yang lebih tegas terhadap pengedaran dadah di negara kita. Berlandaskan kepada hujah-hujah yang telah saya bentangkan dengan panjang lebar di Dewan **ini**, saya yakin setiap rakyat Malaysia akan memberi sokongan yang padu kepada tindakan Kerajaan untuk merampas harta benda daripada pengedar-pengedar dadah mengikut proses undang-undang. Oleh kerana masalah najis dadah ini telah sampai ke tahap yang amat bahaya sekali, saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan yang positif memperkukuhkan dan memperketatkan lagi peruntukan undang—undang mengenai perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Peruntukan undang-undang mengenai hukuman ke atas pengedar-pengedar dadah yang kurang dari 15 gram dikenakan hukuman mandatori ialah denda tidak melebihi \$50,000 dan disebat rotan tidak lebih 10 kali - 5 kali dia tidak serik, tambah

5 lagi - 10 kali dan dipenjara tidak melebihi 10 tahun dan sebuah pulau hendaklah dijadikan tempat tahanan kes-kes dadah. Duduk atas darat dapat juga cara dadah, saudara dia hantar dadah, kawan-kawan dia hantar dadah. Buat di pulau.

- (2) Peruntukan-peruntukan undang-undang mengenai ibubapa-ibubapa dan penjaga-penjaga diwujudkan. Penjaga pengedar juga kadang kala memberikan bekalan kerana kasihan, lihat anak sudah letih, beri juga satu tube ganja atau dadah hendaklah diambil kira dan orang-orang yang melindungi penagih ataupun pengedar ini. Saya ulangi, peruntukan-peruntukan mengenai undang-undang kepada ibubapa dan penjaga diwujudkan membuat laporan dalam tempoh 24 jam kepada polis atau agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan apabila mengetahui atau mensyaki anak-anaknya atau anak-anak di bawah jagaannya terlibat sebagai penagih atau pengedar dadah, Jika enggan berbuat demikian, ibubapa atau penjaga anak-anak itu bolehlah didakwa dan dihukum.

Jikalau ibubapa tidak hendak melapor, tidak hendak bekerjasama dengan polis, kita dakwa ibubapa atau penjaga tadi. Dengan denda tidak melebihi \$1,000 atau penjara tidak melebihi sebulan atau kedua-duanya sekali. Kadang kala terdapat ibubapa menggalakkan atau melindungi anak-anak penagih atau pengedar ini.

Tuan Yang di-Pertua, pewujudan peruntukan undang-undang yang tegas seperti yang dicadangkan itu bukanlah bertujuan untuk mendera sesiapa pun akan tetapi pengalaman kita selama 10 tahun yang lalu menunjukkan bahawa orang-orang awam khususnya ibubapa atau penjaga adalah sama-sama bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka atau

anak-anak di bawah jagaan mereka. Begitu juga orang-orang yang tidak bertanggungjawab mestilah tidak sedar atau takut dengan hukuman-hukuman yang ada sekarang. Hukuman-hukuman yang lebih berat dan berkesan mestilah dikenakan ke atas orang-orang yang tidak berperikemanusiaan **itu**. Mengenai hukuman penjara, kita pernah dengar mereka berkata, "Apa susah, makan percuma dan dikawal pula". Mereka ini tidak takut, dapat makan free dalam penjara. Selepas keluar penjara buat lagi. Oleh itu sudah sampai masanya Kerajaan mestilah mencari sebuah pulau di perairan Malaysia, termasuk pulau-pulau di Lautan China berdekatan Terengganu, misalnya - jangan marah orang Terengganu - ataupun Sabah ataupun di Sarawak untuk dijadikan penjara khas untuk penagih dan pengedar dadah sekurang-kurangnya 15 gram itu yang telah dihukum.

Kita sangat khuatir jika kita masih berlemah lembut lagi generasi muda negara kita dari Johor sampai ke Perlis atau Sabah dan Sarawak akan menjadi penagih, penghisap najis dadah sama ke akhir hayat mereka. Jika ini berlaku, akan terlambatlah lagi Kerajaan untuk mengubatinya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah orang ada berkata, oleh kerana tidak ada pekerjaan atau menganggur, lebih baik mengedar dadah. Ini bererti ini telah mewujudkan gejala-gejala atau elemen yang tidak sihat yang cuba memusnahkan generasi muda kita melalui pengaruh mereka supaya muda mudi kita terjebak dalam perbuatan jenayah. Sebenarnya peluang untuk mencari rezeki yang halal di tanahair kita cukup banyak. Jika kita ingin berusaha, sebagai contoh, seorang pemegang kad pengenalan merah telah berjaya mencari wang secara halal melalui kedai roti. Misalnya, Encik Rajoo, kalau tiada kerja, dia boleh jual roti, dia terpaksa bekerja keras dari

**Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said:** Sedikit lagi sahaja, Tuan Yang di-Pertua, habis. Akhirnya, rakyat Malaysia mestilah berani menentukan undang-undang yang tegas, pindaan undang-undang terhadap orang-orang yang pintar dan licin mencari keuntungan dan kekayaan melalui perbuatan pengedaran najis dadah.

Sekali lagi saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri menjalankan tugas dan mengenakan undang-undang yang sebenar dalam erti-kata yang sebenar-benarnya. Kita buat undang-undang, kita pinda undang-undang tetapi kesannya tidak ada. Jadi kita tidak mahu lain cakap, lain kita buat atau lain yang kita buat lain yang kena. Kita tidak mahu ahli-ahli perniagaan yang benar-benar kena misalnya dihukum mati ataupun hukuman-hukuman yang lain seperti contoh tangkap basah sahaja. Seseorang itu pandanglah saya misalnya dengan Rajoo tengah berbual, lantas mereka ambil gambar orang itu berdua, dah tangkap. Begitu juga dengan pengedaran hal-hal benda dadah. Orang yang benar-benar kaya-raya, kadangkala orang ternama benar-benar barselindung di sebalik perniagaan ini yang kita cari, bukan yang kecil-kecil yang ambil upah.

Sekian, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya menyokong sekali lagi Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Tuan C. Krishnan.

**6.42 ptg.**

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.



Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia berasa bangga di atas pemilihan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengetuai pertubuhan anti-dadah di peringkat antarabangsa. Ini adalah pengiktirafan dunia kepada negara kita dalam memerangi dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 diadakan semata-mata untuk menambah keberkesanan Akta Dadah Berbahaya 1985 yang menetapkan hukuman mati mandatori bagi kesalahan pengedaran dadah dan hukuman tertentu bagi penagih. Dengan adanya undang-undang baru ini pihak berkuasa boleh merampas harta mereka yang telah didapati sah menjadi pengedar dadah. Ini bererti pengedar tidak mudah melarikan diri daripada menerima hukuman akibat perbuatan mereka, kerana walaupun mereka dapat mengelakkan diri daripada tertangkap sekalipun jika dapat dibuktikan bahawa mereka adalah pengedar yang dianggap membahayakan keselamatan negara, harta mereka akan dirampas.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah tidak ada manusia yang ingin mengorbankan nyawa mereka sekiranya mereka tidak mendapat ganjaran daripada apa yang diusahakan. Undang-undang Akta Dadah Berbahaya ini jelas mempunyai kekuatannya sendiri dan penting kepada negara. Oleh kerana itu ianya amat perlu bagi kita mewujudkan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan rakyat. Undang-undang ini telah diluluskan tanpa tentangan walaupun pada awalnya dibahaskan dengan hebat di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini pendapat saya seperti berikut. Pada mata kasar kedua undang-undang ini iaitu Akta 1985 dan Rang Undang-undang 1988 memang kelihatan zalim dan tidak menunjukkan rasa tolok ansur. Tetapi jika dilihat dari sudut kezaliman yang diakibatkan oleh pengedar dadah terhadap negara ini, masyarakat dan semangat rakyat pada keseluruhannya undang-undang seperti ini patut diadakan.

Perkara yang memusingkan fikiran kita, jumlah penagih dadah di anggarkan lebih kurang 82,000. Majoritinya ialah golongan pemuda-pemuda yang menjadi harapan bangsa dan negara.

Pengedar yang mengejar kekayaan tidak akan menghiraukan kesan buruk dari tindakan mereka. Yang menanggung akibatnya ialah anak-anak muda. Bagi mereka sudah tidak ada ertinya lagi. Sebaliknya mereka yang mengedar dadah hidup senang lenang kerana dengan wang yang begitu banyak didapati hasil kegiatan jahat mereka itu, mereka mudah melarikan diri. Kerajaan pula terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit setahun semata-mata untuk memulihkan mereka yang ketagih dadah. Lebih banyak pusat pemulihan perlu diadakan kerana mereka yang menagih dadah masih ramai sedangkan pusat-pusat yang ada tidak dapat menampung mereka semua sekali. Yang lebih mendukacitakan mereka yang sudah dipulih itu ada yang menagih kembali kerana dadah masih mudah diperolehi. Ini bererti selagi pengedar itu tidak dapat dihapuskan sepenuhnya atau kegiatan mereka tidak disekat terus tidak ada jaminan bahawa penagihan dadah di negara ini dapat dihentikan sama sekali.

Memandangkan kepada masalah yang dihadapi inilah maka undang-undang tambahan kepada Akta Dadah Berbahaya itu wajar diadakan. Dalam hal ini Malaysia adalah satu contoh bagi negara lain. Saya difahamkan bahawa negara jiran Singapura dan negeri-negeri seperti Britain dan United States of America sedang menimbang untuk mengikuti tindakan Malaysia melucutkan harta pengedar dadah. Ini adalah satu lagi pengiktirafan antarabangsa kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan supaya pelaksanaan Rang Undang-undang ini mencapai matlamatnya. Pelaksanaan juga mesti diawasi dengan rapi supaya undang-undang ini tidak digunakan sebarangan sehingga orang yang tidak berdosa terpedaya.

Walaupun Kerajaan memberi jaminan bahawa hanya Pegawai Polis Kanan ataupun peringkat tinggi sahaja yang boleh melaksanakan undang-undang ini ia tidak pula bererti bahawa kesilapan tidak akan berlaku. Oleh itu kali ini Kerajaan haruslah berhati-hati benar supaya mereka yang benar-benar mengedar sahaja yang diseretkan ke muka pengadilan dan menerima hukuman sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa pengedar dadah yang sebenarnya sentiasa berusaha mencari jalan untuk melepaskan diri mereka dari tertangkap. Mereka akan melakukan pelbagai helah yang kadang-kadang membabitkan orang awam yang tidak ada kena-mengena. Orang ramai juga mungkin boleh diperdaya oleh sesiapa sahaja yang berniat jahat terhadapnya dengan mengada-adakan cerita-cerita atau bukti.

Saya harap pihak Polis akan berhati-hati melaksanakan penguatkuasaan Akta ini agar ia tidak mendatangkan masalah. Akta ini tidak mungkin boleh mengatasi semua masalah dadah di negara ini tetapi saya harap ianya akan dapat mengurangkan masalah yang kini menjadi musuh utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyambut ulasan yang dibuat oleh Yang Berbahagia Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar semasa menyambut perayaan Hari Polis baru-baru ini, Baru-baru ini mutu disiplin pasukan Polis telah merosot ke peringkat yang mengecewakan. Di antara tahun 1981 hingga 1987 seramai 22,106 Pegawai Polis dan konstabel telah menghadapi tindakan disiplin. Trend seperti ini kurang sihat. Apa yang saya ingin menegaskan di sini bahawa disiplin adalah suatu faktor yang utama untuk menentukan penguatkuasaan yang baik. Saya yakin kelemahan ini akan diperbaiki dengan beberapa segera kerana pelaksanaan undang-undang adalah terletak di tangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kematian berlaku kerana minuman samsu gelap makin bertambah, maka oleh sebab itu saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya beliau dapat membentangkan suatu Akta di masa hadapan di dalam Dewan ini supaya samsu haram ini dapat dihapuskan atau dapat dikurangkan.

Isu samsu haram ini hendaklah dianggap sebagai isu kebangsaan seperti dadah. Seperti juga dadah, samsu haram ini merupakan musuh utama kerana dari masa ke semasa kadar mangsa samsu haram makin bertambah. Kita tidak boleh membenarkan keadaan ini berterusan. Mangsa samsu haram adalah bangsa kita, bangsa Malaysia, anak Malaysia kita.

Oleh yang demikian, Kerajaan kita hendaklah memberikan perhatian penuh untuk menghapuskan samsu haram ini. Jika tidak, perjuangan kita untuk memerangi musuh kita tidak jadi sempurna.

Baru-baru ini suatu peristiwa yang menyakitkan perasaan kaum Malaysia telah berlaku di Parit Buntar di mana dua orang hilang nyawa dan beberapa orang mangsa samsu haram dimasukkan ke hospital.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh bersabar lagi, masanya sudah sampai untuk Kerajaan kita bertindak secara serius dalam hal ini seperti kita bertindak dalam hal dadah.

Dengan kata-kata **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya 1988. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Ng Khok Kiung.

**6.52 ptg.**

**Dr. Ng Khok Kiung:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah memberitahu bahawa bilangan kes penangkapan pengedar dan penagih telah semakin kurang dibandingkan dalam tahun-tahun yang lepas. Pengedar-pengedar dadah antarabangsa juga menggunakan lapangan-lapanganterbang di negeri kita disebabkan oleh penguatkuasaan undang-undang yang ada tidak begitu ketat. Usaha bersungguh-sungguh Kerajaan untuk memerangi pengedaran dan penagihan dadah, pengiktirafan masyarakat antarabangsa dan ini adalah satu kejayaan dan penghormatan yang paling membanggakan bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukan merupakan negara yang hanya menguatkuasakan undang-undang melucuthakan harta pengedar-pengedar. Negara Burma telah menguatkuasakannya sejak tahun 1974. Pihak polis daripada negara Kanada berpendapat cara tersebut adalah sangat berkesan dan cadangan yang serupa juga dikemukakan di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, adalah malang sekali negara kita terletak di tengah-tengah Tiga Segi Emas (Golden Triangle) di mana dadah yang bernilai lebih \$200 bilion dinilai di kawasan tersebut. Ini telah menjadikan negara kita satu sasaran bagi pengedaran dadah.

Kita tidak hairan negara kita mempunyai kadar penagihan dadah per kapita yang paling tinggi di dunia iaitu sebanyak lebih 100,000 penagih dadah berdaftar di kalangan 15 juta penduduk, manakala di negara-negara yang mempunyai lebih ramai penduduk seperti Jerman Barat hanya mempunyai 75,000 penagih dadah dari kalangan 57 juta penduduk.

Adalah dijangka bahawa penagih-penagih dadah di negara kita membelanjakan sebanyak \$1 juta setiap hari untuk membeli dadah dan ini akan berjumlah kepada lebih \$300 juta setiap tahun. Tambahan lagi adalah didapati bahawa lebih kurang \$300 juta matawang kita yang berkaitan dengan pengedaran dadah telah mengalir ke luar negeri di antara tahun 1983 dan 1984, ini adalah satu gejala yang mesti ditinjau dengan seriusnya. Kita mesti mengubah trend ini dan bilangan penagih dadah berkurangan sehingga tahap zero population, dengan izin. Untuk mencapai tahap tersebut perlu ditinjau satu lagi aspek iaitu dari segi pencegahan.

Satu pendekatan yang realistik dalam pencegahan penggunaan dadah adalah perlu dititikberatkan di atas nilai-nilai sosial dan moral. Langkah pencegahan ini adalah melibatkan usaha kerjasama di antara pihak yang terdiri daripada kanak-kanak sekolah, komuniti, badan-badan agama dan terutamanya pihak ibu-bapa. Kerjasama di

antara golongan-golongan tersebut akan menunjukkan satu nilai sosial yang anti dadah. Nilai sosial yang anti dadah akan menjadi satu nilai kebudayaan yang menolak penggunaan dadah dalam kehidupan seharian. Seterusnya ini akan mengubah corak permintaan (pattern of demand) bagi dadah. Tanpa permintaan masalah pembekalan tidak akan wujud langsung.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin menyentuh satu lagi perkara iaitu pengedar cocain. Menurut laporan dadah cocain yang begitu popular di Amerika Syarikat dan Kanada telah merebak ke negara Eropah. Adakah itu kemungkinan menjadi satu masalah di negara kita pada masa depan. Apakah langkah-langkah pencegahan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyekat penyeludupan cocain di negara kita?

Akhir kata, saya mengesyorkan bahawa selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, Kerajaan akan mengadakan satu program yang intensif dan ekstensif untuk mendidik rakyat jelata mengenai implikasi dan takrifan Undang-undang tersebut, terutamanya dalam Bahagian I iaitu menghurai takrif harta, takrif saudara dan lain-lain. Dalam Bahagian II iaitu mengenai implikasi kesalahan-kesalahan berhubungan dengan harta, Bahagian III iaitu mengenai implikasi perlucuthakan harta-harta orang berkenaan dan lain-lain lagi. Untuk membolehkan Undang-undang ini bertindak dengan keadilan, rakyat jelata haruslah diberitahu dengan jelasnya. Ini adalah untuk mengelakkan orang-orang biasa ditipu dan diguna dalam aktiviti pengedaran dadah.

Itulah sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Puan Law

Jack Yoon .

7.00 mlm.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan dadah terus-menerus mengancam masyarakat kita seperti api dalam sekam yang terus membara dan memusnahkan. Jika kita tidak menentang dan menghancurnya maka masyarakat kita sendiri akan dihancurkannya. Adalah dianggarkan penagih-penagih bertambah, terutamanya yang terdiri daripada kaum-kaum belia, ramai juga di antara bekas-bekas penagih dadah menagih semula kerana tidak dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat atau tidak dapat menjauhkan diri daripada pengaruh dadah. Kini masalah ini telah merebak sehingga ke bangku sekolah. Oleh itu, berjuta-juta ringgit yang sepatutnya diguna untuk pembangunan negara terpaksa disalurkan bagi membanteras biasalah penyalahgunaan dadah yang kian serius ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ini adalah satu keadaan yang amat dirunsingkan kerana ia mengancam asas masyarakat kita. Kita tidak hairanlah mengapa Kerajaan menganggap dadah sebagai musuh utama negara dan telah mengambil langkah-langkah wajar untuk memerangi masalah ini. Dadah boleh mewujudkan berbagai penyakit masyarakat dan keruntuhan akhlak. Dadah boleh memecahbelahkan keluarga, masyarakat dan yang buruk sekali membawa maut. Dadah juga boleh membantutkan pembangunan ekonomi, sosial dan mengancam keselamatan negara.



Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ketat sehingga hukuman gantung dijatuhkan ke atas penyeludup dan pengedar dadah nampaknya masih tidak dapat mencegah masalah tersebut 100%. Oleh itu pindaan undang-undang ini demi memperketatkan lagi hukuman yang boleh mengakibatkan rampasan hartabenda adalah satu langkah yang bijaksana dalam usaha membanteras najis dadah. Dengan adanya undang-undang ini pengedar-pengedar atau bakal-bakal pengedar akan berfikir dengan lebih mendalam tentang kesan serta akibatnya jika mereka melibatkan diri dalam kegiatan ini mereka tidak akan diberi keampunan kepada sesiapa pun dan usaha-usaha untuk mengintip kegiatan mereka hendaklah diperhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kita harus berusaha juga untuk mewujudkan kerjasama antarabangsa untuk mencegah masalah ini kerana kini penyalahgunaan dadah tidak lagi merupakan masalah rumah-tangga. Ia telah merebak dengan pesat dan merupakan masalah dunia. Dengan adanya kerjasama seumpama ini pembanterasannya akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Satu daripada cara yang berkesan untuk mengatasi masalah dadah ini ialah dengan memerangi puncanya. Kebanyakan mereka yang menjadi penagih dadah itu terdiri daripada golongan anak-anak muda disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekecewaan atau gagal dalam hidup. Dalam soal ini ibubapa hendaklah mengawasi anak-anak mereka supaya tidak menjadi mangsa keadaan-keadaan yang demikian. Ibubapa juga tidak sepatutnya bersubahat dengan anak-anak mereka yang telah menjadi penagih dadah kerana malu atau tidak mahu anak mereka ditangkap oleh pihak yang berkuasa, Perbuatan ini hanya akan merugikan diri sendiri serta menjahanamkan masa depan anaknya.

Tuan Yang di-Pertua, PEMADAM serta lain-lain badan sukarela harus memperhebatkan lagi aktiviti-aktiviti mereka. Misalnya mengadakan pameran dan penerangan mengenai keburukan dan bahayanya penyalahgunaan dadah dengan lebih kerap dan menyeluruh. Kandungan yang sama harus dimasukkan dalam ceramah agama seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Selain daripada mendirikan lebih banyak pusat pemulihan dadah, masyarakat kita hendaklah mengubah sikap dan menganggap para penagih dadah ini sebagai golongan yang teraniaya dan dengan demikian berusaha membantu mereka keluar dari penginsafan supaya mereka tidak lagi **terjerumus** semula ke lembah dadah selepas menjalani latihan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi pada pendapat saya apa yang lebih penting sebagai serangan pengaruh dadah ini mendidik anak-anak kita dengan ajaran moral dan agama supaya mereka dengan sendirinya tidak ingin melakukan perbuatan-perbuatan buruk seperti penyalahgunaan dadah. Kini saya hendak menekankan bahawa ibubapa memainkan peranan yang paling penting untuk membanteraskan penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang dipersilakan.

**7.07 mlm.**

**Tuan Douglas Sullang Anak Ganda:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan turut menyokong dan membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988.

Dalam pandangan saya Rang Undang-undang ini adalah tepat pada masanya sebelum kegiatan pengedaran dadah berkembang sebagai satu kuasa raksasa yang seperti telah diwujudkan di beberapa negara Barat, termasuk Amerika Syarikat. Kegiatan 'illicit trespassing', dengan izin, telah menentang kuasa sendirinya sehingga mereka mencuba menumbangkan Kerajaan yang mengalahkan kegiatan ganas mereka itu. Mengikut seorang Senator Amerika, saya quote: "There is a whole new force in our atmosphere, The power of the dollar is buying the countries and altering geographical political structure." Oleh yang demikian, sebelum perkara ini merebak ke negara kita adalah tepat bagi kita memberi bukti kepada dunia dan kepada pihak yang tertentu bahawa Malaysia akan menggunakan apa-apa kuasa yang ada padanya termasuk meluaskan Rang Undang-undang, mengatur strategi mematah pengedaran dadah dan menjadikannya satu perang habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah salahguna najis dadah ada masih lagi masalah utama unsur-unsur yang dihadapi oleh negara kita walaupun jumlah penagih yang didaftar telah turun dari 14,624 pada tahun 1983 kepada 7,598 pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkembangan ekonomi dan peningkatan pendapatan keluarga di seluruh negara dari bandar ke luar bandar maka pasaran najis dadah termasuk 'gum sniffing' semakin luas. Pengedar pula tetap tepat sentiasa mencari jalan keadaan semata-mata mencari keuntungan, keuntungan yang diperolehi dari penjualan akan memusnahkan belia kita, merosakkan keluarga, menghancurkan masa depan anak-anak watan negara, akhirnya akan mengancam rancangan pembangunan negara.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, adalah hak Kerajaan pula untuk menentukan bahawa harta yang diperolehi dari kegiatan jenayah seperti pengedaran dadah yang telah dan akan bertanggungjawab atas kematian dan kehancuran hidup beribu-ribu belia kita mengharamkan dan terus dilucutkan. Saya percaya ini adalah tindakan undang-undang yang cukup deterrent, dengan izin, untuk menentukan bahawa Malaysia akan bebas dari ancaman pengedaran dadah dan tidak lagi diguna sebagai transit country kepada pengedar dadah di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita menganggap peperangan menghapuskan masalah pengedaran dadah dan penyalahgunaan dadah sebagai satu peperangan habis-habisan yang harus disertai oleh semua lapisan masyarakat dengan penuh political will, dengan izin. Usaha memerangi pengedaran dadah ini tidaklah had kepada undang-undang dalam negeri sahaja, walaupun kita mempunyai undang-undang yang terketat dan tegas, jentera Kerajaan yang cekap dan amanah. Di samping itu kita harus meneruskan usaha kita untuk bersama masyarakat antarabangsa untuk mencuba memusnahkan punca najis dadah untuk memutuskan pengeluaran dan berusaha mengurangkan penagih dadah di dalam negara, terutamanya di kalangan masyarakat belia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat pertama itu, untuk

memusnahkan punca pengeluaran, kita memerlukan kerjasama di peringkat antarabangsa khasnya dari negara-negara pengeluar dan negara-negara pengguna. Oleh yang demikian, saya menyeru pihak Kerajaan kita untuk meneruskan usaha mengadakan persidangan antarabangsa mengenai penyalahgunaan dadah dan pendedaran dadah yang mana dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Walau beberapa negara, termasuk negara pengeluar dan pengguna setakat ini belum dapat bekerjasama menyertai hal dadah, oleh itu kesedaran kepentingan bekerjasama di kalangan masyarakat antarabangsa harus diwujudkan. Kita harus menyedarkan masyarakat antarabangsa khususnya negara-negara pengeluar bahawa membiarkan pengeluaran dadah ini akan mengancam kestabilan politik di dunia, ia akan merosakkan belia-belia dan apa-apa faedah didapati tidak seimbang untuk mengganti kerugian yang dialami akibat daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, kita menyokong penuh cadangan persidangan itu baru-baru ini untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Pasukan Khas Anti Dadah Bangsa-bangsa Bersatu sebagai langkah kerjasama dengan negara-negara pengeluar dadah menghapuskan tanaman popi dan ganja. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf, Yang Berhormat bolehlah menyambung ucapan selepas tempohan untuk sementara waktu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tempohkan Dewan yang mulia ini selama 30 minit dari sekarang dan Dewan akan bersidang semula pada jam 7.45 malam.

Persidangan ditempohkan pada jam 7.15 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.45 malam,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang untuk menyambungkan ucapannya dalam perbahasan. Dipersilakan.  
7.44 malam.

**Tuan Douglas Sullang Anak Ganda:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya lagi peluang menyimpul perbahasan saya dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, American dollar yang berjumlah berpuluh-puluh ringgit akan terus menggugat keselamatan negara. Usaha untuk memeranginya akan gagal sekiranya kurang kerjasama antara semua negara di dunia, khasnya negara pengeluar. Oleh yang demikian, saya penuh percaya bahawa melalui Persidangan Antarabangsa mengenai peyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah, negara Malaysia dapat memainkan peranan utama menerusi perjuangan menyedarkan masyarakat antarabangsa atas keperluan menyatukan tenaga dengan political will, dengan izin, untuk membantah pengedaran dadah. Kita sedar atas kewujudan Golden Triangle, satu kawasan pengeluaran yang terbesar, maka usaha ASEAN haruslah disatukan supaya tindakan yang berkesan dapat diambil untuk memusnahkan pengeluaran dadah. Melalui ASEAN, Malaysia harus menyedari kepentingan mensekukan Undang-undang Dadah di antara negara ASEAN, sama-sama mempunyai undang-undang yang tegas, ketat dan deterrent. Itulah beberapa cara kita dapat mengawal dan menyekat pengedaran dadah di rantau ASEAN,

Saya percaya inilah cara kita yang boleh membebaskan rantau ASEAN sebagai arena pengedaran dadah atau sebagai transit country, dengan izin, kepada kegiatan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghapuskan permintaan dadah dalam negeri, kegiatan penerangan yang lebih luas keseluruh negara

haruslah terus dilancarkan khasnya di sekolah-sekolah - bermula dari sekolah rendah sehingga ke peringkat universiti. Begitu juga Kerajaan harus menyeru sebagai wajib untuk semua Persatuan Belia menganjurkan kempen anti dadah untuk ahli-ahli mereka. Di samping itu, pihak penguatkuasa mengesan penagih dadah dengan cara mereka untuk meluaskan kegiatan mereka serta menentukan seramai-ramainya penagih termasuk mereka yang gums sniffing, dengan izin, ditegah dan diberi pemulihan seawal-awalnya.

Saya berharap dengan kuatkuasa Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 usaha kita memerangi dadah dan penyalahgunaan dadah maka setapak ke hadapan ke arah kejayaan membebaskan negara Malaysia dari ancaman dadah.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

7.51 mlm.

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia, ini untuk menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Semenjak kemerdekaan negara kita beberapa rang undang-undang dan pindaan telah dibuat berkaitan dengan dadah berbahaya di negara **ini**. Akan tetapi pembentangan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ini ialah satu-satunya rang undang-undang yang besar maknanya dan implikasi serta simbolik dalam usaha Kerajaan membanteras bahaya dadah ini.

Rang Undang-undang ini dibuat dengan objektif memberhentikan dan mencegah perbuatan yang berhubung dengan pengedaran dadah yang memudaratkan ketenteraman awam di Malaysia. Rang Undang-undang ini dibuat tepat pada waktunya di masa dunia menghadapi ancaman bahaya dadah. Keruntuhan akhlak melemahkan semangat Kerajaan akibat penyalahgunaan dadah.



Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana Rang Undang-undang ini digubal setelah membuat kajian yang teliti dan ekstensif. Rang Undang-undang ini tidak dibuat tergesa-gesa walaupun permintaan untuk menggubal undang-undang serupa ini dibuat oleh beberapa perkara termasuk saya semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini jelas menunjukkan sikap Kerajaan yang ingin melaksanakan sesuatu undang-undang hanya selepas kajian yang menyeluruh walaupun mengambil masa yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang patut diberi kepujian adalah tindakan Kerajaan merujuk deraf Rang Undang-undang ini kepada Majlis Peguam Malaysia, dengan izin, Malaysian Bar Council bagi komen dan cadangan mereka. Majlis Peguam Malaysia telah bersetuju atas dasar untuk menerima deraf terakhir setelah komen dan cadangan mereka diambil kira dan dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Ini jelas membuktikan bahawa Rang Undang-undang ini telah mendapat sokongan keseluruhannya dari semua pihak termasuk pakar-pakar undang-undang kita.

Oleh yang demikian saya berani bersuara di sini bahawa Rang Undang-undang ini adalah suatu rang undang-undang yang konkrit dan dapat mencapai tujuan ianya digubal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kesalahan berkaitan dengan dadah berbahaya Malaysia mempunyai beberapa rang undang-undang yang ketat dan penalti yang padat seperti hukuman mati mandatori dan hukuman seumur hidup dan sebagainya. Namun demikian terdapat beberapa orang terlibat di dalam penyalahgunaan dan pengedaran kerana dadah hasil atau pulangnya adalah lumayan jika mereka terlepas dari tangan undang-undang, dengan izin, *if they escape the long arm of the law*. Oleh yang demikian mereka bergiat mencari keuntungan yang besar tanpa menghiraukan kepentingan rakyat dan negara.

Dengan adanya undang-undang begini yang memberi kuasa Polis untuk menyita dan melucuthak harta, buaya-buaya pengedaran dadah ini akan terfikir dua kali sebelum terlibat dalam perbuatan pengedaran dadah ini. Walau pun mereka berjaya terlepas dan memiliki harta akibat perbuatan ini, mereka tahu harta-harta mereka akan dilucutkan oleh Kerajaan jika tertangkap kemudian.

Saya yakin dan percaya ini akan menjadi satu penghalang yang besar bagi orang-orang yang berniat melibatkan diri dalam pengedaran dadah, mengurus niaga, penggunaan, memegang, menerima atau menyembunyikan harta menyalahi undang-undang berkaitan dengan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini juga bertujuan memberi panduan kepada negara-negara asing berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan dadah berbahaya. Adalah wajar dan sesuai Malaysia menggubal Rang Undang-undang kerjasama ini kerana Malaysia, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia adalah terpilih sebagai Presiden Persidangan Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Haram di Vienna, Austria baru-baru ini. Malaysia telah mendapat sokongan negara yang begitu banyak di persidanganitudankinimenjadicontohkepadanegara-negarayang menghadapi masalah dadah ini.

Setelah pemilihan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita sebagai Presiden Persidangan Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Haram itu beberapa langkah yang tegas telah dirancang untuk dilaksanakan oleh negara-negara seluruh dunia melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencegah penyalahgunaan dadah dan pengedaran haram.

Satu daripada langkah itu yang diambil oleh Malaysia adalah penggubalan undang-undang **ini**. Saya difahamkan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Canada, Prance dan Italy bersedia menggubal rang undang-undang yang sedemikian ini. Ini bermakna kita sebagai rakyat Malaysia boleh berbangga bahawa undang-undang Malaysia adalah setaraf dan sejajar dengan undang-undang negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, manakala saya bersetuju dan menyokong penuh Rang Undang-undang ini saya juga ingin membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini bahawa majoriti penagih-penagih dadah di negara ini adalah terdiri daripada penuntut sekolah dan pusat pengajian tinggi dan belia-belia yang berumur di antara 20 hingga 30 tahun.

Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan akan meningkatkan lagi usaha publisiti dan menyedarkan golongan-golongan yang tertentu ini tentang bahaya penagihan dadah semasa mereka masih di bangku sekolah lagi. Program-program berasaskan sekolah seperti pendidikan pencegahan, aktiviti ko-kurikulum yang wajib bagi penuntut-penuntut sekolah dan penglibatan Persatuan Ibu-bapa dan Guru-guru dalam pencegahan dadah hendaklah dipertingkatkan di peringkat sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi, Usaha Kerajaan dalam pencegahan dadah hendaklah berasaskan philosophy, dengan izin, prevention is better than cure.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merayu kepada Kerajaan supaya menggubal undang-undang yang sesuai berkaitan dengan pengedaran, penjualan dan penggunaan samsu haram yang telah menjadi pengganti yang marah, dengan izin, cheap substitute bagi dadah.

Mereka yang tidak berpeluang mendapat dadah mula beralih kepada siihuman samsu haram yang dijual dalam beg plastik yang handy dengan harga yang murah yang menggunakan jenama-jenama yang lucu dan aneh. Samsu haram ini membahayakan kesihatan dan pengeluaranya tidak langsung mengambil kira kesihatan pengguna-penggunanya.

Tujuan dan objektif pengeluaran adalah mencari keuntungan yang lumayan seperti pengedar dadah. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan untuk menggubal undang-undang yang sesuai bagi pencegahan dan pemasaran samsu haram ini sebelum ianya meragut jiwa beratus-ratus manusia.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali Rang Undang-undang ini memberi kuasa yang luas kepada Polis untuk bertindak. Saya berharap Kerajaan dan pihak Polis akan bertindak dengan berhati-hati melaksanakan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988 ini kerana tidak mahu melihat manusia yang diberi kepada Polis itu disalahgunakan. Saya yakin dan percaya pihak kita mempunyai kebolehan persoanel yang penuh integrity dan kecekapan untuk melaksanakan Rang Undang-undang ini dengan betul, licin dan jujur. Dengan harapan ini, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya 1988 ini. Terima kasih,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menggulung perbahasan. Dipersilakan.

**8.02 mlm.**

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyampaikan berbagai pendapat, pandangan, alasan dan teguran mengenai Rang Undang-undang ini, terutama kepada Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin, Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah Mohd. Said, Yang Berhormat C. Krishnan, Yang Berhormat Dr. Ng Khek Kiung, Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon, Yang Berhormat Douglas Sullang dan yang terakhir sekali Yang Berhormat G. Rajoo,

boleh menghasilkan pendapatan yang lumayan yang tidak berbentuk poppy dan juga kanabis.

Di Burma pula, Kerajaan Burma sedang berusaha sebarapa daya untuk memusnahkan ladang-ladang poppy atau ladang-ladang ganja yang ditaksirkan berjumlah antara 70,000 kepada 90,000 hektar setahun dan pihak tentera Burma memang berusaha bersungguh-sungguh menggunakan segala kelengkapan yang ada termasuk helikopter dan sebagainya untuk memusnahkan ladang-ladang poppy dan ladang-ladang ganja yang berada di kawasan tersebut, maka dengan kerjasama ini tentulah dari segi tempat pengeluaran dadah ini dapat kita kurangkan dari masa ke semasa. Tentang ubat-ubat yang berunsur dadah yang berada di kedai-kedai ubat, perkara ini juga akan diambil perhatian. Tentang dadah yang dirampas konon tidak dimusnahkan semuanya, sepanjang yang saya ketahui perkara ini tidak pernah berlaku.

Yang Berhormat Puan Ainon juga telah mendedahkan tentang dadah di penjara. Saya akui bahawa ini berlaku bukan sahaja oleh banduan-banduan tetapi juga oleh pegawai-pegawai penjara yang mana setakat ini 84 orang pegawai penjara telahpun diambil tindakan dan 3 orang diambil tindakan di bawah Undang-undang 39(B) Akta Dadah merbahaya. Itulah sebabnya saya sendiri telahpun menubuhkan satu jawatankuasa penyiasat yang mana siasatan telahpun ,siap. Pihak Kementerian akan meneliti dan mengkaji penyiasatan yang dibuat ini untuk diambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah Mohd. Said telahpun menceritakan dengan panjang lebar tentang hal dadah ini dan daripada ucapan beliau saya mendapat tahu bahawa beliau ini sangat memperincikan cara-cara dan bagaimana pengedar-pengedar ini telahpun

mengedarkan dadah dan ini memperkuatkan lagi mengapa undang-undang ini harus kita adakan. Tetapi perlu saya ingatkan bahawa penguatkuasaan undang-undang, kita telah berusaha seberapa daya untuk menegah kemasukan pengedar-pengedar luar.

Tahun lepas hanya 250 orang rakyat rakyat asing yang telah ditangkap berbanding daripada 400 orang di tahun sebelumnya dan apa yang dibanggkan daripada 250 orang rakyat asing yang kita tangkap itu tidak seorang pun yang terlibat menggunakan Malaysia sebagai transit ataupun negara perantaraan untuk mengedar dadah ke negara-negara lain. Ini satu kejayaan yang dapat kita banggakan.

Tentang harga satu heroin terlalu murah iaitu \$8 sahaja seperti mana yang saya sebutkan, ini ialah harga di pasaran yang dapat kita selidiki. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu saya setuju apabila permintaan lebih besar daripada penawaran mungkin lebih, sampai \$20 ataupun \$30 jikalau sekiranya permintaan terlalu banyak.

Yang Berhormat juga memnta supaya badan-badan tertentu ditubuhkan. Pada hari ini saya ingat sudah cukuplah badan-badan yang ditubuhkan sebab kita ada Badan Petugas Anti Dadah, Jabatan Perdana Menteri yang menjadi koordinator kepada semua Kementerian-kementerian yang terlibat untuk memerangi dadah dan kita ada pula Bahagian Pemulihan dan Rawatan, Kementerian Dalam Negeri dan kita ada mempunyai Bahagian Anti Dadah Polis Di Raja Malaysia dan ketigatiga badan ini telahpun menjalankan tugas dengan baik selain daripada badan-badan tertentu di Kementerian Kewangan seperti Kastam dan sebagainya.

Tentang pelaksanaan undang-undang, Kementerian tidak hanya bercakap sahaja. Kita akan bertindak tegas, kerana kalau kita lihat Operasi Samudra Kedah/Perlis telah menghasilkan tangkapan dadah yang begitu banyak. Operasi di Johor juga telah mendapat kejayaan dan baru-baru ini operasi di Wilayah Persekutuan yang telah dijalankan baru-baru ini telah mendapat kejayaan dan operasi-operasi seperti ini akan dijalankan setiap masa untuk menentukan bahawa kita dapat memusnahkan bekalan-bekalan dadah ini.

Yang Berhormat Tuan C. Krishnan sambil menyokong merasakan bahawa pusat-pusat pemulihan masih tidak mencukupi. Memang benar tidak mencukupi, tetapi Kerajaan dengan sedaya upaya sekarang ini telah dapat menambah 100% bilangan pusat-pusat pemulihan. Kalau sekiranya dahulu hanya 7, sekarang 7 lagi akan disiapkan dan akan beroperasi.

Masalah bekas penagih dadah menagih kembali, perkara ini adalah satu perkara yang sungguh serius yang akan saya bangkitkan sebentar lagi kerana ada hubung kaitnya daripada apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon. Tentang pelaksanaan undang-undang, kita akan cuba jalankan dengan seadil-adilnya, hanya yang ialah sahaja yang kita akan tangkap dan yang tidak bersalah akan kita tentukan bahawa ia tidak mendapat bencana daripada Akta **ini**.

Tentang disiplin dalam Polis, pihak berkuasa akan sentiasa berusaha untuk menentukan bahawa disiplin Pasukan Polis sentiasa tinggi. Itulah sebabnya ramai anggota Polis diambil tindakan tata-tertib kerana semata-mata untuk menentukan bahawa disiplin Pasukan Polis ini sentiasa tinggi dan baik. Janganlah terkejut kalau kita



dengar 22,000 anggota Polis telah diambil tindakan tatatertib, ini menunjukkan bahawa Kerajaan memang ingin melihat satu Pasukan Polis yang berdisiplin. Kalau lebih ramai kita ambil tindakan tatatertib, itu menunjukkan lebih serius pihak Kerajaan untuk menentukan bahawa Pasukan Polis adalah sebuah pasukan yang berdisiplin tinggi.

Saya tertarik hati dengan saranan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon. Ingin saya perbetulkan bahawa Yang Berhormat telah mengatakan bahawa penagihan telah bertambah. Yang sebenarnya penagihan sepertimana saya katakan telah menurun. Masalah bekas penagih menagih semula, inilah masalah yang paling besar yang banyak diperkatakan tadi. Kita mempunyai undang-undang dan undang-undang kita merupakan undang-undang yang paling ketat dan paling keras di dunia. Pelaksanaan undang-undang ini pula berjalan dengan baik, tidak ada masalah. Pemulihan dan rawatan berjalan dengan baik. Mendapat pujian daripada badan-badan luar termasuklah Ahli-ahli Kongres daripada Amerika telah datang melawat memuji tentang pusat pemulihan dan rawatan kita.

Tentang pendidikan pencegahan berjalan dengan baik, walau daripada segi aktiviti PEMADAM, juga dari segi aktiviti yang dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri menjelajah di seluruh negara di setiap sekolah, mengadakan holiday campaign dan sebagainya di mana penerangan tentang anti dadah ini kita jalankan. Tetapi yang menjadi masalah besar yang kita hadapi ialah rawatan lanjutan di mana penagih-penagih ini dua tahun berjalan di pusat-pusat pemulihan, keadaan mereka cukup selesa, selepas 6 bulan badan yang kurus-kering menjadi gemuk, badan yang pucat menjadi hitam atau merah, otot-otot telahpun naik muscelynya - cukup cergas, makan kuat, kerana apa?

Tidur, makan, senaman, ada ceramah agama, ada ceramah-ceramah lain yang dijalankan dan apabila mereka dalam keadaan susah hati, mereka ada tempat hendak mengadu, ada kawan-kawan dan sebagainya dan mereka berazam untuk keluar menjadi seorang manusia yang baik dan berguna kepada negara. Tetapi sayangnya apabila mereka keluar, impian mereka itu tidak ternyata, kemua bila balik ke rumah emak bapa tak ambil peduli, adik beradik semhunyikan barang-barang dalam rumah, perasaan kawan ini tersinggung, pergi ke masjid hendak sembahyang, orang kampung berbisik-bisik. Jadi bekas penagih ini inginlah menunaikan fardu Jumaat, tetapi setiap kali dia masuk masjid, semua orang berbisik, "jagalah kasut, Dolah sudah balik". Kalau seminggu dia kena perli macam itu tak apa, kalau sampai 5-6 kali, akhirnya dia merasakan dirinya seorang manusia yang tidak berguna. Latihan pemulihan dua tahun dijalankan di pusat pemulihan tidak ada makna baginya. Akhirnya bekas penagih ini akan kembali untuk menemui kuncu-kuncu lamanya untuk menagih semula.

Dengan sebab itulah pihak saya seringkali merayu untuk kita mengambil budak-budak bekas penagih ini untuk diletakkan di satu tempat mungkin hutan belantara 30-40 ekar dipinjam kepada Kerajaan negeri, suruh mereka ini cuci, tebang sendiri dan jadi manusia yang rugged, bukan rugged yang kita nampak dalam TV, terlompat-lompat **itu**. Dari segi rugged maknanya rugged dari segi menghadapi cabaran apa sahaja. Mereka tebang pokok-pokok, mereka cuci, mereka gunakan pokok-pokok itu batang-batang kayu untuk buat pagar, untuk buat pondok mereka tinggal dan tanah itu ditanam dengan sayur-sayuran yang dibantu oleh Jabatan Pertanian. Ada pihak yang mengelolakan untuk mendapatkan benih jagung, benih padi, benih buah-buahan, mendapatkan anak ayam, anak kambing, anak lembu untuk dipelihara

oleh penagih-penagih ini. Lepas itu kita joint-venture dengan penduduk-penduduk atau belia-belia yang berdekatan, tubuhkan pasukan bolasepak, pasukan sepak takraw dan sebagainya bagi mereka berlawan dengan masyarakat kampung-kampung yang berhampiran, akhirnya mereka berdikari dan mereka merasakan bahawa masyarakat ingin kepada mereka. Ini yang kita hendakkan pertolongan sangat kepada seluruh masyarakat, seluruh tenaga yang ada di negara kita ini dan juga kepada badan-badan sukarela agar sanggup mengambil projek-projek ini sebagai projek anak angkat. Kalau tidak, pusat pemulihan yang ada itu akan menjadi sia-sia. Undang-undang kita akan menjadi sia-sia. Penguatkuasaan kita akan menjadi sia-sia kalau sekiranya penglibatan rakyat keseluruhannya sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Douglas Sullang tadi bahawa kita mahu memerangi dadah ini berhabis-hablsan, tetapi berhabis-habisan hanya dari pihak Kerajaan sahaja tidak mencukupi kalau sekiranya rakyat jelata tidak mahu membantu kita dalam hal ini.

Jadi saya berharap sangatlah perkara ini dapat kita usahakan dan saya nampak Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon ini sungguh arif dalam hal masalah dadah. Saya berharap selaku Yang di-Pertua PEMADAM bolehlah saya menjemput Yang Berhormat untuk memberi ceramah dalam aktiviti-aktiviti PEMADAM di seluruh negara kelak kerana mempunyai begitu semangat dalam ucapan beliau dan inilah yang kita inginkan, iaitu pihak-pihak yang boleh bercakap, boleh menyedarkan ibubapa, boleh menyedarkaa masyarakat, boleh menyedarkan anak-anak muda kica dalam hal masalah dadah **ini**.

Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang daripada Sarawak telah membangkitkan tentang persidangan antarabangsa. Ingin saya jelaskan bahawa pada tahun ini Malaysia akan jadi tuan rumah kepada dua persidangan antarabangsa terhadap penyalahgunaan dadah. Satu ialah apa yang dikenali sebagai IFNGO (International Federation of Non Governmental Organisation) yang akan diadakan di Kuala Lumpur dan satu lagi ialah badan antarabangsa yang berpusat di Sweeden yang juga akan mengadakan persidangannya di Kuala Lumpur dan dengan kedua-dua persidangan antarabangsa ini yang akan dirasmikan sekaligus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan memberi manfaat kepada negara kita dari segi memerangi dadah **ini**.

Yang Berhormat Tuan G. Rajoo dan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan telah membangkitkan tentang Akta Samsu Haram. Pekara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian dan kita mahukan kerjasama daripada pihak tertentu tentang keperluan dan fakta yang lengkap untuk kita dapat pertimbangkan masalah ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh satu persatu atas perkara yang telah dibangkitkan, saya mohon ampun dan maaf. Namun begitu, saya tetap akan mengambil perhatian setiap ayat yang telahpun disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, jika sekiranya ia perlu dikaji dan diteliti oleh Kementerian Dalam Negeri akan meneliti segalanya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

8.26 mlm.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad];** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang perlu untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi dengan berkesan dan cekap, untuk melindungi manusia dan harta daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil-alih Perkhidmatan Bomba daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pinak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan dengan pindaan Perlembagaan melalui Akta A354 dan Akta A514. Ekoran daripada pindaan-pindaan tersebut, Kerajaan memerlukan satu undang-undang khas untuk menyempurnakan tanggungjawab tersebut. Masa kini, Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia hanya berfungsi sebagai penasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak Berkuasa-pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Adalah didapati keadaan yang sedemikian tidaklah memuaskan. Oleh itu, Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba, 1988 adalah sangat perlu untuk membolehkan Jabatan Bomba berfungsi dengan lebih berkesan lagi tanpa apa-apa keraguan dengan berasaskan perundangan dan perlindungan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibahagikan kepada 9 Bahagian dan mengandungi 63 Fasal, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat menghuraikan satu-persatu tentang Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba, 1988 kerana saya yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melihat bahawa Rang Undang-undang ini hanya menyelaraskan fungsi dan tugas-tugas Jabatan Perkhidmatan Bomba yang sedia ada dan yang telah diamalkan selama ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengutarakan beberapa ciri utama yang penting yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini. Antara lainnya ialah Pasukan Bomba Bantuan, Fasal 4. Perlantikan Pegawai-pegawai Bomba Bantuan bagi tiap-tiap negeri adalah dirasakan perlu pada ketika ini kerana Jabatan Perkhidmatan Bomba memerlukan lebih ramai lagi kakitangan yang melaksanakan tugas-tugasnya yang kian bertambah dan meningkat. Tambahan pula cara-cara mencegah kebakaran dan melawan kebakaran memerlukan teknik-teknik dan peralatan-peralatan yang moden disamping mempunyai kakitangan yang secukupnya di tahap operasi. Adalah diharapkan lantikan Pegawai-pegawai Bomba Bantuan akan dapat menampung keperluan tenaga manusia yang sangat-sangat diperlukan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba. Disamping itu dengan perlantikan Pegawai-pegawai Bomba Bantuan ini, Kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan negara.

Kedua, Pasukan Bomba Sukarela, Fasal 62. Sepertimana yang disebutkan tadi, pencegahan dan melawan kebakaran memerlukan bukan sahaja kakitangan yang cekap dan peralatan yang moden malah diperlukan juga kerjasama dan sokongan rakyat terhadap usaha ini.

Mengikut Fasal 62, Menteri diberi kuasa untuk menubuhkan Pasukan Bomba sukarela dan organisasi persendirian, institusi pendidikan dan organisasi sukarela. Di samping itu Menteri juga diberi kuasa untuk menubuhkan organisasi keselamatan kebakaran di premis-premis yang diperlukan.

Adalah diharapkan dengan strategi ini Jabatan Perkhidmatan Bomba bukan sahaja dapat mengurangkan kecelakaan kebakaran, malah akan lebih berkesan lagi langkah mencegah kebakaran dengan sokongan dan bantuan orang ramai, Dengan secara tidak langsung ianya boleh menjimatkan lagi perbelanjaan Kerajaan.

Ketiga, Fasal 48 Tabung Kebajikan Bomba. Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah sedar bahawa ahli-ahli Bomba yang berkhidmat setiap masa dan setiap hari untuk mencegah dan memadam kebakaran aemata-mata untuk melindungi manusia dan memelihara harta-benda orang-orang awam menghadapi risiko kerja yang merbahaya.

Mengenai hakikat ini, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa mereka seharusnya diberi penghargaan, sanjungan dan penghormatan di atas jasa-jasa mereka. Sebagai tanda penghargaan dan demi untuk memelihara kebajikan mereka jika berlaku apa-apa kemalangan atau kecelakaan, satu Tabung yang bernama Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba akan diwujudkan mengikut Fasal 48. Kumpulanwang ini bertujuan:

- (1) memberi kemudahan kebajikan kepada anggota-anggota Perkhidmatan Bomba yang tercedera semasa melawan kebakaran dan semasa menjalani latihan;



- (2) memberi kemudahan kepada keluarga anggota-anggota Bomba apabila anggota itu meninggal dunia atau tidak lagi boleh melaksanakan tugas-tugas disebabkan kecederaan; dan
- (3) membantu mereka di dalam kesusahan-kesusahan tertentu seperti kematian atau kemalangan. Dengan wujudnya Tabung ini adalah diharapkan semua pegawai-pegawai Bomba akan lebih berperangas dan tidak lagi teragak-agak menjalankan tugas mereka dengan sempurna.

Penguatkuasaan, sepertimana yang diterangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di awal-awal lagi, Jabatan Perkhidmatan Bomba tiada mempunyai kuasa tersendiri dan hanya berfungsi sebagai penasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Tempatan. Melalui Rang Undang-undang ini, Jabatan Perkhidmatan Bomba diberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada semata-mata untuk melindungi manusia dan harta benda daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan. Misalnya, Fasal 8 bagi menghapuskan bahaya kebakaran di dalam mana-mana premis.

Fasal 22 penstoran air dalam premis untuk menentang kebakaran dan Fasal 28 pengeluaran perakuan bomba dalam mengawal penggunaan premis. Adalah diharapkan dengan adanya kuasa-kuasa tersebut operasi melawan dan operasi kebakaran akan dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya kira memadai setakat ini bagi saya menerangkan dengan serba ringkas rasional, tujuan dan betapa mustahaknya mengapa Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba 1988 diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan yang perlu untuk Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi dengan berkesan dan cekap, untuk melindungi manusia dan harta daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada di antara Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa,

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMAJU PERUMAHAN  
(KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**8.38 mlm.**

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dibaca kali yang kedua sekarang.

Di Dewan yang mulia **ini**, kita selalu mendengar keluhan rakyat melalui Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai ketidakpuasan hati mereka terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab, umpamanya isu-isu seperti projek terbengkalai sering dibangkitkan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun dan sedang mengambil tindakan-tindakan secara pentadbiran dan tindakan-tindakan melalui mahkamah mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Tetapi malangnya peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi bagi mengatasi masalah-masalah yang sedang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 diwujudkan ialah untuk mengawal dan melesen urusan pemajuan perumahan di Malaysia Barat, supaya pemajuan perumahan dapat dijalankan dengan teratur dan sempurna. Demi untuk menentukan supaya tujuan tersebut dicapai dengan sepenuhnya adalah difikirkan perlu dan sudah sampai masanya untuk Akta ini dipinda dan dikemas-kinikan.

Pindaan-pindaan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini telah dikaji dengan teliti dan mendalam setelah Akta ini dilaksanakan hampir 10 tahun tanpa apa-apa pindaan.

Pindaan-pindaan ini juga mengambilkira masalah-masalah semasa yang timbul di dalam industri perumahan dan juga untuk mengatasi beberapa kelemahan undang-undang yang telah dikenalpasti selepas ianya dikuatkuasakan.

Dalam proses penyediaan pindaan Akta, pertimbangan yang sepenuhnya telah diberikan kepada segala aspek perkembangan semasa industri perumahan serta kepentingan semua pihak yang terlibat. Dengan adanya pindaan-pindaan yang dikemukakan di dalam Rang Undang-undang ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan percaya keyakinan terhadap industri perumahan akan ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan utama ialah Fasal 4 yang bertujuan untuk mewajibkan pemaju perumahan yang berlesen mengadakan satu akaun khas yang dikenali sebagai 'Akaun Pemajuan Perumahan'(APP) di sebuah bank atau syarikat kewangan.

Akaun Pemajuan Perumahan hendaklah dibuka oleh setiap pemaju perumahan berlesen bagi tiap-tiap satu pemaju perumahan yang hendak dilaksanakan. Segala bayaran kemajuan yang diterima daripada penjualan rumah-rumah tempat tinggal di dalam pemajuan perumahan tersebut dikehendaki dibayar masuk ke dalam akaun tersebut. Begitu juga wang daripada Akaun Pemajuan Perumahan akan hanya dibenar dikeluarkan untuk maksud-maksud yang berkaitan dengan pemajuan perumahan yang sama. Dengan adanya akaun ini ia akan dapat memastikan supaya segala pembayaran yang dibuat oleh pembeli-pembeli rumah akan digunakan untuk menyempurnakan projek perumahan yang berkenaan.

Peruntukan juga dibuat untuk menjadikannya satu kesalahan jika pemaju perumahan tidak mematuhi semua keperluan mengikut peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah Akta ini. Dengan ini adalah diharapkan supaya rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan akan disediakan dan diserahkan kepada pembeli-pembeli rumah mengikut segala syarat yang ditetapkan di dalam Perjanjian Jual Beli.

Pemakaian Akta Pemaju Perumahan yang ada sekarang akan diperluaskan lagi untuk meliputi semua pemaju perumahan, sama ada mereka mempunyai lesen atau tidak. Oleh itu Seksyen 10 Akta Pemaju Perumahan dipinda bagi memberi kuasa kepada Pengawal Perumahan atau Inspektor Perumahan untuk menyiasat hal ehwal semua pemaju perumahan. Akta yang ada sekarang hanya memberi kuasa untuk siasatan dilakukan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang berlesen sahaja. Oleh itu tujuan asal wujudnya Akta ini telah tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, demi menyahut seruan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang selalu menekankan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil tindakan-tindakan yang tegas untuk membelah rakyat, iaitu pembeli-pembeli rumah, maka penguatkuasaan Akta Pemaju Perumahan diperkemaskan lagi supaya lebih berkesan dengan meminda Seksyen 18, Seksyen 19 dan Seksyen 21.

Sebagai langkah-langkah untuk mencegah pemajuan perumahan berlaku dan dijalankan tanpa lesen, hukuman yang dikenakan di bawah Seksyen 18 Akta telahpun dinaikkan. Sesiapa yang menjalankan pemajuan perumahan tanpa mempunyai lesen adalah melakukan kesalahan dan di bawah Akta ini boleh didenda sebanyak tidak kurang daripada \$10,000 dan tidak lebih daripada \$100,000 atau dipenjara selama tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Dengan cara ini adalah diharapkan supaya semua pemaju perumahan akan memandang berat terhadap Akta **ini**. Ianya juga bertujuan bagi memastikan pematuhan kepada peruntukan Akta yang digubal bagi mengawal aktiviti-aktiviti mereka dan bagi menjamin kepentingan pembeli-pembeli rumah yang berurusan dengan mereka. Pindaan kepada Seksyen 19 Akta dibuat untuk membolehkan kesalahan di bawah Seksyen 19 Akta ditambah untuk meliputi kesemua kegagalan mematuhi arahan-arahan Menteri yang dibuat di bawah Seksyen 11 Akta. Pindaan kepada Seksyen 21 Akta dibuat dengan tujuan membuat peruntukan berhubung dengan penalti am terpakai terhadap mana-mana pemaju perumahan bagi maksud pendakwaan. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan yang dihuraikan sebentar tadi, ada beberapa pindaan lain yang berbangkit hasil daripada pindaan-pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa pindaan-pindaan yang dikemukakan di dalam Rang Undang-undang ini akan dapat menjamin hak-hak pembeli rumah di samping menentukan supaya industri perumahan akan berkembang dengan lebih sihat dan stabil. Dengan adanya pindaan-pindaan tersebut, kepercayaan terhadap pemaju-pemaju perumahan akan ditingkatkan lagi dan ini akan memastikan pertumbuhan industri perumahan pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak **ber-**cakap? Sila Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

8.46 mlm.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih diucapkan oleh saya kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan untuk menyokong Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 1988. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana sudah berjaya menggubalkan Rang Undang-undang ini yang menunjukkan bahawa Kerajaan kita ada mengambil berat terhadap usaha melindungi hak-hak pembeli-pembeli rumah dengan mengadakan satu seksyen baru iaitu Seksyen 7A dalam Akta pindaan ini.

Dengan adanya Seksyen 7A ini, sesuatu pemaju perumahan dikehendaki membuka satu akaun Pemajuan Perumahan dengan sebuah bank ataupun syarikat kewangan yang dibenarkan. Dengan adanya akaun itu semua wang pembelian yang ditetima daripada pembeli-pembeli mesti disalurkan kepada akaun itu dan wang hanya dibenarkan dikeluarkan daripada akaun itu untuk tujuan menyempurnakan kerja ataupun projek pembinaan perumahan yang berkenaan itu. Dengan cara itu, Kerajaan boleh memastikan bahawa wang yang didapati daripadapembeli-pembeli itu tidak disalurkan kepada suatu projek perniagaan yang lain ataupun suatu projek pembinaan rumah yang lain semasa projek sekarang itu belum disiapkan lagi.

Tujuan seksyen ini adalah semata-mata untuk memastikan bahawa Pemaju Perumahan ini adalah dengan bersungguh-sungguh menjalankan kerja sehingga kerja pembinaan itu siap diselesaikan. Dan saya rasa bahagian ini kita dapati bahawa di bawah Seksyen 7A itu adalah **per-**untukan juga diberikan kepada kes yang malang, di mana kes bangkrap ataupun keadaan penerimaan sudah timbul ada wang yang disimpan dalam akaun itu boleh digunakan untuk menjelaskan segala **liability** ataupun hutang yang dialami oleh syarikat pembinaan perumahan itu dan kalau ada bakinya, wang yang baki itu boleh digunakan untuk meneruskan pembinaan perumahan itu.

Dengan langkah-langkah seperti itu dan dengan adanya seksyen 7A di mana peraturan diberikan, seksyen 10 di mana langkah-langkah pemeriksaan diberikan dan juga seksyen 18 di mana pendakwaan diperuntukan, saya rasa jaminan yang cukup baik telah diletakkan pada hak-hak pembeli rumah dan kita tidak dapat lagi melihat developers who fly by night yang tidak mempunyai modal yang cukup untuk mengendalikan projek perumahan mereka dan semata-mata mengutip wang daripada pembeli-pembeli itu untuk menjalankan projek itu sahaja.

Sebaliknya, apabila kita melaksanakan Rang Undang-undang ini, saya ingin memperingatkan Kerajaan kita supaya kitapun bersama-sama berusaha supaya menjamin juga hak dan kebajikan pemaju perumahan kerana dengan perlaksanaan Akta pindaan ini, implikasi kewangan kepada pemaju-pemaju perumahan ialah dia memerlukan satu modal yang lebih besar untuk membiayai perbelanjaan seperti meminta lesen, mendapatkan tanah, membuat pecahan lot-lot dan sebagainya, pelan, lokasi dan seterusnya bahan-bahan pembinaan dan sebagainya. Kita boleh nampak bahawa di bawah pindaan Akta ini modal syarikat pemaju yang diperlukan adalah lebih besar dan risiko yang dialami oleh pemaju itupun lebih besar, jikalau rumah-rumah yang dibinakan itu tidak sempat dijual. Oleh kerana itu, saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh mengambil kira apakah perlindungan yang kita boleh beri kepada pemaju-pemaju supaya memastikan bahawa proses permohonan lesen, pelan itu diluluskan tidak memakan masa yang telalu panjang sehinggakan peluang menjualkan rumah-rumah itu hilang atau harga yang akan dapati dengan menjualkan rumah-rumah itu sudah turun kerana ada persaingan daripada pemaju-pemaju yang lain pula.



Point yang kedua yang saya cuba tegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah kita mesti berjaga-jaga juga supaya dengan perlaksanaan Rang Undang-undang ini kita tidak menjejaskan kebajikan dan hak pemaju-pemaju perumahan itu.

Perkara yang ketiga yang saya ingin sentuh sebelum saya akhiri ucapan saya ialah satu berkenaan dengan alam sekitar. Untuk tiap-tiap satu projek pembinaan perumahan yang besar itu, saya ingin memperingatkan Kementerian yang berkenaan supaya ada peruntukan untuk infrastruktur yang sesuai untuk tapak perumahan itu. Infrastruktur yang saya maksudkan itu tidak lain daripada padang - seperti ruangan yang kosong, tempat-tempat untuk taman permainan kanak-kanak, tapak-tapak yang sedia untuk tujuan kegunaan agama, sekolah, pasar dan tempat-tempat membeli-belah di kawasan tapak perumahan yang besar itu. Memang kita tidak boleh buat ini untuk tiap-tiap satu tapak perumahan yang kecil tetapi untuk satu kawasan yang besar, saya harap pertimbangan ini ada diberikan sebelum pelan itu diluluskan dan sebelum pemaju itu dibenarkan memulakan projek perumahan itu.

Oleh kerana itu, saya ingin menegaskan sekali lagi di dalam ucapan saya ini, saya tegaskan tiga perkara:

- (1) Hak-hak pemibeli-pembeli ada terjamin di bawah seksyen 7A, seksyen 10 dan seksyen 18 Akta pindaan ini;
- (2) saya ingin memperingatkan Kementerian yang berkenaan supaya menjaga hak dan kebajikan pemaju supaya pemaju itu boleh menjayakan projek pembinaannya dalam masa yang dijangkakan dan dengan harga jualan yang boleh membawa untung ;

- (3) kita mesti menjaga infrastruktur dari segi alam sekitar dan juga dari segi kemudahan-kemudahan yang boleh diberikan kepada penduduk-penduduk yang akan menduduki rumah-rumah itu .

Dengan pendapat-pendapat itu, saya ingin menyuarakan sokongan saya yang sepenuhnya untuk Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) (Pindaan) 1988. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

**8.56 mlm.**

**Tuan C.Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong satu Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sessi Parlimen yang lalu, saya telah mencadangkan bahawa pemaju perumahan membuka dan menyelenggarakan akaun pemaju perumahan dengan sebuah bank atau syarikat kewangan. Sistem ini sudah diamalkan di negara-negara seperti Jepun dan, Taiwan, jika saya tidak silap. Saya rasa gembira Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun membentangkan Rang Undang-undang seperti disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini pada masa yang lalu. Saya rasa Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 yang dibentangkan bertujuan, antara lain, mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap panajupemaju yang tidak bertanggungjawab. Rang Undang-undang Pemaju Perumahan yang dibentangkan untuk bacaan kali kedua hari ini bertujuan, antara lain, mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Pindaan ke atas Rang Undang-undang itu termasuk seksyen 7A yang baru supaya pemaju perumahan membuka dan menyelenggarakan kemajuan

perumahan dengan sebuah bank atau syarikat kewangan. Seksyen itu menyenaraikan cara bagaimana wang dalam akaun itu patut digunakan sekiranya pemaju perumahan berlesen itu membuat apa-apa komposisi atau perkiraan dengan perhitungan atau terdapat perintah penerimaan atau perintah perhukuman dibuat terhadapnya atau pemaju perumahan berlesen itu sebagai sebuah syarikat membuat kecairan secara sukarela atau secara paksa.

Pindaan Rang Undang-undang iai juga melarang semua orang dalam akaun daripada dikeluarkan sehingga kesemua tanggungan dan kewajipan pemaju perumahan berlesen yang tersenarai di bawah perjanjian jual-beli dilepaskan sepenuhnya. Melalui pindaan ini Menteri diberi kuasa untuk melantik seorang Juru Audit untuk menyiasat buku akaun dan urusan akaun pemaju perumahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sambil mengalu-alukan Rang Undang-undang ini, saya ingin memberi pendapat saya terhadap rancangan perumahan yang terbengkalai. Bilangan Pegawai Penguatkuasa hendaklah ditambah memandangkan kepada kadar projek-projek perumahan yang terbengkalai adalah lebih kurang 180. Katakan Kerajaan menyelesaikan 30 skim terbengkalai selama setahun, ini bererti ia akan mengambil masa 6 tahun untuk menyelesaikan skim terbengkalai lebih kurang 180 itu.

Jadi, apa akan jadi kepada mereka yang melabur dalam skim terbengkalai itu, takkan mereka tunggu selama 6 tahun atau lebih 9 tahun untuk masalah mereka diselesaikan. Jadi, saya cadangkan bahawa lebih peruntukan diadakan untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mengambil lebih ramai Pegawai Penguatkuasa Perumahan untuk mengendalikan kes-kes terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ada satu "Lidah Pengarang" baru-baru ini mengenai pindaan ini yang dikatakan di dalam bahasa Inggeris, dengan izin:

"The law must be made to protect the public interest and be seen to be doing that. There is no difference in concern between one industry and another nor should there be any between one ministry and another.

It is important that private enterprise in every sector be regulated by the necessary legal constraint. This is not to restrict entrepreneurship rights but to protect the innocent and to deter the illegal."

Seperti Lidah Pengarang itu, ini bukannya memberi tekanan undang-undang kepada mana-mana pengusaha atau pemaju tetapi Rang Undang-undang ini adalah untuk menjaga mereka yang innocent, dengan izin, dan mendenda mereka yang melakukan kesalahan. Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Puan

Hajjah Rogayah binti Che Mat.

**9.02 mlm.**

**Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1988.

Penglibatan pemajuan perumahan ini adalah satu sumbangan yang menyeluruh ke arah pembangunan ekonomi dan pendapatan negara yang berterusan. Maksud saya satu badan yang sanggup berhadapan dengan berbagai cabaran membuat pelaburan dengan risiko yang begitu tinggi kerana sesuatu penyelenggaraan projek yang mereka usahakan merangkumi penglibatan berbagai pihak.

Perlaksanaan projek memberi imbuhan misalnya kepada tuan-tuan punya tanah mendapat habuan bayaran, agensi-agensi Kerajaan dan swasta, Majlis-majlis Daerah, Perbandaran, para perunding serta peguam, kontraktor-kontraktor, pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir, badan pengurusan dan seterusnya buruh-buruh kasar.

Dan yang kedua penting dan nadi kepada pemaju-pemaju perumahan adalah syarikat dan institusi kewangan yang pada keseluruhannya satu badan yang mendapat jaminan yang teguh untuk mendapat keuntungan. Maksud saya jaminan yang teguh untuk mendapat keuntungan disebabkan faedah yang tinggi yang dikenakan ke atas pemaju-pemaju swasta di atas pinjaman sementara jual atau bridging finance, dengan izin. Dan di atas kelewatan bayaran balik disebabkan pinjaman yang lambat diproses dari pembeli-pembeli sama ada melalui institusi-institusi kewangan ataupun pinjaman perumahan Kerajaan.

Penalti atau denda yang dikenakan ke atas mereka ini semata-mata bayaran yang tidak dikira bayaran faedah atau bayaran pokok yang sungguh tidak munasabah kerana pemaju-pemaju perumahan sebenarnya tidak begitu boleh mendapat untung jika dibandingkan dengan usaha dan pelaburan yang diperjudikan di samping cabaran serta persaingan dari agensi-agensi pemaju perumahan Kerajaan dan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1988 ini di mana akaun pemajuan perumahan yang bererti satu akaun yang dibuka dan diselenggarakan oleh seseorang pemaju perumahan berlesen di bawah Fasal 4 Seksyen 7A. Seksyen 7A(1) pula tertakluk kepada subseksyen 9 setiap pemaju perumahan berlesen hendaklah membuka dan menyelenggarakan satu akaun pinjaman perumahan dengan sebuah bank atau syarikat kewangan bagi setiap pinjaman perumahan yang diusahakan oleh pemaju perumahan berlesen tersebut yang akan kita luluskan sebentar lagi.

Akta ini bertujuan untuk menyelamatkan semua pihak. Institusi-institusi kewangan akan mendapatkan bayaran balik dengan bertepatan mengikut jadual. Kerajaan sendiri dapat memungut cukai pendapatan mengikut satu-satu projek dan pemaju perumahan yang sudah established, dengan izin, dapat menjalankan projek dengan lancar.

Tetapi bagi pemaju-pemaju perumahan yang baru berkemungkinan akan berhadapan dengan masalah kerana penyelenggaraan yang disatukan itu akan ada aturan dan peraturan pengeluaran peruntukan itu sendiri yang mana boleh menghalang kelancaran projek dan membebankan pemaju.

Untuk itu marilah kita setelah meluluskan Akta ini dengan rasa penuh insaf bahawa sumbangan yang bersungguh-sungguh dan tanggungjawab yang ikhlasnya bahawa pemaju perumahan mestilah diberi perhatian bagi mereka terus wujud sekurang-kurangnya sementara kita menunggu pelabur-pelabur asing yang berbisik-bisik dengan mereka yang sebahagiannya dari mereka menjanjikan angka-angka pelaburan yang besar yang ingin melabur yang belum tentu dan kalau pun datang mereka sebahagian daripada pendapatan akan dibawa pulang ke negara mereka masing-masing. Maksud saya hanya sedikit benar yang dapat kita nikmati berbanding dengan pemaju-pemaju perumahan di negara sendiri yang menyumbang secara berterusan ke arah penglibatan semuatermasuk aliran wang berputar di negara sendiri.

Dengan ini saya sekali lagi menyokong suatu Akta untuk meminda satu Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1988. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggulung perbahasan. Dipersilakan.

**9.08 mlm.**

**Tuan Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang telah saya jangka dan saya duga bahawa Akta ini akan mendapat sokongan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana sememangnya pada mula-mula atau awal dalam pembentangan saya, telahpun saya nyatakan lahirnya Akta pindaan ini ialah inspirasi daripada pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat melalui Dewan **ini**.

Saya sungguh berterima kasih kepada Yang Berhormat Dr Tan Chong Keng Memang, pindaan yang dilakukan ini ialah merupai serampang dua mata. Lebih-lebih lagi dalam masalah Seksyen 7A, 10 dan 18 bukan sahaja kepentingan kepada pembeli-pembeli yang hendak dipastikan terjamin tetapi juga kepada pihak pemaju yang mana kedua-duanya hendak mencapai matlamat sepertimana yang dikehendaki oleh negara dan Kerajaan kita.

Setiap rakyat mendapat rumah yang sempurna, pemaju-pemaju akan berhasil lahir sebagai usahawan yang akan memperkembangkan pertumbuhan ekonomi di negara kita ini lebih-lebih lagi ketika dan masa kemelesetan yang sedaag melanda dunia ini.



Menyentuh di dalam masalah kepentingan pemaju-pemaju, memang selama-lamanya bagi pihak Kerajaan atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberi perhatian yang sungguh-sungguh kerana sebagaimana yang pernah saya memberi makluman melalui Dewan ini di dalam soalan tambahan semalam bahawa walaupun bagi pihak Kementerian telah mewujudkan satu unit khas untuk mengenalpasti projek-projek perumahan yang terbengkalai tetapi unit ini lebih berbentuk untuk membantu bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Dengan kata lain, unit ini bukan sahaja untuk membantu bagi menjamin pembeli-pembeli akan dapat rumah tetapi juga seboleh-bolehnya bagi membantu menolong dengan apa cara setidak-tidaknya di atas budi-bicara agar pemaju-pemaju itu juga walaupun tidak mendapat keuntungan setidak-tidaknya tidak menanggung risiko yang terlampau berat.

Perkara yang ketiga menyentuh di dalam masalah alam sekitar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng juga, memang setiap pelan yang hendak diluluskan oleh pihak-pihak yang berkenaan sama ada oleh pihak Penguasa-penguasa Tempatan ataupun Perbandaran ataupun Kerajaan Negeri juga ataupun Kementerian, memang perkara-perkara yang dibangkitkan ini telahpun diambil kira. Soal sekolah, soal tempat-tempat ibadah, soal infrastruktur lain memang telah diambil kira tetapi berlandaskan kepada keadaan projek-projek itu sendiri. Kalau projek itu besar maka keadaannya tak sama dengan sesuatu perancangan yang kecil.

Menyentuh dengan apa yang diutarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat C. Krishnan, barangkali saudara Yang Berhormat sendiri masih ingat beberapa kali pandangan-pandangan ini telah diberi di

dalam, Dewan ini dan apakala Akta ini diutarakan di dalam proses pindaan yang dibuat di peringkat Kementerian, saya selalu teringat wajah Yang Berhormat kerana Yang Berhormat selalu memberi teguran yang membina seperti Ahli-ahli Yang Berhormat lain.

Memang Akta ini saya suka menegaskan walau mungkin negeri Jepun atau Taiwan juga telah melaksanakan sistem APP yang kita laksanakan ini tetapi saya suka menegaskan melalui Dewan ini Kerajaan kita melalui Kementerian kita melakukan pindaan dan mewujudkan pindaan ini tidaklah semata-mata meniru apa yang disogokkan ataupun apa yang dilakukan di negeri Jepun atau di negeri Taiwan tetapi lebih mengambil kira pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri melalui Dewan ini. **[Tepuk]**

Memang di dalam masalah hukuman yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, hukuman bukanlah bererti kita hendak menghukum, kerana hendak mendenda, tak buat salah hukuman ini tidak dikenakan kepada mereka tetapi walau bagaimanapun, dengan adanya hukuman ini barangkali boleh membantu agar bagi pihak pemaju-pemaju lebih bertanggungjawab supaya sesuatu perancangan itu dapat disempurnakan demi keuntungan pembeli.

Saya sekali lagi berterima kasih kepada saudara Yang Berhormat terutama membangkitkan soal pegawai-pegawai penguatkuasa di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan saya amat menyokong pandangan Yang Berhormat supaya Kerajaan memberi peruntukan yang lebih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mendengar, setidaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sudahpun mendengar suara-suara dan hakikat yang sebenar dilakukan ini.

Berterima kasih kepada Yang Berhormat Hajjah Rogayah Che Mat, memang saya yakin Hajjah amat arif di dalam masalah ini kerana Hajjah memang terkenal salah seorang daripada pemaju perumahan yang terkenal bukan sahaja di negeri Kelantan bahkan di Pantai Timur, bahkan juga di seluruh tanahair.

Menyentuh di dalam masalah faedah yang tinggi yang dikenakan oleh institusi-institusi kewangan terutama di dalam masalah bridging finance, saya hanya boleh berkata saya mengambil perhatian dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan lebih mengambil perhatian melalui Dewan ini kerana kebetulannya dia ada dalam Dewan ini semasa apa yang dibangkitkan itu dan saya harap sedikit-tidaknya sesuatu akan dilakukan oleh pihak Kerajaan melalui Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat menyentuh supaya pihak Kerajaan memberi perhatian kepada pihak pemaju-pemaju. Sebagaimana yang telah saya utarakan di dalam jawapan kepada sahabat kita Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng tadi, memang kita sering memberi perhatian kepada pemaju-pemaju. Oleh yang demikianlah agar kedua-dua belah pihak berhasil kerana matlamat kita juga hendak memajukan industri perumahan ini kerana dengan tercapainya matlamat memajukan industri perumahan ini kita dapat membantu kecambahan ekonomi di negara kita ini dan untuk membuktikan kesungguhan Kerajaan bagi membantu pihak pemaju-pemaju industri perumahan ini, yang demikianlah Kerajaan telah memperuntukkan suatu anggaran sebanyak \$2 bilion bagi melaksanakan perumahan di negara kita ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undjng.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan : dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dengan sukacitanya saya mengumumkan iaitu semua Urusan Mesyuarat dalam Persidangan Dewan yang mulia kita kali ini telahpun selesai. Dengan itu, saya dengan hormatnya mengisytiharkan penangguhan Dewan yang mulia ini pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Ahli-ahli Yang Berhormat: Wa 'alaikumus-salam.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 9.20 malam.**